

Laporan ini belum dikemaskini
Senarai Ahli dilampirkan
Kandungan dilampirkan

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 4 November 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

Kebenaran Cuti Kepada Ahli Parlimen Bagi Kuala Selangor

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak beritahu Majlis Mesyuarat ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Jamaluddin bin Adnan, Ahli Parlimen bagi Kuala Selangor bermula dari Mesyuarat Dewan Rakyat yang sedang berlangsung.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Pertanian menyatakan usaha bagi meningkatkan pengeluaran makanan dan konsep pelaksanaan bagi Tabungan Untuk Makanan (TUM) apakah kelemahan dan prestasi tabungan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:
Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian menyediakan pelbagai program sebagai usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara. Program-program ini termasuk program memperluaskan kawasan tanaman dan pengeluaran, mempertingkatkan produktiviti dan kualiti keluaran, mengurangkan kos input pertanian, meningkatkan

kecekapan pemasaran dan pemindahan teknologi, menggalakkan industri hiliran makanan, penyertaan dan pelaburan sektor swasta serta mempergiatkan pembangunan infrastruktur pertanian. Tabung Untuk Makanan (TUM) telah ditubuhkan oleh kerajaan pada tahun 1993 sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara. Ini termasuk perikanan, penternakan, penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, pemprosesan makanan terutamanya dari bahan-bahan tempatan serta pemasaran makanan dan produk makanan.

Pinjaman TUM atau 3F boleh diperolehi bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran yang sedia ada dan untuk membiayai pelaburan baru dalam bidang pengeluaran makanan. Jumlah minimum pinjaman dengan kadar faedah 4% setahun adalah RM100,000 manakala pembiayaan maksimum adalah 90% daripada jumlah kos projek atau RM3 juta, yang mana lebih rendah. Selain daripada Bank Pertanian Malaysia, pinjaman ini boleh diperolehi menerusi institusi-institusi kewangan seperti bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan.

Sehingga 30 September 1999, sebanyak 2,302 pinjaman bernilai RM616.3 juta telah diluluskan di bawah tabung ini untuk penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, penternakan, perikanan, pemprosesan makanan serta pemasaran dan pengedaran. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, isu cagaran atau mendapatkan penjamin merupakan masalah utama pemberian pinjaman TUM manakala masalah-masalah lain seperti tempoh pemprosesan dan kelulusan pinjaman telah dapat diatasi atau sedang dikaji.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan padi atau beras merupakan makanan utama bagi penduduk negara ini dan melihat kepada pasaran beras antarabangsa adalah berada di tahap atau boleh dikatakan pada tahap yang tipis ataupun *thin market* dalam keadaan yang tidak stabil dan juga tidak reliable, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Apakah kerajaan atau Kementerian Pertanian akan mengubah atau meningkatkan tahap sara diri bagi beras negara kita ini akan ditingkatkan pada masa akan datang, sekiranya tidak apakah usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan bahawa keadaan pasaran beras antarabangsa ini semakin sehari semakin meruncing keadaan dan juga penekanan ke atas peningkatan kepada harga beras antarabangsa ini akan menjejaskan negara kita?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan akan terus mengadakan tahap 60% daripada pengeluaran beras dibekalkan oleh domestik. Tetapi walau bagaimanapun, saya boleh katakan 30% daripada keperluan beras negara didapati daripada *domestic production*, dengan izin. Jadi, dalam hal ini pihak kerajaan tidak bercadang mengadakan projek beras yang luas. Tetapi apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah menggalakkan sektor swasta untuk mengambil bahagian dalam pengeluaran ini. Jadi, dalam hal ini kita telah berterima kasih kepada pihak BERNAS yang telah mengadakan projek di Sarawak dan mengadakan 2,000 ekar di Pahang. Dalam segi ini kita sedang meneliti penawaran antarabangsa dan kita mengadakan kontrak-kontrak yang berkaitan dengan keperluan beras dari segi jangka panjang dengan Kerajaan Thailand.

Tuan Haji Mustafa bin Muda: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi meningkatkan pengeluaran makanan, saya ingin bertanya sama ada Tabung Untuk Makanan ini diuntukkan juga kepada selain daripada ternakan lembu, kambing, biri-biri termasuk juga arnab ataupun burung puyuh. Yang kedua, selain daripada itu ladang sawit misalnya, buah sawit ini sudah dijadikan industri makanan. Adakah juga sawit ini termasuk dalam kaedah pinjaman Tabung Untuk Makanan?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama itu burung puyuh dan arnab termasuk dalam tabung ini. Juga termasuk burung unta, burung puyuh, biri-biri, rusa, lebah madu, kerbau, lembu dan ayam itek.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kelapa sawit memang tidak dimasukkan kerana ini adalah dalam bidang kuasa kementerian lain.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Paulis Nointien (Penampang) tidak hadir]

3. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa selalu berlakunya kelambatan penghantaran dan penyelesaian (*clearance*) kontena dari dermaga-dermaga Pulau Pinang ke sesuatu destinasi. Sila beritahu jangka masa untuk proses di atas.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, masalah kelewatan pelepasan (*clearance*) kontena-kontena di Pelabuhan Pulau Pinang pada umumnya ada disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

- (i) peningkatan yang mendadak pengendalian kontena-kontena di Pelabuhan Pulau Pinang terutama bagi tempoh suku tahun ketiga 1999 di mana peningkatan sebanyak 16% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1998;
- (ii) kapasiti jentera pengendalian kontena pelabuhan dan jentera-jentera pengangkut syarikat-syarikat pengangkutan kontena tidak mencukupi untuk menampung permintaan akibat peningkatan pengendalian kontena yang mendadak;
- (iii) kapasiti kawasan dan waktu operasi pengimport-pengimport untuk menerima kontena yang terhad juga menyebabkan waktu penyerahan kontena terpaksa diagihkan ke hadapan secara tidak langsung mengakibatkan kelambatan penyerahan kontena-kontena.

Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:-

- (i) permit-permit bagi pengangkutan kontena berisi telah dikeluarkan oleh pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan kepada syarikat-syarikat pengangkut kontena kosong sebagai langkah menambah kapasiti pengangkutan kontena. Justeru, mengurangkan masalah kelewatan penghantaran kontena-kontena;
- (ii) pihak pengendali pelabuhan juga sedang dalam proses mempercepatkan perolehan jentera-jentera pengendalian kontena bagi keperluan semasa dan akan datang; dan
- (iii) pihak pengimport sedang bekerjasama dengan syarikat-syarikat pengangkut kontena untuk melanjutkan waktu operasi bagi tujuan menerima kontena-kontena di luar waktu puncak dan pejabat. Walau bagaimanapun, pada keseluruhannya situasi penghantaran dan penyelesaian adalah di tahap yang terkawal berdasarkan kepada petunjuk *dual time*, dengan izin, kepada purata kontena berada di Pelabuhan Pulau Pinang tidak melebihi lima hari.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kelambatan penghantaran kontena ke destinasi-destinasi ini bukan masalah yang direka oleh pengimport-pengimport atau pekilang-pekilang tetapi mereka dikenakan denda satu hari

RM20.00 untuk satu kaki kontena dan RM40.00 untuk 40 kaki kontena di Pelabuhan untuk setiap hari. Adakah munasabah kelewatan ini bukan dijadikan oleh pengimport atau pekilang dan mereka didenda dan apa penyelesaiannya?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian belum menerima apa-apa aduan tentang perkara ini. Jika sekiranya dibangkitkan sudah tentulah ini akan kita ambil perhatian tentang perkara yang dibangkitkan.

4. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan perkembangan terkini berkenaan dengan pembinaan jalan lintas iaitu “*Sibuga By-Pass*” di Sandakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, reka bentuk untuk projek ini telah pun siap sepenuhnya. Pada masa ini Jabatan Kerja Raya Sabah sedang dalam proses untuk mengeluarkan panggilan tender bagi projek berkenaan. Keseluruhannya projek ini berharga lebih kurang RM40 juta, manakala ceiling dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang disediakan ianya sebanyak RM18 juta. Adalah dijangkakan kerja-kerja fizikal akan dapat dimulakan pada awal tahun hadapan.

5. **Dr. Sanusi Daing Mariok [Rantau Panjang]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang menjadikan Suruhanjaya Pilihan Raya benar-benar bebas dan berwibawa bagi menangani masalah penyelewengan undi pos sejak beberapa dekad dan juga wujudnya pengundi hantu, di samping memastikan proses pengundian yang lebih mudah, telus dan teratur.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, janganlah marah. Kalaulah macam itu macam mana hendak jadi pemimpin. Sudahlah mengasuh nenek yang tua. *[Ketawa]* Kita tidak berjumpa pun dengan cucu nenek yang tua. Ini DAP pergi jumpa buat apa.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihan Raya sebuah badan yang bebas dan ianya tidak sepatutnya dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Penubuhan dan perlantikannya adalah mengikut perlembagaan dan undang-undang. Dakwaan kononnya berlaku penyeleweng dalam pengurusan undi pos adalah merupakan dakwaan yang tidak

berasas. Dalam menguruskan undi pos SPR sentiasa mematuhi undang-undang yang berkaitan.

Sebenarnya tidak wujud undi hantu sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat. Istilah pemilih hantu telah digunakan secara tidak tepat. Jika seseorang itu tidak dikenali oleh penduduk tempatan ketika keluar mengundi orang itu bukan pengundi hantu. Dia layak mengundi kerana namanya tersenarai dalam Daftar Pemilih di bahagian pilihan raya yang berkenaan. Apa yang berlaku mungkin orang itu telah berpindah ke tempat lain dan beliau tidak memindahkan kawasan pendaftaran.

Pilihan raya di Malaysia adalah mudah, telus dan teratur. Pemilih akan diberi kertas undi dan boleh memilih sesiapa juga calon pilihan raya yang disukainya.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap Setiausaha Parlimen jangan datang tidur dalam Dewan yang mulia ini. *[Disampuk]* Beliau hendaklah lebih bertanggungjawab menjalankan tugas, jangan tidur.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana memandangkan bahawa ada penyelewengan yang begitu ketara dalam undi pos, adakah kerajaan bercadang bahawa yang pertama menghapuskan undi pos. Kedua, kalau tidak mahu menghapuskan undi pos, menentukan bahawa kakitangan SPR dan parti-parti politik yang ada bertanding dalam kawasan itu adalah ejen-ejen untuk monitor pembuangan undi pos supaya tidak berlaku semacam apa yang pernah berlaku seorang pegawai tentera pangkah semua undi pos bagi pihak semua askar yang ada berlaku, semua tahu tetapi tidak berani mengaku.

Seorang Ahli: Dia baru minum.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Janganlah berkelakuan sebagai orang gila.

Seorang Ahli: Dia minum Guinness Stout.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Baiklah sedikit!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, gila itu *unparliamentary*, saya minta dia tarik balik. Orang tidur tidak boleh panggil orang gila. Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila tarik balik.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Saya kata 'semacam', saya tidak tuduh dia gila. 'Semacam' itu lain. *[Ketawa]* Semua orang tengok kelakuan macam itu semacamlah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Itu sahaja. Dia menuduh saya tidur, saya tidak tidur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap. Perkataan 'semacam gila' itu *unparliamentary*, minta tarik balik.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Semacam pun tidak boleh. Saya tarik balik, tetapi dia agak-agak serupa lebih kurang begitulah. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Kalau saya tidur, mungkin saya tidak jawab terus tadi, sebab saya ada urusan sedikit kawan saya bertanya mengenai bahasa Arab. Saya pandai sedikit bahasa Arab. Itu sahaja. Tanjong tidak tahu bahasa Arab saya ingat, yang boleh sedikit mungkin Kepong kalau dia boleh pun. Janganlah buat tuduhan melulu mengatakan menyeleweng dan sebagainya. Sebab kita cuba dengan sebaik mungkin.

Kalaulah sekiranya kita berhak menjalankan perkara-perkara yang menyeleweng, saya rasa parti pembangkang tidak duduk dalam Dewan ini.

Tetapi kedapatan mereka ada, itu menunjukkan kita menjalankan pilihan raya dengan cukup teratur dan sebagainya. Kita memberikan hak mengundi secara pos setelah kita memberikan hak kepada tentera dan polis sebab mereka menjalankan tugas. Semasa pilihan raya polis sudah tentu menjaga keselamatan, kalau mereka semua tidak diberikan hak mengundi pos kita bimbang keselamatan semasa pilihan raya akan terganggu. Begitu juga tentera, mereka membuat operasi ke tempat-tempat tertentu yang telah dirancang lebih awal dan mereka hanya beberapa masa dan ketika berada di dalam kawasan, sebab itu kita beri peluang kepada mereka juga untuk mengundi pos.

Jadi, ini semua kita jalankan dengan cara yang terbaik, apabila kita menyedari mungkin ada pelbagai aduan yang dibuat, maka pilihan raya akan datang, pilihan raya yang ke sepuluh ini, insya-Allah, kita akan melantik 300 orang kerani daripada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menyelia bagaimana penyerahan kertas undi pos kepada polis dan tentera. Sekiranya mereka tidak ada kita tidak akan serahkan kertas undi tersebut. Ini di antara cara yang kita buat untuk memberi lebih keselesaan kepada

pengundi-pengundi tentera dan polis dan memberikan keadaan yang baik kepada orang yang melihat bagaimana kita menjalankan undi pos itu dengan sebaik mungkin.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Adakah Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa soalan pembangkang seperti ini hanya menutup 'pekung di dada'. Perbuatan mereka yang selalu tidak mengikut undang-undang atau menipu ini berlaku sebab, di kawasan saya banyak pengundi yang menyokong kerajaan, pengundi-pengundi UMNO ditukar kawasan, selepas itu melapor bahawa pengundi-pengundi penyokong kerajaan telah mati. Ini pun mereka buat juga. Kawasan saya ramai lagi yang tidak mati tetapi dilaporkan mati. Selepas itu menukar pengundi-pengundi mereka ke kawasan yang mereka kalah dengan majoriti yang sedikit. Misalnya di kawasan Langgar, di Langgar mereka kalah 400 undi, jadi menukar orang-orang di Kubang Pasu untuk mengundi di kawasan Langgar supaya mereka boleh menang di kawasan Langgar, sebab di Kubang Pasu sampai mati pun mereka tidak boleh menang.

Jadi, adakah Jabatan Perdana Menteri sedar supaya perkara-perkara ini dapat diadakan peraturan-peraturan supaya tidak berlaku perkara ini? Kita mahu bebas, kita mahu adil. Kalau tidak macam Yang Berhormat katakan itu mereka itu tidak ada di sini. *[Disampuk]* Itu soalnya. Terkeluar apa? *[Ketawa]* You punya soalan lagi terkeluar, tidak guna punya soalan. *[Ketawa]* Kalau soalan – kalau kita ini zalim, you tidak duduk di situ tau. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak duduk di situ. Terutama ini. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sudah habis? Cukuplah, minta jawapan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tidak, dia kata....*[Ketawa]* *[Disampuk]* Soalan saya telah saya tanya tadi, adakah kementerian atau Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa perbuatan mereka ni menipu sebab sekarang ini kita berkuasa. Jangan beri kita menjadi mangsa. *[Disampuk]*

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kerja parti pembangkang di antaranya memang bercakap bohong dan menipu. *[Disampuk] [Tepuk]* Perkara yang benar diputarbelitkan, sengaja mencari isu supaya menyelewengkan pemikiran rakyat, kalau tidak mereka tidak akan dapat sokongan, tidak menjadi pembangkang dan memanglah ada di antara kerja-kerja demikian rupa dibuat oleh mereka bagi menentukan mereka mendapat kemenangan.

Saya hanya hendak memberikan pandangan kepada PAS tidak usah bermimpilah hendak memerintah negara ini kalau sekiranya DAP hanya memberikan 48 kerusi, tidak dapat dua pertiga. Dia pula hendak letakkan – DAP mengatur sendiri di mana keADILan duduk, hendak bertanding dan juga PAS. Tempat yang dia hendak menang, DAP memang dia sapu semua. *[Disampuk]* Ini semua kerja-kerja sahaja menipu rakyat bahkan sama pakatan pun mereka menipu, inilah kerja-kerja.

Saya beri pandanganlah kepada parti-parti yang lain 'hubaya-hubaya' dengan DAP dan taktik yang kotor ini. *[Ketawa] [Tepuk]*

6. **Datuk Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) bagaimana kementerian membelanjakan peruntukan RM2 juta yang baru diluluskan dalam usaha merangsangkan kegiatan pelancongan domestik; dan
- (b) apakah langkah kerajaan mempertahankan kadar bilik sewa yang tinggi di hotel-hotel besar di seluruh Malaysia dan apakah galakan dan bantuan kerajaan untuk membangunkan lebih hotel-hotel Kelas Menengah Bawah untuk golongan ini di Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Ahli Yang Berhormat bagi Padang Serai yang dijadualkan pada 7 November 1999 kerana ianya adalah mengenai perkara yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melaksanakan secara berterusan pelbagai program dan usaha bagi merangsangkan kegiatan pelancongan domestik dan juga pelancongan antarabangsa dengan peruntukan yang disediakan. Sehubungan dengan ini, selain daripada program-program promosi dan pemasaran di dalam dan di luar negara, peruntukan yang diluluskan kepada kementerian

adalah digunakan untuk program pemuliharaan, pemugaran, tinggalan-tinggalan sejarah, program pengindahan dan kebersihan tempat-tempat pelancongan, melaksanakan program penginapan murah - sederhana, membangun produk ekopelancongan, kebudayaan dan kesenian dan menyediakan dan mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Justeru itu, kadar bilik sewa, hotel adalah ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran. Oleh itu hotel-hotel di negara ini adalah bebas untuk menawarkan pakej-pakej yang menarik dengan kadar sewa hotel yang kompetitif, bergantung kepada strategi promosi dan pemasaran hotel masing-masing. Pihak kerajaan pula menggalakkan persaingan yang sihat dan sentiasa memantau agar pakej-pakej itu adalah bersesuaian dengan taraf dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan.

Sehubungan itu, sukalah saya menyatakan bahawa sehingga hari ini terdapat sebanyak 1,516 buah hotel pelbagai kategori yang menawarkan sejumlah 130,453 bilik di seluruh negara. Pelancong-pelancong domestik dan asing boleh memilih jenis hotel yang diminati dan mengikut kemampuan masing-masing. Dalam pada itu, kerajaan memang ada menyediakan pelbagai galakan dan insentif bagi memperbanyakkan lagi hotel-hotel bertaraf satu ke tiga bintang. Di antaranya adalah insentif taraf perintis, elaun cukai pelaburan, potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan di luar negeri untuk menggalakkan pelancongan, potongan dua kali untuk latihan, pengecualian duti import cukai jualan dan cukai perkhidmatan, pengecualian cukai untuk pembesaran permodenan dan pengubahsuaian hotel dan pengecualian cukai pendapatan cukai pelaburan bagi pembinaan hotel bertaraf satu ke tiga bintang.

Kerajaan melalui rangkaian Hotel Seri Malaysia Sendirian Berhad di bawah pengelolaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah melaksanakan inisiatif untuk menyediakan hotel-hotel bertaraf ekonomi dengan pelbagai kemudahan pada harga yang berpatutan di destinasi-destinasi popular di seluruh Malaysia. Setakat ini terdapat 16 buah Hotel Seri Malaysia sedang beroperasi dan sebuah lagi sedang disiapkan di negeri Perlis pada akhir Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, di Negeri Sembilan sempena 'Tahun Melawat Negeri Sembilan 1999' didapati berjuta-juta ringgit dibelanjakan di atas ehsan dan juga rasa tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Namun, pelaksanaan projek-projek yang sepatutnya dibuat dengan begitu rapi, teliti untuk menarik pelancong-pelancong dalam negeri dan juga luar negeri bagi melawat kawasan-kawasan tempat tumpuan pelancong itu tidak begitu sempurna. Seheinggakan terdapat kerja-kerja dibuat dan dibina oleh kontraktor tidak begitu kemas dan tidak begitu mengikut peraturan-peraturan.

Saya ingin bertanya adakah sebarang ketetapan dibuat mengikut spek yang diluluskan, sesuatu tempat yang menjadi tumpuan itu mesti dibina mengikut syarat dan juga peraturan yang ditentukan?

Jadi, saya ingin bertanya juga adakah pihak kementerian sedar bahawa kebanyakan tempat yang ditentukan untuk menjadi tumpuan pelancong itu tidak begitu sempurna dan akhirnya pelancong-pelancong pun tidak mahu datang dan melawat kawasan-kawasan yang dijangka menjadi tumpuan di tempat-tempat yang ditentukan ini?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan *Federal* memanglah sedar tentang masalah ini dan kita sedang memperingatkan kerajaan-kerajaan negeri dan juga Kerajaan Tempatan tentang persoalan yang mereka harus menanya diri mereka sendiri iaitu kalau pelancong datang ke tempat mereka, di manakah mereka hendak bawa pelancong ini dan adakah tempat-tempat yang pelancong pergi itu sempurna dari segala segi supaya mereka akan berpuas hati dan akan datang balik ke tempat itu berulang kali?

Jadi, inilah perkara yang sedang ditekankan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya mereka akan boleh memberi tumpuan yang lebih sedikit untuk kata orang, lengkapkan tempat-tempat pelancongan ini iaitu dari segi kebersihan, pengindahan, dari segi tanda arah (*signagers*), cerita-cerita menarik bagi tempat-tempat pelancong itu disediakan secara teratur. Ini memang kita sedar merupakan satu masalah dan kita sedang berurusan dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya ini dapat diatasi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, syukran-syukran, dengan izin, cakap Arab sedikitlah. [*Disampuk*] DAP tidak tahulah, memang tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri persoalan berbangkit dalam perenggan (a), persoalan asal untuk mempromosikan seluruh Malaysia dan terutamanya pelancongan dalam negeri.

Jadi, di Sarawak dan Sabah kurang mendapat pelancong dari luar negeri oleh kerana masalah pengangkutan iaitu penerbangan MAS dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur ke Kuching, adalah dua kali ganda lebih mahal daripada penerbangan *international* dan ini memang samalah di seluruh *domestic flight* itu memang mahal.

Jadi, masalah pengangkutan orang dari sini dan *connecting flight* daripada *international flight* ke Kuching dan Sabah. Jadi, persoalan saya apa yang kita boleh *control* iaitu kerajaan? Banyak mengadakan mesyuarat dan conference di seluruh negara. Adakah kerajaan bercadang supaya *conferences* ini diadakan di Kota Kinabalu dan di Kuching yang boleh menjadi tuan rumah *conference* bukan sahaja di peringkat antarabangsa tetapi juga *conference* peringkat negara yang mana kerajaan sendiri yang meng'organised'kan *conferences* yang sedemikian supaya perimbangan kedatangan pelancong itu boleh dibuat ke Sarawak dan Sabah dan untuk memperkenalkan apa yang ada di Sarawak dan Sabah untuk dikenal dan diketahui oleh pihak-pihak yang datang dari luar negara?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar salah satu masalah utama yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk meningkatkan soal pelancongan di negeri itu adalah soal pengangkutan. Bukan saya beri pelancong-pelancong dari luar itu tetapi juga pelancong-pelancong dari domestik – pelancong dari Semenanjung misalnya ke sana dan kita sedang mengadakan pelbagai perundingan sekarang ini dengan *Airlines*, bukan sahaja dengan MAS tetapi juga dengan *Airlines* lain supaya kita dapat mengatasi perkara ini secepat mungkin, itu satu.

Keduanya, kementerian juga sedang berunding dengan pihak-pihak tertentu supaya kita dapat mengadakan balik feri untuk menghubungi Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung tetapi dengan harga yang berpatutan yang boleh digunakan oleh orang ramai. Saya sendiri akan melawat ke Sarawak pada 19, 20 dan 21 di mana kita akan bincang bagaimana kita akan dapat selaraskan kegiatan Sarawak dan juga *Federal* untuk meningkatkan lagi kedatangan pelancongan ke negeri Sarawak.

Ketiganya, tentang mengadakan mesyuarat-mesyuarat mise ataupun *exhibition* dan sebagainya di Kuching ataupun di Kota Kinabalu. Ini memanglah digalakkan tetapi memang menjadi satu lumrah kalau *international meeting* dan sebagainya diadakan biasanya mereka suka untuk diadakan di ibu negara. Ini bukan sahaja di Malaysia tetapi di merata-rata. Jadi, kalau dalam usaha kita untuk melobi sesuatu *international meeting* itu diadakan di negara kita, kalau kita tidak memberikan destinasi yang menarik mungkin kita akan hilang langsung peluang untuk *host meeting* itu. Tetapi, insya-Allah kita akan menggalakkan lebih banyak lagi *meeting* seperti ini diadakan di Kuching dan juga di Kota Kinabalu.

7. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa banyak saman trafik yang dikeluarkan sebelum 1998 tidak dapat diserahkan kepada pesalah, adakah kes-kes saman ini “saman ekor” dan apakah masalah yang menyebabkan tidak dapat diserahkan. Oleh kerana kes-kes ini sudah lama dan pesalah tidak boleh mengingatnya, tidakkah wajar kes-kes saman tersebut dibatalkan demi keadilan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saman trafik yang dikeluarkan sebelum 1998 bukanlah tindakan saman ekor. Ia adalah notis pemberitahu kesalahan lalu lintas berdasarkan gambar foto yang telah diambil semasa kesalahan lalu lintas dilakukan oleh pemandu berkaitan. Statistik bilangan notis ini yang telah dikeluarkan dan telah diposkan serta yang belum dihantar kepada pemilik-pemilik kenderaan bagi tahun 1997 dan 1998 berjumlah seperti berikut:

- (i) jumlah notis dikeluarkan bagi tahun 1997/1998 ialah 1,561,839;
 - (ii) jumlah notis yang diposkan bagi dua berkenaan ialah 1,198,524;
- dan
- (iii) jumlah notis yang belum dihantar bagi dua berkenaan ialah 363,315.

Sebanyak 288,820 kes atau 24.1% daripada jumlah 1,198,524 kes yang telah diposkan telah dijelaskan oleh pemilik kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan menyerah notis-notis kepada pemilik kenderaan adalah disebabkan masalah teknikal dan logistik khususnya dari aspek memproses rekod notis dan penghantaran secara pos. Kementerian juga bersetuju pada dasarnya untuk

membatalkan notis pemberitahu yang dikeluarkan berdasarkan gambar foto yang diambil sebelum 1 Januari 1999.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita semua sedia maklum dalam soal ini tadi ada menyebutkan saman ekor dan ekoran daripada tindakan polis cawangan trafik melalui saman ekor ini pada ketika dahulu telah diketahui umum dan juga melalui Dewan yang mulia ini banyak perkara telah dibangkitkan permasalahan dari segi kesahihan dan sebagainya.

Soalan saya ialah dari segi perundangan itu biasanya satu-satu saman itu perlukan fakta-fakta tempat, kesalahan, kesahihan yang dilakukan oleh pemandu-pemandu dan tujuan saman ini ialah untuk mengelakkan kemalangan dan sebagainya? Yang menjadi praktiknya sekarang ini, sama ada saman ekor ini masih dijalankan dan ekoran daripada permasalahan yang wujud, adakah pernah kes-kes saman ekor ini mengikut pengetahuan Ahli Yang Berhormat dicabar di mahkamah dan keputusannya kerana ini melibatkan perkara-perkara yang banyak dipersoalkan. Contohnya, tempat saman itu dilakukan yang pemandu berada di tempat lain, macam-macam lagi yang dibangkitkan. Adakah dasar atau pendekatan saman ekor masih dijalankan oleh pihak polis dan apakah caranya untuk mengatasi permasalahan ini?

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, saman ini bukanlah saman ekor. Ia adalah saman yang dibuat setelah polis menggunakan kamera khusus yang dikendalikan oleh anggota polis sendiri. Tetapi gambar foto berkenaan hanya menunjukkan nombor kereta dan tempat dan *speed* atau kelajuan kereta berkenaan.

Jadi, yang menjadi kelewatan ialah untuk hendak mengesahkan siapa tuan punya kereta, maka ini perlu diperiksa oleh polis dan bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk hendak mengesahkan. Dari segi saman berkenaan, oleh kerana masalah yang terlibat dan memakan masa yang panjang untuk pengesahan berkenaan dan kemudian diposkan, maka tuan punya kereta pun ada masalah kerana dia sendiri tidak tahu siapa yang membawa kereta berkenaan pada tempoh tersebut. Khususnya bagi kenderaan yang dimiliki oleh syarikat atau dimiliki oleh kerajaan, maka oleh kerana itu pada ketika ini polis sudah memberhentikan urusan saman yang berasaskan kepada

fotograf, maka hari ini tindakan ini dijalankan manual seperti mana yang dijalankan beberapa tahun yang lalu sehingga pihak polis dapat mengatasi masalah yang dihadapi yang disebutkan tadi.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut daripada angka-angka saman yang tidak dapat diserahkan adalah disebabkan teknikal yang disebabkan jabatan ataupun pihak berkuasa dalam negeri dan juga JPJ. Ini telah menimbulkan masalah kepada pemilik-pemilik kereta kerana pemilik-pemilik kereta telah di *black listed* kan oleh JPJ di mana mereka tidak dapat memperbaharui, umpamanya lesen kenderaan dan sebagainya dan ini tidak adil kepada pemilik-pemilik kereta disebabkan kesilapan teknikal oleh pihak berkuasa. Persoalannya, adakah pihak berkuasa akan mengeluarkan kes-kes saman tersebut daripada komputer polis dan JPJ supaya *black listing* ini tidak dapat dilakukan oleh JPJ. Apakah kuasa ataupun peruntukan undang-undang yang digunakan oleh JPJ untuk mem *blacklist* kan kes-kes seperti ini?

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini patut ditujukan kepada JPJ – kepada Kementerian Pengangkutan tetapi izinkan saya memberi jawapan setakat mana yang mampu. Pertamanya, adalah tidak adil untuk di *black listing* kan kereta kerana kereta boleh dijual dan pemilik baru tidak adil untuk dikenakan *black listing*, kalau ada.

Yang keduanya, saya tidak dapat memberi jawapan sama ada mereka yang tidak membayar sebelum 1 Januari 1999 itu akan dikenakan *black listing*. Saya meminta izin untuk menyiasat dan pendapat Yang Berhormat itu akan diambil kira.

8. **Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan simpanan kewangan negara ini untuk tahun 1997, 1998 dan 1999.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan rizab luar negara pada tahun 1997 adalah berjumlah RM59.1 bilion ataupun USD21.7 bilion. Kedudukan rizab ini telah meningkat kepada RM99.4 bilion atau USD26.2 bilion pada akhir tahun 1998 iaitu mampu untuk membiayai 5.6 bulan import tertanggung. Pada 28 Oktober tahun ini, kedudukan rizab negara telah meningkat kepada RM114.8 bilion atau USD30.2 bilion dan mampu untuk membiayai 6.2 bulan import

tertanggung. Kedudukan rizab pada 28 Oktober 1999 adalah empat kali lebih tinggi berbanding dengan hutang luar jangka pendek negara ini. Ini menunjukkan daya tahan ekonomi negara yang kukuh terhadap kejutan luar.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kedudukan simpanan wang negara kita begitu kukuh tetapi Yang Berhormat sedar atau tidak, 'Barisan Alternatif' dalam kenyataan mereka menyatakan bahawa kerajaan mungkin tidak mampu untuk membayar balik hutang pinjaman luar. Jadi, *[Disampuk]* Ha? Dia orang memang macam itu, 'Barisan Alternatif', otak bubuh di lutut. Jadi, adakah dengan kekuatan ekonomi kita, dengan rizab kita yang begitu banyak, sudah tentu kita tidak menghadapi masalah untuk menjelaskan hutang-hutang luar negara untuk pembangunan negara kita. Jadi, apakah Yang Berhormat boleh memberi sedikit penjelasan kepada pemimpin-pemimpin 'Barisan Alternatif' ini supaya depa faham apa dia ekonomi, jangan dok pergi ke kampung, dok bohong orang kampung, perkena orang kampung, lepas itu mai ke Parlimen dok buat bodoh sahaja di Parlimen.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1999, setakat bulan ini, hutang jangka pendek negara kita adalah lebih kurang RM28.9 bilion dan ini adalah satu angka yang kecil kalau dibandingkan dengan rizab negara yang kita perolehi setakat ini dan kalau kita bandingkan dengan jumlah hutang negara iaitu RM161 bilion dengan GNP kita, ia hanya merupakan 57.4% dan ini juga satu angka yang boleh dikatakan adalah amat rendah sekali dan kalau juga kita bandingkan *debt service ratio* yang terdapat selama ini, setakat ini ialah hanya 6.2% sahaja dan pada satu tahap yang boleh diterima oleh antarabangsa ialah di peringkat 20% untuk *debt service ratio*. Jadi, ini adalah satu angka yang boleh kita tunjukkan kepada 'Barisan Alternatif' di mana mungkin mereka boleh faham bahawa kedudukan kewangan negara kita masih kuat lagi dan kita jangan bimbang dan jangan putar belitkan angka-angka yang sedia ada ini.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun wang simpanan negara kita telah naik kebelakangan ini, apakah sebab hutang negara kita pun naik ke satu tahap yang ketara dan membawa kebimbangan bahawa ada satu masa yang kita tidak dapat membayar balik hutang negara ini dan, apakah proses yang sedang diambil supaya hutang luar negara akan dikurangkan?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan 6.2% *debt service ratio* ini telah menunjukkan kita mampu hendak membayar balik. Kalau angka ini tinggi lagi, maknanya kita ada kemungkinan tidak mampu hendak membayar balik, kalau sampai 20% atau 30%, mungkin tidak pada ketika kemudian itu, tidak sanggup negara itu membayar balik tetapi bagi kita, hanya sampai 6.2% sahaja. Ini adalah angka yang masih rendah lagi dan untuk kita meminjam, oleh kerana kita mengambil satu dasar iaitu untuk mencergaskan ekonomi negara kita, jadi satu cara ialah untuk kita mendapat sumber kewangan daripada pinjaman. Boleh kita gunakan cara-cara lain tetapi yang kita fikir oleh kerana hutang luar negara kita ataupun hutang negara kita itu masih rendah dan ini adalah salah satu daripada pilihan yang boleh dibuat dan kita percaya dengan mencergaskan ekonomi negara kita itu, dapatlah kita mendatangkan keuntungan di mana boleh kita mampu untuk menggunakan keuntungan itu untuk membayar balik semua hutang ini dan dalam masa itu dapat kita membangunkan negara ini. Ini adalah satu cara yang kita percaya boleh diamalkan.

9. **Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) apakah tindakan telah diambil oleh kementeriannya terhadap pemaju-pemaju rumah yang berulang kali menyerahkan rumah/kedai kepada pembeli tanpa mematuhi syarat-syarat dalam perjanjian jual beli dan tanpa C.F. dan kualiti rumah/kedai sentiasa didapati *sub-standard*; dan
- (b) mengapa tidak ada tindakan diambil terhadap direktor L.S. Corporation Sdn. Bhd., walaupun banyak aduan telah dibuat terhadap pemaju itu oleh pembeli-pembeli rumah/kedai di beberapa projek yang dimajukan oleh L.S. Corporation Sdn. Bhd.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Mohd Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Tan Yee Kew dari Klang adalah sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Dewan yang mulia pada 28 Oktober 1999. Jika didapati pemaju melanggar Akta Pemaju Perumahan 1996 atau Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, maka tindakan akan diambil untuk membawa pemaju ke

mahkamah. Kebanyakan aduan yang diterima tentang LS Corporation Sdn. Bhd. adalah mengenai kecacatan bangunan dan bukan pelanggaran akta atau peraturan. Dengan penglibatan kementerian sebagai orang tengah, LS Corporation Sdn. Bhd. telah mengambil tindakan untuk memperbaiki aduan-aduan kecacatan.

Dato' Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, kepada pemaju perumahan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang tertentu apabila kita tujukan soalan ini kepada kementerian, jawapan daripada kementerian iaitu nama pemaju akan dimasukkan ke dalam senarai hitam, itu jawapan yang sentiasa diberikan kepada kami. Jadi, adakah tindakan seumpama ini sudah memastikan pemaju yang berkenaan tidak terus melakukan kesalahan dengan menukar nama syarikat?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, memang betul Ahli Yang Berhormat bagi Senai menyatakan bila mana kita mendapati ada setengah-setengah pihak melanggar undang-undang, kita akan ambil tindakan. Tindakan ini seperti sebahagian daripada yang Yang Berhormat sebutkan tadi tindakan mahkamah, juga kita heret para pemaju ini termasuk Projek Lashatu, contohnya, kita sudah ambil tindakan. Tiga pertuduhan dan tiga penalti telah pun dikenakan dengan hukuman beberapa ribu ringgit telah dikenakan. Dalam pada itu juga, bila mana kita dapati bahawa perangai dan kelakuan ini berlanjutan, kita senaraihitamkan dan kita hantar, bukan hanya kepada pihak pelesenan di peringkat kementerian, bahkan juga kita pastikan di peringkat Kementerian Kewangan supaya penama-penama tersebut jangan diberi ruang kerana mereka telah melanggar beberapa undang-undang yang telah termaktub di dalam perundangan Akta Perumahan supaya tidak dapat diberi galakan.

Ada di antara mereka juga didapati telah mengambil langkah yang agak tidak di dalam kawalan kita seperti melantik *nominees* dan keadaan ini dari segi perundangan kita tidak boleh mengambil tindakan kerana bila melantik *nominees* ini agak tidak mudah bagi kita untuk mengambil tindakan undang-undang kepada pihak yang telah melantik *nominees* tetapi kalau mereka yang telah kita ambil tindakan, kebiasaannya mereka tidak akan digalakkan untuk kita beri lesen. Bila mereka memajukan syarikat mereka di mana mereka mempunyai nama dan selaku pemegang saham atau ahli lembaga pengarah, maka kita tidak akan beri lesen. Itu amalan biasa dan sudah pun berlaku tetapi kalau mereka melantik *nominees* seperti yang saya sebutkan, kita tidak boleh dari segi keadaan ini.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebab kementerian mengambil masa begitu lama untuk mengkaji dan meminda Akta Pemaju Perumahan dan juga perjanjian jual beli yang sedia ada sekarang sebab kita dengar begitu banyak aduan mengenai industri perumahan ini dan sama ada langkah kementerian untuk mengkategorikan pemaju kepada tiga kategori iaitu hitam, kelabu dan putih akan membaiki keadaan industri perumahan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Usaha kementerian untuk mengubah dari segi *overhaul*, dengan izin, *the whole* perundangan yang ada dalam Kementerian Perumahan ini dengan mengambil masa kerana kita agak teliti mengambil kira semua aspek yang terlibat dalam sektor perumahan dan kita mengambil kira pandangan-pandangan, bukan hanya pihak-pihak pemaju bahkan juga pihak-pihak seperti FOMCA dan juga badan-badan yang lain supaya kali ini bila mana kita akan mengubah undang-undang ini bukan hanya dari segi pindaan tertentu sahaja. Kita ubah keseluruhannya untuk manfaat kepada keseluruhan dan juga kita mengambil kira tentang keadaan-keadaan bagaimana negara-negara yang telah maju yang tidak mempunyai permasalahan yang sama seperti yang kita hadapi.

Mungkin mereka telah hadapi pada 30 tahun yang lalu tetapi mungkin dengan pendekatan mereka itu tidak bersesuaian jika diamalkan di negara kita. Maka dengan itu, pada kali ini kita agak teliti sedikit untuk meninjau dan mengkaji seperti yang saya sebutkan, satu jawatankuasa khusus telah pun dibentuk di peringkat kementerian yang melibatkan pihak-pihak tertentu, bukan hanya pengamal, pemaju bahkan juga pihak-pihak pembeli, badan-badan seperti NGO, FOMCA terlibat dalam usaha supaya bila mana undang-undang yang baru ini kita laksanakan, ia akan melindungi semua pihak kerana kita bimbang pada hari ini kementerian digelar sebagai melindungi pihak pemaju, akta yang ada digelar sebagai 'Akta Pemaju Perumahan', pada hakikatnya sebetulnya tidak.

Kalau kita melihat dari segi *sales and purchase agreement*, itu adalah merupakan persetujuan di antara pembeli dan penjual dengan pemaju tetapi hakikatnya bila mana mereka bersetuju pada peringkat awal, bila perselisihan berlaku, maka perselisihan itu akhirnya diheret kementerian. Mereka telah mempersalahkan bahawa kita tidak mengambil undang-undang walaupun dari segi undang-undang sepatutnya yang harus

mengambil tindakan ialah pembeli kepada pihak pemaju. Maka, dengan itu kita meneliti tentang *sales and purchase agreement* dengan agak lebih teliti agar memastikan supaya keadaan ini tidak akan memudaratkan industri perumahan di masa akan datang.

10. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) sehingga Jun 1999, jumlah kenderaan mengikut kelas kegunaan yang disita, butir-butir mengikut pejabat JPJ dan apakah langkah penyelesaian; dan
- (b) apakah kedudukan terkini mengenai penswastaan Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan JPJ dan jumlah kakitangan dijangka terlibat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sehingga bulan Jun 1999 telah menyita sejumlah 2,015 buah kenderaan yang telah melakukan pelbagai kesalahan jalan raya. Perangkaan jumlah kenderaan yang disita mengikut kelas kegunaan dan pejabat JPJ adalah seperti berikut, panjang- dari negeri ke negeri tetapi saya yang total sahaja.

<u>Jenis Kenderaan</u>	<u>Jumlah</u>
Kereta persendirian	876
Motosikal	867
Lori	181
Van	55
Kereta Sewa	14
Bas	22

Dan nampaknya di Wilayah Persekutuan yang paling banyak sekali. Bagi menyelesaikan masalah kes kenderaan yang disita, JPJ telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya iaitu dengan memberi tempoh selama tiga bulan kepada tuan punya kenderaan yang ditahan untuk menyelesaikan kes yang melibatkan

kenderaannya. Dalam hubungan ini, JPJ akan menghubungi tuan punya kenderaan yang terlibat sekiranya tuan punya kenderaan yang terlibat gagal menyelesaikan kes yang dihadapi dan kenderaan berkenaan tidak dituntut hakmilik dari syarikat kewangan, maka kenderaan yang disita itu akan diwartakan untuk tujuan dilelong oleh JPJ. Seterusnya bagi kenderaan yang ada tuntutan hakmilik, sekiranya selepas tempoh tiga bulan tuan punya kenderaan masih tidak menyelesaikan kes bagi kenderaan yang terlibat, syarikat kewangan di mana tuntutan hakmilik dicatatkan akan dihubungi bagi menyelesaikan kes. Jika sekiranya syarikat kewangan yang terlibat menyelesaikan kes yang melibatkan kenderaan itu, maka kenderaan berkenaan akan diserahkan kepada syarikat kewangan yang berkenaan;

- (b) Cadangan penswastan Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan JPJ masih dalam pertimbangan kerajaan. Jumlah kakitangan JPJ yang dijangka terlibat dalam cadangan ini ialah seramai 1,084 orang sahaja.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada 2,015 buah kenderaan yang disita, apakah jenis-jenis kesalahan yang popular yang dilakukan sehingga kenderaan ini boleh disita dan apakah bilangan ini juga termasuk di kalangan kenderaan yang ditahan dan disita di kawasan titi timbang JPJ yang ada di seluruh negara. Saya juga ingin bertanya, setakat hari ini jumlah lelongan yang telah diperolehi oleh JPJ sebagaimana yang dibuat baru-baru ini di JPJ Wilayah Persekutuan dan bagaimanakah kedudukan baki kenderaan yang masih belum dilelong tetapi telah melepasi had tahanan dan sebagainya?

Dato' Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, kenderaan yang disita ini kebanyakannya melakukan kesalahan seperti pemandu telah memandu kenderaan tanpa lesen memandu yang sah, tiada mempunyai lesen kereta atau motor, cukai jalan tidak adalah, kenderaan yang telah diubahsuai iaitu dia ubah ikut suka dia sahaja dan menggunakan lesen kereta motor palsu, bas gunakan kereta, kereta gunakan motosikal dan sebagainya.

Yang disebut nombor tadi, 2,015 buah itu ialah sebenarnya untuk seluruh negara. Saya ada angka-angkanya iaitu bagi tiap-tiap negeri ada angka-angkanya di seluruh negara.

Kedua, banyak mana hasil yang didapati daripada lelong, saya tidak ada angka itu dan banyak mana baki kereta yang masih ada itu pun saya tidak boleh beritahu sebab saya tidak ada angkanya. Saya boleh beritahu kepada Yang Berhormat secara bertulis.

11. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan graduan pelajar wanita dari luar dan dalam negara. Apakah statistik graduan pelajar wanita Melayu yang telah berjaya dalam bidang professional setakat ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:

Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan graduan peringkat ijazah pertama dari institusi pendidikan tinggi awam bagi sesi akademik 1998/1999 ialah seramai 21,210 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 12,216 orang atau 57.6% adalah graduan wanita. Graduan wanita bumiputera dalam bidang profesional pula ialah seramai 1,926 orang.

Jumlah sebenar graduan wanita adalah melebihi dari jumlah tersebut dengan mengambil kira mereka yang mendapat pendidikan di luar negara dan juga lepasan institusi pendidikan tinggi swasta.

[Soalan No. 12 – Y.B. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] tidak hadir]

[Soalan No. 13 – Y.B. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok] tidak hadir]

14. **Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan oleh kerana banyak perbelanjaan telah dikeluarkan untuk membina lebuh raya penghubung ke KLIA di Sepang, adakah laluan-laluan tersebut mencapai matlamat dan adakah syarikat konsesi mendapat pulangan seperti yang dijangkakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan lebuh raya penghubung ke Lapangan Terbang KLIA di Sepang telah mencapai matlamatnya. Dengan adanya lebuh raya tersebut, masa perjalanan telah disingkatkan di samping memastikan keselesaan serta pemanduan yang lebih selamat kepada para pengguna lebuh raya.

Pembinaan ini juga dapat menghubungkan Lapangan Terbang KLIA yang baru dengan Lebuh raya Utara-Selatan. Keseluruhan rangkaian jalan ini akan lebih lengkap lagi dengan siapnya satu persimpangan yang akan menghubungkan Putrajaya dan Cyberjaya dengan KLIA, ianya dijangkakan siap pada akhir tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini syarikat konsesi tidak mendapat pulangan seperti yang dijangkakan. Keadaan ini adalah disebabkan oleh bilangan trafik belum lagi mencapai tahap seperti mana yang diunjurkan semasa perancangan projek dahulu.

Antara faktor-faktor yang menyebabkan bilangan trafik kurang daripada yang diunjurkan, sejak ianya dibuka ialah kerana kegawatan ekonomi yang melanda negara sejak tahun 1997 hingga ke hari ini. Kegawatan ekonomi pada umumnya telah mengurangkan bilangan pengguna-pengguna penerbangan awam sama ada dari sektor pelancongan ataupun sektor perniagaan.

Di samping itu, keputusan untuk memindahkan semula penerbangan domestik ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang telah secara tidak langsung menyebabkan bilangan pengguna yang menggunakan lebuh raya hubungan ke KLIA ini berkurangan. Adalah didapati bahawa selain daripada kegawatan ekonomi ini juga menyebabkan pembangunan bandar baru di kawasan persekitaran lebuh raya yang dijangka dapat menyumbangkan bilangan trafik juga tergendala yang seterusnya menjejaskan bilangan trafik di lebuh raya ini. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah benar dakwaan yang dibuat oleh parti pembangkang dua malam lepas PAS berceramah di tempat saya, Tanjong Karang, ia mendakwa bahawa hari ini KLIA telah pun kurang dikunjungi oleh pengunjung ataupun dalam erti kata lain mengatakan KLIA sekarang ini tidak mendapat sambutan dari

pengguna-pengguna dan KLIA hari ini menjadi tempat untuk lipas dan tikus sahaja yang ada di KLIA. Apakah dakwaan ini benar?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Ini PAS punya ucapan di Tanjong Karang.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Saya rasa perkara ini kita nampak sendiri, ini dakwaan politik semata-mata, kita boleh nampak populariti KLIA pada hari ini, semua orang memuji tentang KLIA. Saya rasa tidak benar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 12, 13, 15 hingga 22 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pendidikan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan. *[3 November 1999]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Sandakan.

11.05 pagi

Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang ini untuk berucap tentang Belanjawan tahun 2000 di Dewan yang mulia ini, hari ini. Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin yang dapat menyampaikan Belanjawan Negara yang prihatin dan bertanggungjawab, untuk memanfaatkan rakyat jelata di Malaysia.

Belanjawan baru-baru ini berpandangan jauh dan mempunyai ciri-ciri gabung dan jalin ke arah menangani krisis yang menjejaskan ekonomi Malaysia dan juga bertujuan menghapuskan kemiskinan. Saya amat berkeyakinan bahawa Belanjawan ini akan mengukuhkan kekuatan negara kita pada tahun 2000.

Adalah amat menggembirakan kita melihat ekonomi kita pulih semula pada kadar yang cepat, dan memberangsangkan dan dijangka GDP akan meningkat ke 5% tahun hadapan. Dengan pandangan yang positif ini, saya percaya kita akan mencapainya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Dengan pemulihan ekonomi yang semakin kukuh pada tahun 2000, saya merayu kepada kerajaan supaya memberikan peruntukan yang lebih murah hati, untuk kemudahan-kemudahan infrastruktur di Sabah, kerana Sabah masih di bawah paras yang munasabah. Insiden kemiskinan di Sabah masih tinggi. Oleh itu, peruntukan wang yang lebih akan dapat mempercepat pembangunan dan menghapuskan kemiskinan di Sabah. Tambahan pula, rumah kos rendah untuk rakyat berpendapatan rendah di Sabah patut diperbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya ingin membuat beberapa komen tentang Belanjawan tahun 2000. Dengan pelaksanaan beberapa projek utama teknologi maklumat akan melihat Malaysia merealisasikan impiannya mengubah daripada ekonomi berdasarkan pengeluaran kepada ekonomi berdasarkan teknologi maklumat.

Rancangan kerajaan memperbanyak bilangan sekolah di negara ini dan mengukuhkan sistem pendidikan serta kemudahan adalah langkah ke arah perubahan ini. IPTA dan IPTS mestilah diberikan perhatian dan sokongan juga, kerana institusi-institusi ini dapat melahirkan pemimpin-pemimpin negara masa depan yang berkaliber dan berhemah tinggi. Antaranya, institusi-institusi ini mestilah mempunyai pensyarah-pensyarah berkelulusan tinggi dan guru-guru berkaliber tetapi semua ini masih kurang. Sebagai langkah peralihan, kita mestilah mencari sumber profesional ini.

Syarat-syarat untuk pakar-pakar untuk datang dan bekerja di negara ini haruslah lebih menarik supaya dapat menarik orang profesional yang berkualiti tinggi. Rakyat Malaysia yang berkelulusan dan berpengalaman yang kini bekerja di luar Malaysia, juga haruslah ditawarkan ganjaran yang menarik supaya mereka balik ke Malaysia dan menyumbang ke arah membentuk masyarakat yang berdasarkan ilmiah. Tambahan pula, dengan membenarkan pengeluaran wang EPF untuk tujuan pendidikan adalah langkah bijak untuk menggalakkan pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran dan menyediakan diri untuk masa hadapan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, pengurangan dan pengecualian duti import ke atas makanan adalah tepat pada masanya. Dengan itu, pengguna dapat menikmati makanan yang bervariasi dan lebih murah. Dengan mengurangkan cukai pendapatan sebanyak 1% pada keseluruhannya dan bonus sebulan kepada kakitangan kerajaan dapat merangsangkan ekonomi supaya tumbuh lebih cepat, kerana lebih banyak wang mengalir di dalam negara. Pengeluar-pengeluar makanan tempatan patut meningkatkan mutu keluaran mereka, supaya dapat bersaing. Ini akan menyebabkan pengeluaran dan harga barangan setaraf dengan keluaran antarabangsa. Langkah ini akan memperkukuh perniagaan runcit dan membantu dalam bidang pelancongan melalui promosi Malaysia, sebagai destinasi membeli belah.

Dalam bidang pertanian, kerajaan telah menubuhkan Polisi Pertanian Kebangsaan (*National Agriculture Policy*) untuk menolong sektor pertanian maju melalui peningkatan produktiviti, modenisasi dalam sistem pertanian dan teknik-teknik moden supaya lebih bersaing dan menjimatkan kos. Ini akan dapat menghapuskan kemiskinan dan kekurangan makanan.

Saya juga gembira menyatakan bahawa Belanjawan telah membuat beberapa kelonggaran dalam mempromosikan dan memperkukuhkan industri pelancongan dengan melaksanakan beberapa projek pembangunan dan aktiviti-aktiviti promosi. Saya percaya langkah bijak ini akan menjadikan industri ini penyumbang utama pertukaran wang asing kepada negara dan pertumbuhan ekonomi akan cepat pulih dan kukuh pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bangga bahawa kerajaan tidak lupa akan kerumitan yang dihadapi oleh pesara-pesara. Dengan menawarkan bon-bon kepada mereka, dapatlah mengatasi masalah-masalah mereka yang bergantung kepada simpaan mereka dengan bunga yang rendah yang tidak dapat menanggung kehidupan mereka. Dengan ini pesara-pesara akan lebih berkeyakinan dalam kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan lesen TV adalah langkah bijak ke arah yang positif, dalam pembentukan masyarakat yang berasaskan ilmu. Ini ada impak kepada Sabah yang bergantung kepada TV untuk memperolehi maklumat. Dengan bekalan elektrik yang kian berterusan, akan membolehkan penduduk luar bandar dapat menikmati rancangan-rancangan berinformasi. Dengan itu, jurang informasi antara penduduk di luar bandar dan di bandar dapat dikurangkan.

Pada keseluruhannya saya percaya Belanjawan 2000 akan memberikan impak positif kepada ekonomi Malaysia dalam alaf baru ini. Yang penting sekali, perpaduan rakyat haruslah dikekalkan dengan memberikan sokongan penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional. Dengan polisi dan langkah-langkah positif Kerajaan Barisan Nasional, akan mendatangkan hasil positif supaya semua rakyat Malaysia dapat hidup berkualiti dan aman damai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bukit Mertajam.

11.15 pagi

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menangani kegawatan ekonomi dengan cara dan usaha sendiri. Pakar-pakar ekonomi dari *International Monetary Fund* (IMF) telah memberi pandangan bahawa Malaysia perlu menaikkan kadar faedah pinjaman bank antara syarat-syarat kewangan yang lain apabila IMF menawarkan bantuan untuk menyelamatkan ekonomi Malaysia. Sebelum ini, IMF telah memberi bantuan kepada negara-negara rantau Asian seperti Thailand dan Indonesia dengan syarat-syarat yang lebih kurang sama.

Semua rakyat Malaysia pun menyedari kesan buruk yang telah berlaku kepada ekonomi dan sistem perbankan negara-negara Thailand dan Indonesia selepas bantuan serta syarat-syarat IMF dilaksanakan. Kegagalan ekonomi dan pemusnahan sistem perbankan yang berleluasa telah melanda negara-negara ini sehinggakan orang ramai, syarikat-syarikat dan bank-bank Thailand dan Indonesia mengalami kerugian yang raksasa.

Rakyat Malaysia bernasib baik. Kita mempunyai seorang pemimpin yang unggul, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang dapat menggunakan kefahaman ekonomi dan sistem kewangan beliau yang unggul untuk mencari satu jalan penyelesaian masalah kewangan ekonomi yang melanda Malaysia, satu jalan yang menentang nasihat dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak IMF, satu pendekatan yang pada awalnya diperkecilkan serta diketawakan oleh IMF dan negara-negara maju sedunia tetapi akhirnya dianggap sebagai yang berjaya sekali.

Akhirnya Malaysia telah berjaya membawa pemulihan ekonomi melalui usaha dan cara sendiri. Antara langkah-langkah kewangan yang lain, Kerajaan Malaysia telah menggalakkan rakyat jelata menyimpan wang dalam bank tempatan, membeli barangan buatan Malaysia untuk mengurangkan belanja import barangan luar negeri, menubuhkan Tabung Cinta Negara, menggalakkan rakyat membeli bon pinjaman negara, menetapkan kadar pertukaran Dolar Amerika Syarikat serta mengawal modal pelabur-pelabur asing.

Danamodal dan Danaharta telah ditubuhkan untuk mengendalikan pinjaman-pinjaman yang tidak berbayar (NPLs) yang membebankan sektor perbankan dan industri swasta.

Kerajaan memperkukuhkan sistem perbankan dengan cadangan gabungan bank-bank dan institusi-institusi kewangan supaya memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggan dan mengadakan modal pusingan bank yang lebih kukuh. Pelbagai langkah konkrit dan positif telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi Malaysia.

Kerajaan seharusnya dipuji atas usaha yang telah menggunakan kepakaran kewangan dan ekonomi dalam kementerian-kementerian untuk menjalankan pemulihan ekonomi. Sebaliknya, rakyat perlu berwaspada terhadap hujah-hujah, tindakan-tindakan dan komplot parti-parti pembangkang yang jelasnya tidak menguntungkan negara dan rakyat. Contohnya

Dr. Tan Seng Giaw: *[Melambaikan tangannya]*

Dr. Tan Chong Keng: Kepong sudah tunjuk-tunjuk! Contohnya sahaja, hujah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan merangkap Ketua Parti PAS bahawa pekerja wanita kilang-kilang tidak boleh bekerja pada shift malam sudah menghalang pembangunan industri kilang-kilang di Kelantan. Hujah beliau bahawa wanita cantik tidak perlu diberi peluang kerja kerana mereka seharusnya menunggu peluang berkahwin sahaja mendiskriminasikan wanita dan merugikan negara. Cuba bayangkan kemerosotan ekonomi negara yang akan disebabkan oleh pengurangan pengeluaran industri kilang-kilang jika pekerja-pekerja wanita turut nasihat Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih serius lagi adalah usul rang undang-undang ahli persendirian bernama Rang Undang-undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1999, lebih cantik jika kita panggil ia 'sembilan belas sembi sembi', yang cuba dibangkitkan oleh wakil PAS iaitu Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Marang dalam Dewan yang mulia ini. Bukankah niat jahat ini bercanggah dengan kebebasan mengamalkan agama yang terjamin oleh Perlembagaan Malaysia? Bukankah niat jahat ini menimbulkan kebimbangan rakyat beragama bukan Islam terhadap pendirian agama PAS?

Saya pun bimbang. Tetapi Ahli-ahli Berhormat daripada DAP langsung tidak bimbang.. Sebaliknya mereka masih berpeluk-pelukkan dengan ahli-ahli PAS sebagai sahabat-sahabat dalam pakatan pembangkang. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat- Yang Berhormat DAP dan PAS adakah mereka bersetuju bahawa pakatan pembangkang mereka ini lebih penting daripada kebebasan agama rakyat? Adakah mereka sudi korbankan kebebasan agama rakyat untuk mencapai kepentingan pakatan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak oh.. Seremban ya. Okay silakan.

Dato' Hon Choon Kim: Minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik kepada Yang Berhormat sebutkan tadi. Apa yang disebut atau satu *private bil* akan dibentangkan oleh Yang Berhormat bagi Marang. Jadi saya baca surat khabar, Presiden DAP, Dr. Choon Man Hin pun telah berkata bahawa dia akan meminta Presiden PAS supaya mengambil tindakan *discipline action* terhadap Yang Berhormat bagi Marang ini. Jadi saya tidak bertanya sama ada ini adalah satu cara untuk menenangkan perasaan orang Cina atau wayang kulit semata-mata cuma untuk disebut sahajalah, bukan tujuan untuk mengambil tindakan terhadap Yang Berhormat bagi Marang. Minta penjelasan?.

Dr. Tan Chong Keng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seremban. Memang itu adalah satu perkara yang saya akan sentuh nanti. Tetapi memang kita nampak tidak ada keikhlasan di antara dua parti itu.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada Gelang Patah.

Dr. Tan Chong Keng: Nanti-nanti... Tuan Yang di-Pertua tidak lama sebelum ini pemimpin pakatan pembangkang membuat satu lawatan ke kawasan penjaja-penjaja Jalan Petaling, pusat membeli-belah dengan gelaran '*China Town* Kuala Lumpur'. Dikatakan rombongan mereka ini didahului dengan bendera-bendera KeADILan, PAS, DAP dan PRM. Apabila penjaja-penjaja menjerit "Tak mahu negara Islam, tak mahu PAS", mereka cepat-cepat sembunyikan bendera PAS dan teruskan dengan lawatan itu. Satu hari kemudian, apabila mereka membuat lawatan ke kawasan penjaja-penjaja Jalan Chow Kit Kuala Lumpur, mereka pameran bendera PAS serta melaung-laungkan pendirian mereka menubuhkan negara Islam. Maklumlah, pakatan pembangkang berniat mencari sokongan rakyat walau apa cara juga pun, termasuk 'lidah bercabang' dan

‘talam dua muka’ itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat Seremban. Memang mereka selalu ingin mainkan wayang kulit dan ‘lidah bercabang dan ‘talam dua muka’.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat.

Dr. Tan Chong Keng: Nampaknya ada yang berminat Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya perarakan yang diadakan di Chow Kit itu bukan anjuran parti alternatif. Saya tidak tahu sama ada anjuran MCA atau Barisan Nasional, tetapi yang jelasnya bukan daripada parti alternatif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Tan Chong Keng: Ini bukan minta penjelasan, tetapi dia cuba beri penjelasan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Dia cuba beri pembohongan.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, memang itu adalah apa yang dilaporkan oleh penjaja-penjaja di sana. Sebenarnya ini adalah apa yang kita perhatikan, bila mereka pergi ke kampung-kampung mereka ada satu pendirian. Bila mereka melawat tempat-tempat di mana ada ramai penduduk daripada orang-orang Cina, mereka akan pameran satu pendirian yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam, ada yang bangun, ya.

Tuan Yeong Chee Wah: Minta penjelasan, tadi Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam menyatakan bahawa parti PAS menyatakan wanita yang cantik tidak perlulah bekerja dan hanya menunggu peluang untuk berkahwin sahaja dan parti KeADILan menyatakan apabila sekiranya mereka jadi pemerintah, maka wanita apabila bersalin akan menyatakan cuti selama 60 hari. Oleh yang demikian saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bahawa macam mana parti ‘Barisan Alternatif’ boleh bersama-sama duduk dan mereka akan bercakap dengan satu sama lain. Macam mana mereka boleh bertutur sama sekali untuk mengatakan satu parti alternatif. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Dr. Tan Chong Keng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Itu adalah mengapa saya tidak pakai perkataan barisan di sana, saya pakai perkataan pakatan sahaja. Pakatan pembangkang yang memang tidak mampu menggantikan

Barisan Nasional. Jadi kita tidak boleh pakai perkataan barisan pembangkang. Kita hanya boleh huraikan mereka itu sebagai pakatan pembangkang sahaja. Kerana secara asas mereka tidak mempunyai satu haluan yang tertentu dan tidak mempunyai pendirian yang selaras. Jadi macam-macam kepala yang bercantum hanya untuk tujuan pilihan raya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perlembagaan PAS memang menyatakan hasrat PAS ingin menubuhkan negara Islam, tetapi pakatan pembangkang tidak menunjukkan agenda ini secara bertulis dalam manifesto. Jadi apakah pemimpin-pemimpin DAP menyokong pendirian PAS terhadap penubuhan negara Islam? Bolehkah DAP membantah pendirian ini pada hal DAP hanya diberi kepentingan tempat ketiga dalam pakatan pembangkang dari segi cadangan pengagihan kerusi dalam pilihan raya umum akan datang. Itu pun cuma khabar-khabar angin, tetapi khabar-khabar angin pun kita tahu dalam cadangan pengagihan kerusi itu hanya diberi tempat ketiga.

Yang lebih merisaukan rakyat adalah kecenderungan pakatan pembangkang ini menggunakan 'tunjuk perasaan', 'demonstrasi', 'politik jalan raya' untuk menunjukkan kekuatan mereka. Ada pemimpin muda daripada parti DAP yang menyatakan dalam satu temuduga khas oleh satu surat khabar Cina iaitu kekerapan demonstrasi boleh dijadikan satu petunjuk tahap amalan demokrasi dalam sesebuah negara, saya ulangi sekali lagi, kekerapan demonstrasi boleh dijadikan petunjuk tahap amalan demokrasi dalam sesebuah negara dengan izin, *the frequency of demonstration is an indicator of the degree of freedom that is a freedom in the country.*

Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya memang tidak bersetuju dengan pandangan yang terpesong itu hanya pemimpin-pemimpin DAP, PAS dan KeADILan yang berpegang kepada pandangan yang terpesong itu. Mereka langsung tidak menyedari bahawa keadaan yang huru-hara dan ketidakstabilan negara boleh menyebabkan pelarian modal pelaburan asing yang begitu penting bagi membantu dalam pemulihan ekonomi negara. Jika mereka ini mementingkan masa depan negara kita, mereka mesti mengubah sikap dan pendirian ini dan cara yang lebih berkesan sekali adalah jangan adakan pakatan langsunglah. Jangan adakan parti-parti pembangkang yang mempunyai haluan-haluan, hasrat-hasrat yang berbeza-beza dan tidak pentingkan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pendidikan sebagai satu ejen perubahan dan kemajuan, kerajaan prihatin terhadap pendidikan yang memainkan peranan ini. Ini dapat dibayangkan oleh jumlah peruntukan sebanyak RM14 bilion bagi tahun 2000 yang diberi, iaitu RM11.69 bilion bagi belanja mengurus dan RM2.39 bilion bagi belanja pembangunan.

Pembinaan sekolah-sekolah baru dan blok-blok bilik darjah baru dialu-alukan untuk menyediakan tempat belajar yang mencukupi ke arah melaksanakan persekolahan satu sesi. Saya ingin menarik perhatian kementerian terhadap kelewatan pembinaan blok sekolah baru untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kay Sin., Machang Bubok, Bukit Mertajam, yang hanya mengandungi enam buah bilik darjah tetapi projek pembinaannya tidak dapat disempurnakan walaupun sudah mengambil lebih daripada tiga tahun dan masih belum siap lagi. Saya berharap projek pembinaan blok sekolah baru itu dapat disediakan sebelum hujung tahun ini supaya murid-murid dapat menggunakannya pada tahun hadapan. Saya berharap juga projek pembinaan blok sekolah baru untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Permatang Tinggi dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) True Light, Juru, yang telah diluluskan akan dibina oleh kontraktor-kontraktor yang lebih berkesan dan lebih bertanggungjawab daripada yang sudah mengendalikan kerja untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kay Sin.

Saya ingin menyarankan supaya sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina baru dapat dibina di kawasan-kawasan yang mempunyai bilangan penduduk bangsa Cina yang pesat. Kawasan-kawasan seperti Taman Kota Permai dan Taman Selamat, Bukit Mertajam, adalah contoh-contoh kawasan begitu. Diharap juga kementerian dapat memindahkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina yang kekurangan murid-murid ke kawasan perumahan yang sesuai. Contohnya, sekolah-sekolah dari Pulau Pinang ada yang boleh dipertimbangkan untuk dipindah ke Seberang Perai Tengah. Dengan cara ini lebih ramai murid dapat mengikuti pendidikan rendah di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina iaitu pilihan ibu bapa mereka masing-masing.

Terdapat 13 buah sekolah jenis kebangsaan Cina di kawasan Seberang Perai Tengah. Ramai murid lepasan darjah enam ingin memasuki sekolah menengah jenis kebangsaan untuk melanjutkan pelajaran mereka tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana hanya ada sebuah Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin di Bukit Mertajam.

Persaingan untuk memasuki Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Jit Sin ini adalah begitu hebat sehinggakan murid-murid dengan agregat 10 unit dalam peperiksaan UPSR pun tidak berjaya. Saya ingin menyarankan supaya Kementerian Pendidikan mempertimbangkan rayuan ramai ibu bapa yang berharap sebuah sekolah menengah jenis kebangsaan yang baru dapat dirancang dan seterusnya dibina di Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah untuk menampung lebih ramai murid. Terdapat tanah-tanah rizab untuk tujuan pendidikan di Taman Sejahtera dan Taman Perwira, Bukit Mertajam. Diharap Kementerian Pendidikan dapat mempertimbangkan cadangan saya ini dan menjalankan suatu kajian kemungkinan bagi projek pembinaan sebuah sekolah menengah jenis kebangsaan baru di salah satu daripada dua tapak yang disebutkan tadi.

Saya ingin meminta Kementerian Pendidikan mempercepatkan penubuhan sekolah-sekolah bestari dengan kadar yang lebih cepat dan skop liputan yang lebih luas, termasuk sekolah-sekolah kawasan luar bandar. Saya berharap sekurang-kurangnya Kementerian Pendidikan dapat mulakan projek sekolah bestari di tiga buah sekolah rendah iaitu sebuah sekolah rendah kebangsaan, sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina dan sebuah lagi sekolah jenis kebangsaan Tamil bagi setiap kawasan Parlimen untuk seluruh negara. Jika diharap projek sekolah bestari ini berjaya, Kementerian Pendidikan perlu menguji konsep sekolah bestari ini dengan lebih mendalam dan meluas supaya segala keperluan *hardware*, *software* dan tenaga pengajar dapat diselesaikan.

Memang penting untuk sekolah-sekolah menyediakan kemudahan makmal komputer dan pengajaran melalui CAL (*Computer Aided Learning*), tetapi perhatian juga perlu diberi kepada kaedah-kaedah mengajar cara menggunakan *hardware* komputer, perisian komputer, rangkaian komputer seperti Internet untuk meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran. Tidak patut jika komputer itu hanya digunakan sebagai sebuah mesin taip yang lebih canggih sahaja tetapi komputer seperti analisa data dan maklumat, bahasa-bahasa aturcara komputer, kefahaman *hardware* komputer dan lain-lain. Komputer pun tidak patut digunakan sebagai gantian guru kerana guru perlu dapat mengajar lebih daripada apa yang boleh didapati dalam buku atau komputer.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan perlu menjalankan latihan penguruan dengan pengkhususan perkomputeran dan penggunaan komputer dalam pendidikan. Sekolah-sekolah menengah teknik dan vokasional serta politeknik-politenik

pula perlu melatih lebih ramai sumber manusia juruteknik dan jurutera komputer yang akan ditugaskan untuk menjadi kakitangan teknikal sokongan sistem komputer sekolah-sekolah. Kita tidak ingin melihat keadaan yang merugikan sekolah dan murid-murid seperti walau sedikit masalah dengan rangkaian komputer pun pihak sekolah perlu hantar komputer ke kedai komputer untuk diperbaiki dengan bayaran yang tinggi. Guru dan kakitangan teknikal sekongan seperti ini seharusnya dapat tangani masalah seperti ini secara 'dalam sekolah' (*in house*).

Berkaitan dengan perisian *module* pengajaran-pembelajaran melalui komputer, disarankan supaya Pusat Pembangunan Kurikulum Sekolah di Kementerian Pendidikan dapat menggunakan kepakaran perisian komputer untuk menghasilkan module-module yang boleh digunakan oleh sekolah-sekolah seluruh negara untuk menjimatkan kos pengeluaran *module*. *Module-module* yang standard ini boleh direka bentuk oleh Kementerian Pendidikan dan kemudian *module* ini boleh diedar kepada sekolah-sekolah melalui disket, CD, melalui rangkaian komputer bentuk LAN (*Local Area Network*) yang berpusat Jabatan Pendidikan setiap negeri atau melalui Internet yang menghubungkan semua sekolah kepada Jabatan Pendidikan setiap negeri dan seterusnya kepada Kementerian Pendidikan.

Tujuan mengadakan sistem menyebarkan *module* seperti ini kepada semua sekolah adalah bertujuan meningkatkan penggunaan perisian *module* dan mengurangkan kos penggunaan *module-module* bagi setiap sekolah. Dicadangkan juga *module* ini dihasilkan dalam bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil atau bahasa lain mengikut keperluan. Pihak sekolah sendiri juga digalakkan menghasilkan bahan-bahan mengajar tambahan atas usaha guru-guru dan kakitangan teknikal sokongan. Dengan cara ini, proses pengajaran dan pembelajaran melalui komputer boleh dijadikan lebih menarik kepada guru serta murid-murid. Pusat Pembangunan Kurikulum di Kementerian Pendidikan perlu beroperasi seperti sebuah Pusat Virtual untuk memberi bantuan kepada semua sekolah, baik rendah, menengah atau pun kolej komuniti dan politeknik.

Dalam hubungan ini, peruntukan sebanyak RM38 juta yang dicadangkan bagi tujuan menyediakan Sistem Komputer Sekolah adalah berkaitan. Juga berkaitan adalah cadangan peruntukan sebanyak RM250,000 untuk peningkatan Sistem Perpustakaan Bersepadu '*Virtual*' dan peruntukan sebanyak RM50,000 untuk pembangunan Pengkalan

Data Maklumat Terpilih Malaysia. Semua ini akan memberi satu alam sekitar pengajian yang lebih *conducive* untuk menjayakan konsep sekolah bestari serta IPTA dan IPTS yang juga boleh menggunakan bantuan konsep universiti 'virtual'.

Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Tabung ini akan mendapat RM546 juta untuk tahun 2000 untuk menyediakan pinjaman pendidikan tinggi, lebih banyak bila dibandingkan dengan RM354 juta bagi tahun ini. Saya berharap pinjaman pendidikan tinggi dapat diberi kepada semua pelajar universiti tempatan sama ada IPTA atau IPTS termasuk pelajar-pelajar politeknik awam dan kolej pengajian tinggi swasta yang menawarkan kursus-kursus diploma dan sijil. Kerajaan tidak patut hanya memberi bantuan pinjaman pendidikan tinggi kepada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS seperti Universiti Telekom Malaysia dan Universiti Tenaga sahaja. Pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus ijazah berkembar di IPTS lain seperti Kolej TAR dan lain-lain juga memerlukan bantuan. Saya berharap kementerian dapat memberi pertimbangan dalam perkara ini.

Saya telah membangkitkan cadangan kerajaan membenarkan sebahagian daripada wang caruman KWSP untuk dikeluarkan bagi tujuan menaja pendidikan tinggi untuk anak-anak pencarum. Oleh itu, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama yang prihatin terhadap keperluan ini dan mencadangkan dalam Belanjawan 2000 supaya wang KWSP boleh digunakan untuk tujuan pendidikan. Jika wang KWSP boleh digunakan maka pencarum itu tidak perlu memohon pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi dan seterusnya tidak perlu membayar faedah yang dikenakan pada pinjaman itu. Peruntukan ini akan menguntungkan ramai orang yang mempunyai akaun caruman KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, masalah alam sekitar, baru-baru ini kita tahu bahawa ada sebuah bom masa dalam bentuk sisa toksid merbahaya, *Potassium Cyanide*, masih tersimpan di sebuah setor kilang di Seberang Perai, Pulau Pinang, menunggu masa letupannya walaupun satu dua hari ini ada tindakan baru diambil oleh DOE. Sisa toksid yang sama itu telah dijumpai di tepi pantai Pulau Pangkor pada tahun 1995. Syarikat yang berkenaan tidak dapat membayar *fee* pelupusan sisa toksid *potassium cyanide* itu yang dikenakan oleh Jabatan Alam Sekitar yang mengendalikan Pusat Pengurusan Sistem Toksid Bukit Nenas, Negeri Sembilan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini terhadap risiko tinggi yang dihadapi oleh rakyat yang tinggal di kawasan Seberang Perai Tengah kerana wujudnya bom masa yang boleh meletup bila-bila sahaja jika berlakunya kebocoran sisa toksid itu. Kawasan itu memang adalah berjiranan dengan kawasan Parlimen saya. Kemalangan pernah berlaku di tapak pembuangan sisa Teluk Cempedak, Pangkor, pada tahun 1995 di mana sebanyak 15,000 ekor ikan telah didapati mati pada jarak 500 meter dari tapak pembuangan sisa itu. Itu ikan tetapi sekarang ini kita bimbangkan keselamatan orang. Ujian sampel air laut dekat tapak itu oleh Institut Penyelidikan Perikanan Pulau Pinang telah mendapati paras kandungan *potassium cyanide* yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang perlu ditangani adalah seperti yang berikut. Yang pertama, syarikat yang terbabit dan Jabatan Alam Sekitar tidak dapat bersetuju pada *fee* yang dikenakan untuk pelupusan sisa toksid cyanide itu, pada kadar bayaran pelupusan sisa toksid yang tinggi mungkin satu harga monopoli yang tinggi.

Yang kedua, syarikat itu cuba membuang 41 tong sisa itu di Pulau Pangkor tetapi perbuatan itu telah dibongkar kerana ikan-ikan yang mati. Sebenarnya, syarikat itu mempunyai 92 buah bekas sisa tersebut pada bulan Mac 1995. Apakah yang dilakukan kepada 51 buah bekas yang lain itu? Laporan surat khabar bahawa isi kandungan 51 buah bekas dipakej semula dalam 41 buah bekas sekarang. Jika begitu, bolehkah kementerian berkaitan menjelaskan apa yang terjadi kepada sisa toksid yang dijumpai dalam 41 buah tong di Pulau Pangkor pada 1995?

Yang ketiga, banyak kilang yang terlibat dalam kerja-kerja *electroplating*, pengeluaran *herbicide* dan *pesticide* dan lain-lain masih menghasilkan sisa toksid *potassium cyanide* baru-baru ini. Pengeluaran ini berterusan, apakah kadar pengeluaran sisa toksid *Potassium Cyanide* untuk Pulau Pinang khususnya dan untuk seluruh Malaysia amnya? Apakah yang sedang dilakukan oleh kerajaan melalui DOE (Department of Environment) kepada sisa jenis ini?

Yang keempat, apakah keputusan EIA (*Environment Impact Assessment*) yang telah dijalankan oleh DOE untuk tapak Stesen Transit Sisa Toksid Bukit Minyak, Seberang Perai, jika ada, dan apakah jenis-jenis sisa toksid yang dicadangkan dihantar ke Stesen Transit ini? Apakah pertimbangan diambil kira oleh pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terhadap pembangunan demografi, perumahan, perniagaan

dan industri yang pesat yang sedang dan akan berlaku di kawasan Bukit Minyak? Saya ingin menyuarakan bantahan orang ramai seberang Perai Tengah terhadap rancangan membina Stesen Transit Sisa Toksid Bukit Minyak dan sangat mengharapkan kementerian berkaitan menyemak semula rancangan ini. Kita orang-orang Seberang Perai Tengah sangat bimbang terutama sekali selepas berita berkaitan dengan tong-tong *Potassium Cyanide* sebagai bom masa sudah dibongkarkan baru-baru ini.

Yang kelima, apakah langkah-langkah pelupusan sisa toksid berjadual yang dapat dijalankan di Pusat Pengurusan Sisa Toksid Bukit Nenas? Diminta Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kepakaran kakitangan dan kemudahan yang digunakan untuk tujuan tersebut. Apakah prosedur pemindahan sisa toksid dari kawasan-kawasan industri di seluruh Malaysia ke Bukit Nenas dan apakah langkah-langkah keselamatan untuk memastikan tidak berlakunya penyelewengan seperti kejadian di Pulau Pangkor pada 1995 yang merbahaya itu ?

Tuan Yang di-Pertua, hanya sedikit sahaja berkaitan dengan perdagangan antarabangsa. Dalam proses globalisasi demi mengembangkan pasaran barangan buatan Malaysia, usaha kerajaan dan sektor swasta perlu dipertingkatkan lagi. Malaysia menjalin perhubungan perdagangan dua hala dengan banyak negara asing di Eropah, China, Korea, Jepun, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Amerika Selatan serta negara-negara di kontinen Afrika.

Selain daripada menarik pelabur-pelabur menandatangani MbU dengan rakan-rakan perdagangan dari negara asing dan mengadakan lawatan dua hala oleh rombongan-rombongan perdagangan, saya rasa kerajaan kita mesti cuba membuat kerja menyelaraskan undang-undang perdagangan antarabangsa di negara-negara sasaran seperti China, di mana undang-undang di sana adalah berbeza daripada sistem undang-undang Barat dan kita perlu jalankan usaha untuk menyelaraskan undang-undang perdagangan antarabangsa di antara Malaysia dan China.

Satu lagi kemudahan yang kerajaan boleh menolong pedagang-pedagang Malaysia yang membuat perniagaan di seberang laut adalah menubuhkan bank-bank Malaysia di tempat-tempat penting di seberang laut seperti apa yang kita ada sekarang iaitu Bank Bumiputra dan Maybank di London, kita ada Maybank di Vietnam dan sebagainya mungkin kita perlu tubuhkan bank dari Malaysia di Beijing, Shanghai,

Chenjoun dan sebagainya untuk membantu pedagang-pedagang Malaysia yang menjalankan perniagaan di negara China dan pada masa yang sama kita pun boleh menjalankan aktiviti bank itu sebagai sebuah bank yang terima deposit wang simpanan dan menguruskan pembayaran-pembayaran oleh peniaga-peniaga China yang ingin melabur di Malaysia.

Jadi bank-bank Malaysia yang akan ditubuhkan di tempat-tempat yang penting di seberang laut itu akan membantu kita mengembangkan perniagaan antarabangsa oleh rakyat Malaysia dan dengan cara itu, kita boleh dapat keuntungan yang lebih daripada pedagang antarabangsa. Selain dari itu, saya juga ingin menyarankan supaya kerajaan mempertingkatkan lagi usaha menjual Malaysia sebagai satu pusat pendidikan tinggi kepada negara-negara rantau ASEAN. Ini adalah selaras dengan visi Wawasan 2020, menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dalam kawasan ini dan sebuah negara yang boleh mengeksport pendidikan, barangan dan sebagainya ke pasaran antarabangsa.

Jadi dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pembekalan 2000.

Sekian, terima kasih.

Tuan Liew Ah Kim: *[Bangun]*

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Seputeh

11.54 pagi.

Tuan Liew Ah Kim [Seputeh]: Selepas saya, ya..*[Ketawa]*. Tidak mengapalah, saya mewakili parti yang baru Tuan Yang di-Pertua memang saksama, adil untuk semua. Saya bangun untuk membahaskan Belanjawan 2000 yang dibentangkan pada hari Jumaat lalu. Saya sudah pasti, Belanjawan yang dibentangkan adalah 'Belanjawan pilihan raya' yang bertujuan untuk memancing undi.

Dr. L. Krishnan: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Telok Kemang bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Nantilah dulu, ini belum masuk.....

Dr. L. Krishnan: Ya, Belanjawan pilihan raya. Penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: Memanglah, ini memang tidak dapat dinafikan...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Liew Ah Kim: Tidak, tidak mahu beri jalan. Nantilah.

Kenaikan gaji serta bonus untuk kakitangan kerajaan yang berjumlah lebih RM800,000, pengurangan duti setem, pengecualian cukai pendapatan dan lain-lain yang ditawarkan kesemuanya mempunyai satu objektif iaitu untuk memancing undi di dalam Pilihan Raya Umum akan datang.

Belanjawan yang mengandungi perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM78 billion, di mana RM53 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM22.4 bilion adalah untuk belanjawan projek-projek pembangunan. Belanjawan ini memang menyeronokkan rakyat kita tetapi apabila rakyat mula sedar, mereka akan bertanya diri, mana datangnya hasil untuk membiayai belanjawan ini. Dengan belanjawan yang bersifat defisit ini serta hutang negara yang begitu tinggi, maka adalah tidak praktikal untuk mengadakan satu belanjawan yang begitu besar dengan berbagai 'gula' ditawarkan semata-mata untuk menyeronokkan rakyat kita.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak bagi yang mana satu itu. Ada dua orang yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Yang ini [*Menunjuk kepada Y.B bagi Senai*].

Dato' Lim Si Cheng: Ya tadi Yang Berhormat bagi Seputeh telah menyatakan belanjawan yang dibentangkan pada Jumaat lalu adalah satu belanjawan pilihan raya. Jadi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat tentang belanjawan yang dibentangkan oleh 'Barisan Alternatif'. Apakah belanjawan itu. Sekian terima kasih.

Tuan Liew Ah Kim: Itu masalah pakatan parti-parti lawan. Memang ada tajuk dan tujuan yang tertentu.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Saya mahu tanya Yang Berhormat.....

Tuan Liew Ah Kim: Dia dulu, dia dulu....[*Menunjuk kepada Y.B Telok Kemang*] [*Ketawa*]

Dr. L. Krishnan: Terima kasih Yang Berhormat, begitu *sporting* bagi semua *chances* kepada semua orang untuk meminta penjelasan.

Saya pun ada sedikit penjelasan tentang belanjawan yang dibentangkan sebagai belanjawan pilihan raya. Memang betul belanjawan yang dibentangkan oleh Parti

Alternatif pun memang kita tahu sehingga sekarang, selepas 42 tahun, barulah pertama kali pembangkang membentangkan satu belanjawan untuk pilihan raya yang akan datang. Itupun pun adalah satu belanjawan pilihan raya, memang bukan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat parti ia memang tak bersangkut.....

Dr. L. Krishnan: Saya ingin tanya Yang Berhormat dan minta penjelasan, maka kaum India di negara ini pula berfikir belanjawan ini adalah belanjawan Deepavali. Apa pandangan Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim: Itu terpulung kepada Yang Berhormat kerana you juga dari kaum Tamil. Memang setiap parti ada objektif yang tertentu. Untuk Barisan Nasional, dia memang hendak mengekalkan *ruling* atau pemerintahan di negara kita.....

Tuan Yang di-Pertua: Machang, bangun.

Tuan Liew Ah Kim: Tetapi untuk alternatif, *opposition* pun mereka hendak, bukan tutup tetapi mereka nak *go of change*, untuk satu pertukaran yang baru. Itu tujuan mereka. Saya fikir Yang Berhormat dari BN memang tahu apa objektif parti pakatan ini.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Terima kasih. Saya ada dua soalan yang meminta penjelasan Yang Berhormat. Yang pertama, Yang Berhormat mewakili sebuah parti baru yang barangkali akan menawarkan diri untuk bertanding dalam pilihan raya yang akan datang. Soalan saya yang pertama, mengapa parti Yang Berhormat tidak menyertai 'Barisan Alternatif' yang sekarang ini duduk di dalamnya ialah DAP, PAS, PRM dan KeADILan. Mengapa parti Yang Berhormat memilih untuk bersendirian dan tidak bersama DAP. Yang kedua, apakah Yang Berhormat yakin daripada pengalaman Yang Berhormat lebih 20 tahun dalam DAP, saya percaya salah seorang ahli DAP yang veteran, yang cukup lama berjuang bersama DAP, apakah Yang Berhormat yakin bahawa DAP dengan konsep *Malaysian Malaysia* dan PAS dengan konsep kononnya pembentukan negara Islam, dengan KeADILan yang tidak tahu apa konsepnya, dengan PRM yang berbentuk sosialis boleh bersama di dalam barisan yang diberi nama sebagai 'Barisan Alternatif'. Ikut pengalaman Yang Berhormat selaku pemimpin DAP. Apakah ini suatu barisan yang *viable*.

Tuan Liew Ah Kim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Marang.. Tentang soalan pertama, memang MDP adalah sebuah parti yang baru didaftarkan. Kita sebagai

parti lawan, saya sukarela bagi pihak pemimpin parti MDP bersedia untuk bekerjasama dengan mereka tetapi tidak diberi peluang untuk MDP sampai setakat ini. Ini hakikatnya, apakah alasan dan sebabnya, saya pun tidak faham. Bukan kita tidak mahu tetapi kita tidak diberi peluang untuk masuk ataupun mengambil bahagian dalam pakatan tersebut.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tentang *Malaysian Malaysia*, saya sebagai bekas pemimpin DAP memang saya tidak nampak ada apa salah untuk *Malaysian Malaysia* kalau tajuk itu ditetapkan 33 tahun yang lalu. Ini Wawasan 2020 pun ada sebutkan iaitu rakyat Malaysia, konsep yang sama dengan *Malaysian Malaysia* tetapi sekarang pakatan mereka memang ada tujuan-tujuan sangat jauh antara satu dengan yang lain. Maka, pakatan mereka, bagaimana mereka boleh pakat ataupun bekerjasama untuk pilihan raya akan datang, adakah mereka mengutamakan tajuk-tajuk yang lain, objektif-objektif yang lain, saya pun tidak faham kerana saya tidak terlibat dalam pakatan yang berkenaan. Ada erti tak?

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Pertanyaan saya, saya fikir, berdasarkan pengalaman Yang Berhormat. Yang Berhormat sendiri sedia maklum bahawa sekarang DAP masih mengekalkan konsep perjuangan asal yang mungkin Yang Berhormat salah satu dari pendukungnya. PAS pula mengekalkan matlamatnya. Kalau itulah kedudukannya berdasarkan pengalaman dan pendirian Yang Berhormat sekarang, bolehkah dua-dua parti ini duduk dalam suatu barisan untuk membentuk 'Barisan Alternatif'. Bukankah mereka ini berada di dalam satu rumah, tidur satu bantal tetapi.....

Tuan Liew Ah Kim: Ya, saya faham. Duduklah. Saya cuba hendak menerangkan apa Yang Berhormat ada pertimbangkan ataupun dalam fikiran Yang Berhormat.

Satu ketika dalam tahun 40-an di mana negeri China apabila mereka menghadapi satu situasi di mana iaitu *occupation by Japan* berlaku di negara China, Komunis Parti dengan Nasionalis Parti pun bekerjasama untuk tujuan itu untuk menghalau Jepun atau tentera Jepun daripada benua China tetapi tidak tahulah, ini pakatan empat buah parti

yang bekerjasama dengan apa tujuan dan manifesto mereka dan mengeluarkan risalah-
risalah politik untuk pertimbangan rakyat jelata. [Disampuk] Boleh jadi atau tidak, itu
terpulang kepada rakyat jelata kita atau pengundi-pengundi tanah air kita.

Dato' Lim Si Cheng: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya Yang Berhormat,
Senai bangun.

Dato' Lim Si Cheng: Jadi kalau saya bertanya dengan Yang Berhormat, pakatan
keempat parti ini tidak jujur. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya, tidak jujur.
Manifesto pun tidak jujur, mereka tidak akan berjaya. Yang Berhormat setujukah?

Tuan Liew Ah Kim: Saya hormatkan pandangan Yang Berhormat bagi Senai.
Itu memang pendapat Yang Berhormat sendiri, itu bukan pendapat saya.

Dato' Hon Choon Kim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya Yang Berhormat,
Seremban bangun.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya tertarik
dengan Yang Berhormat tadi menyebut negara China pada masa Jepun memerintah
negara itu secara memaksakan dan Parti Komunis dan *Nationalist Party* boleh
bekerjasama. Saya tidak bersetuju untuk ibaratkan Malaysia dengan pada masa negara
China di bawah jajahan orang Jepun, jadi saya tidak setuju sebab hari ini Kerajaan
Barisan Nasional memang mendapat mandat dari rakyat untuk memerintah. Jadi saya
minta pandangan, bagaimana DAP hendak bekerjasama dengan PAS? Memang kedua-
dua parti tidak selaras, dari segi *philosophy*, politik dan sebagainya. Seorang
melaungkan *Malaysian Malaysia* dan lagi satu parti PAS melaung-laungkan mewujudkan
Islamic state jadi bagaimana mereka boleh bersetuju. Saya minta pandangan Yang
Berhormat menerangkan, saya hendak tahu sama ada parti Yang Berhormat parti lawan
atau parti kawan, sebab kita hendak tahu pendirian Yang Berhormat.

Dalam keadaan sekarang, Malaysia maju dan rakyat boleh sokong Kerajaan
Barisan Nasional. Jadi pendirian Yang Berhormat sekarang ini, tadi Yang Berhormat
sebut, memang hendak bekerjasama dengan pakatan pembangkang tetapi pakatan
pembangkang tolak parti Yang Berhormat. Jadi saya minta pandangan kerana saya

hendak tahu sama ada Yang Berhormat kawan atau lawan. Kalau lawan, lain cara, kalau kawan lain caralah. Jadi saya minta pendirian.

Tuan Liew Ah Kim: Tujuan politik ada jangka pendek ataupun jangka panjang. Untuk jangka pendek pakatan mereka memang itulah tujuan mereka. Untuk jangka panjang, *long term objectives would be different from the short term objectives because* dalam ini politik, keadaan sangat *complicated*. Jika tanyakan MDP apa peranan MDP, saya boleh huraikan sedikit sebanyak tentang peranan MDP akan dimainkan dalam pilihan raya umum akan datang ini.

Kita membayangkan ataupun memainkan satu peranan, boleh katakan *as a third choice party* ataupun pilihan yang ketiga antara parti-parti pemerintah dan parti-parti pembangkang, dengar-dengarlah. Siapa yang tidak suka Barisan Nasional boleh sokong kita, pengundi yang tidak setuju dengan fikiran ataupun konsep pakatan lawan ataupun parti-parti pembangkang, boleh sokong kita. Maka kita kawan, semua kawan, kalau jalan yang betul kita kawan, kalau jalan yang salah,

Dato' Lim Si Cheng: [*Bangun*]

Tuan Liew Ah Kim:perbuatan yang salah tidak. Kalau *double standards*, tidak demokratik, tidak melulus ataupun [*Disampuk*]macam-macamlah cakap tak serupa bikin, kita mesti lawan sampai habis-habis.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Yang Berhormat, dalam konteks *double standards* ini, bolehkah Yang Berhormat sebut, Yang Berhormat lama dalam DAP, cuba sebut kepada Dewan yang mulia ini [*Disampuk*] apa sikap *double standards* yang dimainkan oleh Ketua Pembangkang, Yang Berhormat selalu laungkan, Yang Berhormat bagi Tanjong ini *double standards* dan sebagainya, mengkritik orang dan sebagainya tetapi daripada pengalaman Yang Berhormat dalam DAP, apa Yang Berhormat sendiri alami.

Dan yang kedua, saya hendak tanya, pernah atau tidak semasa Yang Berhormat berada dalam DAP, parti DAP ini pernah menerima apa-apa sumbangan daripada orang untuk kegiatan parti politik mereka terutamanya di Pulau Pinang.

Seorang Ahli: Susah mahu jawab.

Tuan Liew Ah Kim: *Conclusion*, dalam satu hakikat saya sangat sedih, saya tidak mahu berulang lagi, apa yang saya lafazkan ataupun buat statement ataupun sidang

akhbar, saya ada menerangkan pengalaman saya, penderitaan saya, cukuplah. Dalam sini saya tidak mahu bincang hal-hal peribadi, walau dengan siapa pun, itu tidak mustahak lagi. Ini yang mustahak, kita bincangkan Belanjawan pada hari ini. *[Ketawa]* Setujukah Yang Berhormat, setuju saya bagi jalan? Sikit sahaja ya.

Dato' Lim Si Cheng: Tadi Yang Berhormat ada menyatakan tidak mahu sebut itu yang telah berlaku, jadi sekarang kalau Yang Berhormat selaku seorang pengundi di kawasan Tanjong, saya hendak tanya, sama ada Yang Berhormat akan menyokong Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong atau memberi sokongan kepada Barisan Nasional. Terima kasih.

Tuan Liew Ah Kim: Saya sebagai satu parti oposisi memang kita harap dapat sokongan daripada semua pihaklah. Barisan Nasional bukan semua salah, yang ada salah sangat serius pun patut diperbaiki, diperbetulkan. Kita pun kadang-kadang ada buat salah juga, kita patut akuilah, apa yang kita buat kalau tidak betul, ini peranan kita juga. Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nampaknya ada lagi peminat, Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Liew Ah Kim: Ini Pokok Sena, dia *[Ketawa]* humour sedikitlah. *[Disampuk]* Okay.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, ini serius saya hendak tanya dia, tadi Yang Berhormat bagi Seputeh mengatakan bahawa parti dia satu parti oposisi, *opposition*, pembangkang. Saya ingin hendak tahu daripada dia, kalau kita sudah ada satu pembangkang, kalau Barisan Nasional A, itu B, dia sama ada tidak setuju dengan B masuklah A, apa hendak tubuh lagi satu, hendak membangkang siapa, dia hendak membangkang Barisan Nasional, hendak membangkang pembangkang. *[Disampuk]* Jadi itu yang saya hendak tahu, hendak membangkang pembangkang sebab Yang Berhormat bagi Seputeh kata, parti dia satu parti *opposition*, hendak bangkang siapa, banyak hendak membangkang pembangkangkah atau banyak hendak membangkang Barisan Nasional, saya hendak tanya? Lebih baik masuk Barisan Nasional, senang cakap.

Tuan Liew Ah Kim: Cukup Yang Berhormat, saya tahu, saya faham *[Ketawa]* apa yang ada dalam fikiran Yang Berhormat itu. Ini satu parti memang, satu peranan

yang penting pada saat inilah. Oleh kerana pakatan parti-parti *opposition* pun [Disampuk] hendak menggantikan kerajaan yang sekarang, maka tidak ada oposisi. Kalau ikutlah tujuan ini alternatif kepada Barisan Nasional, maka mereka pun ingin hendak menggantikan kerajaan. Memang Barisan Nasional hendak teruskan memegang kuasa pemerintah, maka tidak ada oposisi, ini MDP diwujudkan untuk mengambil *to occupied* satu *vaccum to be fulfilled*, dipenuhi vakum itu. [Disampuk]] Memang ada perananlah. [Ketawa] [Disampuk] Saya sambung, buang masa nanti, kawan saya Yang Berhormat Kubang Kerian dia pun sudah bisinglah kerana dia hendak ucap juga.

Tidak lama lagi negara kita akan menghadapi pilihan raya umum yang kesepuluh. Pilihan raya ini adalah pilihan raya yang terakhir menjelang alaf baru dan ia merupakan pilihan raya yang penting, yang akan memilih ahli-ahli Parlimen baru yang akan membawa negara kita ke dalam bukan sahaja abad yang baru tetapi alaf baru. Maka disebabkan itu pilihan raya umum akan datang perlulah merupakan pilihan raya yang bersih, adil dan bebas.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu bukan sahaja mengendalikan pilihan raya dengan bersih dan teratur tetapi lebih-lebih lagi memastikan kempen pilihan raya dijalankan dengan bersih, adil dan bebas. Tugas Suruhanjaya Pilihan Raya bukan sekadar terhad kepada perjalanan pengundian tetapi lebih penting lagi memastikan bahawa seluruh kempen pilihan raya dari masa Parlimen dibubar hingga tamatnya pengiraan undi dijalankan dengan bersih, adil, telus dan bebas.

Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah memastikan tempoh kempen pilihan raya adalah munasabah dari mula-mula lagi. Tempoh yang berpatutan harus diberi dari hari pembubaran hingga hari penamaan calon dan dari penamaan calon hingga hari membuang undi. Kini tempoh antara pembubaran Parlimen dan hari penamaan calon ialah 4 hari dan dari hari penamaan kepada hari buang undi pula 7 hari, ini adalah jangka yang pendek sekali dan tidak munasabah. Sekurang-kurangnya tempoh 7 hari harus diberi antara hari pembubaran Parlimen dan hari penamaan dan 3 minggu dari hari penamaan calon dan hari buang undi. Ini adalah penting untuk membolehkan setiap calon dan parti ada masa dan peluang untuk berkempen.

Di samping itu, Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah memastikan ruang yang cukup diberi untuk membolehkan setiap calon berkempen. Masa harus diberi kepada

parti-parti politik untuk menggunakan televisyen, radio untuk berkempen. Saya tidak nampak logik Yang Berhormat Menteri Penerangan yang pernah berkata bahawa parti-parti pembangkang tidak boleh menggunakan televisyen untuk berkempen. Televisyen Malaysia adalah milik rakyat dan ia harus dibenarkan untuk digunakan oleh semua parti yang bertanding dalam pilihanraya.

Suruhanjaya PilihanRaya harus memastikan awal-awal lagi bahawa media massa kerajaan seperti radio dan televisyen khususnya TV1 dan TV2 memberi peluang yang sama kepada parti pemerintah dan parti pembangkang untuk berkempen. Begitu juga media massa harus bersikap adil dengan menyiarkan berita dan rencana yang adil dan tidak diputarbelitkan. Kerajaan dan Suruhanjaya Pilihan Raya khasnya harus juga memastikan tiada ugutan, baik secara langsung atau tidak langsung digunakan untuk meraih undi. Ancaman dan ugutan seperti 13 Mei tidak harus dibenarkan dan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya harus menggunakan kuasa yang ada padanya untuk mengisytiharkan perbuatan sedemikian sebagai amalan rasuah (*corrupt practice*).

Begitu juga Suruhanjaya PilihanRaya hendaklah mengawasi politik wang dari menular, kelulusan tol geran dan lain-lain geran pembangunan khususnya untuk projek-projek kecil semasa kempen pilihan raya harus dikutuk dan dianggap sebagai rasuah dan sesiapa yang melakukan perbuatan hendaklah didakwa.

Pihak Suruhanjaya Pilihan Raya juga harus menentukan anggota pasukan keselamatan dibenarkan mengundi dengan bebas dan bukan seperti sekarang di mana wakil atau ejen pilihanraya calon-calon tidak dibenarkan memasuki kem-kem tentera untuk mengawasi perjalanan undi. Alasan yang diberikan oleh kerajaan mengapa ejen-ejen pilihan raya tidak dibenarkan pengkalan-pengkalan atau kem-kem tentera darat, laut dan udara ialah disebabkan keselamatan.

Alasan ini tidak logik dan tidak boleh diterima akal. Apakah yang boleh dilakukan oleh ejen-ejen pilihan raya yang hanya bersenjatakan pensel dan daftar pemilih sahaja? Kita telah mendengar banyak aduan daripada bekas anggota keselamatan kita, yang mendakwa bahawa mereka tidak mengundi semasa pilihan raya tetapi mendapati orang lain telah mengundi bagi pihak mereka. Amalan-amalan yang salah ini harus diperbetulkan dan SPR hendaklah menegaskan kepada kerajaan bahawa sekiranya kerajaan tidak membenarkan ejen pilihan raya memasuki pengkalan ataupun kem tentera

untuk mengawasi perjalanan pengundian, maka kertas undi tidak harus dihantar ke kem tersebut. Ini penting untuk memastikan anggota pasukan keselamatan kita diberi peluang dan kebebasan untuk mengundi calon atau parti yang mereka sukai.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita pernah berkata pilihan raya akan datang adalah pilihan raya yang paling kotor. Mengapakah beliau berkata sedemikian? Hanya orang yang fikir akan kalah, akan cuba untuk melakukan sesuatu yang kotor untuk memastikan beliau tidak kalah. Sebagai ketua kerajaan adalah tanggungjawab beliau untuk memastikan pilihan raya akan datang bukan sahaja tidak kotor tetapi lebih-lebih lagi menjadi pilihan raya yang bersih, adil dan bebas, di mana setiap parti diberikan peluang untuk berkempen dengan adil dan bebas di mana jentera, *machinery* kerajaan dan media massa tidak digunakan untuk memfitnah parti-parti lawan.

Dalam pada itu, saya menggesa kerajaan menyambut rayuan pilihan raya 17 mata yang mengandungi 83 cawangan mengenai pelbagai *objective* seperti perpaduan negara, hak asasi manusia, keadilan, rasuah, dasar ekonomi yang adil, pendidikan agama, penswastaaan, alam sekitar dan perumahan. Cadangan-cadangan tersebut yang merentasi kaum dan agama harus diterima oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bicara tentang pilihan raya, kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ahli-ahli Lembaga Penasihat terdiri dari orang-orang yang dilantik, bukannya dipilih oleh rakyat. Sudah lebih dari suku abad telah berlalu semenjak jawatan Datuk Bandar dan Ahli-ahli Lembaga Penasihat ditubuhkan. Sudah sampai masanya pilihan raya diadakan bagi jawatan Datuk Bandar, begitu juga pilihan raya harus diadakan untuk mengadakan sebuah Dewan Bandaraya yang dipilih di ibu kota. Di lain-lain negara mempunyai seorang Datuk Bandar yang dipilih seperti di London, Washington dan Canberra, mengapa tidak di Kuala Lumpur?

Tuan Yang di-Pertua, hampir 200,000 pemegang kad kredit ini menderita dan tiada apa-apa yang dilakukan oleh Bank Negara untuk membantu mereka. Ini adalah golongan yang kad mereka digantung ataupun dibatalkan. Walaupun Bank Negara telah mengumumkan penurunan faedah yang dikenakan oleh bank-bank ke atas pemegang-pemegang kad kredit dari 24% kepada 18% setahun namun ini adalah terlalu tinggi. Kadar ini dikurangkan kepada 9% setahun.

Baru-baru ini, *Standard Chartered Bank* telah menawarkan faedah 9% setahun keseluruhannya. Para pemegang kad meminta kredit mereka kepada kad kredit *Standard Chartered* sekiranya bank ini boleh tawarkan faedah 9%, maka tidak ada sebab mengapa bank-bank lain tidak boleh berbuat demikian. Bank-bank lain meraih keuntungan besar dari pemegang kad kredit dan Bank Negara hendaklah bersikap tegas dalam hal ini. Kadar faedah hendaklah dikurangkan kepada 9% setahun, charge-charge lain yang tidak munasabah dan karut seperti charge lewat membayar harus dimansuhkan. Disebabkan ramai pemegang kad kredit ingin menyelesaikan hutang mereka tetapi bukan dengan cara yang dikehendaki oleh bank-bank yang ingin menghisap darah mereka.

Saya cadang kepada Bank Negara agar satu pakej yang adil ditawarkan kepada pemegang kad kredit yang ingin menyelesaikan hutang mereka iaitu:-

- (i) kurangkan faedah kepada 9% setahun;
- (ii) mansuhkan charge-charge lain yang tidak munasabah seperti charge lewat bayar – *late charges* – mengapa dikenakan *late charges* sedangkan kad orang yang terlibat sudah pun dibatalkan atau digantung;
- (iii) *upfront payment* patut dimansuhkan juga. Apabila seseorang pemegang kad kredit cuba runding dengan bank untuk menyelesaikan hutang kad kreditnya, beliau diminta bayar, bayaran *upfront*. Di manakah beliau hendak mencari wang itu?

Bank Negara hendaklah merangka satu pakej yang munasabah untuk membantu para pemegang kad yang menghadapi masalah yang meliputi lebih 200,000 orang iaitu satu jumlah yang besar. Mereka yang terlibat hendaklah diminta membayar balik kredit yang digunakan dengan faedah 9% setahun. Di samping itu Bank Negara hendaklah sedar tentang amalan tidak sihat dan tidak beretika yang dilakukan oleh bank-bank tertentu baru-baru ini.

Malayan Banking ini *tag* akaun semasa ataupun simpanan pelanggannya yang gagal membayar ansuran bulannya bagi kad kredit, misalnya, kalau Encik A tidak membayar RM300 ansuran hutang bulannya untuk kad kredit, maka wang yang sama jumlah iaitu RM300 akan ditahan ataupun *ditag* dalam akaun semasa ataupun simpanan orang yang terlibat. Ini tidak adil sama sekali. Akaun kredit atau kad kredit adalah akaun

kad kredit disebabkan seseorang tidak membayar ataupun gagal membayar, tidak seperti May Bank boleh 'tag' akaun simpanan orang tersebut. Akaun simpanan itu mungkin merupakan akaun melalui masa gaji ataupun pencen orang itu dibayar. Adalah tidak beretika dan tidak adil bagi May Bank untuk menahan atau tag akaun simpanan pelanggannya yang tidak kena mengena dengan kad kreditnya.

Juga kes-kes di masa *May Bank credit card center* terus debit akaun simpanan pelanggan hanya untuk membayar kad kredit. Malayan Banking berselindung di bawah kata-kata orang atas atau *any other means* yang terdapat dalam perjanjian yang dimentrai antara pemegang kad kredit dengan May Bank. Tetapi tidak diberi lesen kepada Malayan Banking untuk debit akaun simpanan para pemegang kad kredit untuk mendapatkan balik wangnya. Mereka juga tidak harus dibenarkan tag mana-mana akaun pelanggannya.

Begitu juga saya diberitahu RHB Bank yang telah mengambil alih Kwong Yik Bank termasuk *credit card*, kini sedang memburu pemegang-pemegang kad kredit yang akaun mereka telahpun dihapus kira ataupun *right off* oleh Kwong Yik Bank. Mereka telah diminta membayar balik wang yang digunakan oleh mereka termasuk faedah bayaran lewat dan lain-lain charge oleh RHB, sedangkan Kwong Yik Bank telah pun menghapus kira wang tersebut. RHB sebagai *successful bank* ataupun pengganti. Bank tidak boleh menuntut oleh apa yang telah pun dihapus kira oleh Kwong Yik Bank sebelum ini melalui statement yang dihantar kepada pemegang kad kreditnya. Bank Negara hendaklah campur tangan dalam perkara ini dan memperbetulkan keadaan, prinsip bahawa apa yang dihapus kira harus dihormati oleh RHB sebagai *successful bank* dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membangkitkan kes 15 kakitangan Hong Kong and Shanghai Bank yang dipecat baru-baru ini tanpa *domestic enquiry*. Kesemua 15 orang, saya difahamkan adalah *Customer Sales Representative (CSR)*. Mereka uruskan *partner account* dan menawar perkhidmatan khasnya kepada pelanggan khas, tiba-tiba bidang kuasa mereka ditukar dan mereka mengikut *description* kerja mereka, kini dikehendaki menyediakan kopi, basuh pinggan, hantar kad bank secara peribadi kepada pelanggan. Kesemua ini bukanlah kerja mereka. Mereka ini berpangkat CSR adalah lebih tinggi dari pangkat kerani tetapi kurang dari pangkat pegawai. Apabila

mereka enggan membuat kerja yang disuruh maka mereka dipecat tanpa *domestic enquiry*.

Ini jelas menyalahi undang-undang dan saya menggesa kerajaan bersikap tegas dalam perkara ini dan pihak Hong Kong Bank diarah mengambil balik semua 15 kakitangan yang dipecat itu. Bank-bank juga kini mengambil kesempatan untuk mengeksploitasi kakitangannya atas nama otomasi ataupun kenaikan gred *Standard Chartered Bank* misalnya akibat otomasi dan sebagainya meminta kakitangannya ke lain-lain bahagian seperti pemasaran, sasaran tinggi ditetapkan dan para kakitangan yang terlibat menghadapi pelbagai tekanan dari majikan.

Tuan Yang di-Pertua, *Standard Chartered Bank* mempunyai jawatan Penolong Pegawai I, kategori kakitangan yang paling dieksploitasikan. Mereka bukanlah pegawai penuh tetapi dikehendaki melakukan segala tugas yang dijalankan oleh seseorang pegawai apabila didapati terdapat terlalu ramai pelanggan maka mereka dikehendaki membuka kaunter ataupun bertugas sebagai *cashier*.

Pegawai ini juga diminta membuat lain-lain kerja yang dibuat oleh kerani-kerani jelas adalah eksplotasi yang dilakukan khasnya *Standard Chartered Bank*. Saya rasa jawatan penolong pegawai ini telah dieksploitasikan bank-bank dan sudah sampai masanya jawatan ini dimansuhkan dan mereka semua yang memegang jawatan penolong pegawai dinaikkan terus ke pangkat pegawai dan dibayar gaji dan elaun yang sepatutnya. *Assistant officer* patut diberi kedudukan yang tetap, iaitu pangkat pegawailah bukan penolong pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya ingin sentuhkan di sini ialah tentang struktur haram yang didirikan atas jalan desa. Saya juga ingin membangkitkan masalah wujudnya Pilcon Concrete Sdn. Bhd. Pilcon Concrete telah mendirikan pagar atau lain-lain struktur di atas rizab jalan dan ini pula menghalang pemilik-pemilik tanah sekitar daripada menggunakan jalan tersebut. Tanah yang terlibat ialah jalan masuk berhubung dengan lot 14299, lot 45609, lot 27678 dan lot 47088 mukim Kuala Lumpur. Walaupun pentadbir tanah Kuala Lumpur telah mengarah Tetuan Pilcon berpindah dan mengosongkan tanah berkenaan yang terdapat di Jalan Kuchai Lama dan arahan ini dikeluarkan pada 20 Mei 1999, rujukan PTG/WP 3/058/98 yang ditandatangani oleh Encik Zainal Abidin bin Sulong. Bagi pihak pentadbir tanah, pihak Pilcon Concrete

Sdn. Bhd. masih belum mengosongkan tempat tersebut. Saya merasa amat hairan mengapa pihak pentadbir tanah masih belum mengambil tindakan dalam perkara ini sedangkan syarikat tersebut diberi masa sehingga 30 Mei 1999 untuk berpindah dan mengosongkan tanah tersebut.

Lazimnya pentadbir tanah akan meroboh rumah setinggan dan orang-orang miskin dengan pantas tetapi dalam kes ini mereka sengaja melambat-lambatkan dan tidak mengambil apa-apa tindakan. Apakah ini disebabkan syarikat tersebut mempunyai orang-orang yang berpengaruh di sebaliknya sehingga Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak berdaya mengambil tindakan terhadapnya. Saya menggesa satu penyiasatan penuh diadakan dalam perkara ini yang telah berlanjutan hampir satu tahun. Satu penerangan yang baik harus diberi kepada orang ramai. Kewibawaan dan integriti kerajaan terlibat dalam perkara ini dan kerajaan hendaklah berlaku adil dalam perkara ini untuk memastikan jalan keluar masuk sentiasa dapat digunakan oleh orang-orang ramai. Sekian, terima kasih.

12.43 tgh.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang membahas Belanjawan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama kerana telah menyampaikan Belanjawan 2000 yang berinspirasi, penyayang dan berkongsi di Dewan yang mulia ini pada 29 Oktober 1999.

Belanjawan 2000 yang mesra rakyat seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan I kerana ia memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah dan kakitangan kerajaan yang telah mendapat pujian semasa krisis ekonomi kebangsaan. Kini, ekonomi kebangsaan telah semakin pulih dan adalah tepat bagi kerajaan untuk memperakui sumbangan mereka dan memberi mereka ganjaran yang sewajarnya, seperti komen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita sayangi selepas penyampaian Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini juga unik kerana ini adalah kali pertama Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama kita menyampaikan Belanjawan selepas

beliau dipanggil balik ke Kabinet Persekutuan bagi membantu menyelesaikan masalah krisis ekonomi kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, setelah dikritik kerana tidak ada pelan induk untuk membimbing kerajaan, parti pembangkang telah menerbit satu Belanjawan untuk mengagur masyarakat malah mereka sendiri. Harapan terbaik parti pembangkang ialah cuba untuk menafikan 2/3 majoriti BN di Dewan yang mulia ini di dalam Pilihan Raya Parlimen yang akan datang, bermakna mereka tidak akan dapat menubuh kerajaan tersebut.

Dengan pengamatan tersebut, mereka telah mewujudkan satu belanjawan yang mereka tidak berniat dan berjanji untuk mengumpan undi sahaja. Ini adalah satu lawak jenaka yang dipersembahkan oleh parti pembangkang sebelum kita menyeberang alaf yang akan datang.

DAP telah berjaya menipu orang ramai contohnya di Sibul seperti isu 3M di Pilihan Raya Parlimen 1982 dan kelewatan di dalam membina Jambatan Durin semasa pilihan raya negeri 1996 di Sarawak dan kedua-dua isu di mana mereka telah menangi dua kerusi iaitu Kerusi Parlimen Sibul pada tahun 1982 dan Kerusi Negeri Bukit Assek, Sibul pada tahun 1996 masing-masingnya.

Tuan Yang di-Pertua, maka adalah menjadi kewajipan kita untuk mendedah "*fool-people ploy*" pembangkang dan mendedahkan mereka di hadapan orang ramai.

Mungkin bekas Ahli-ahli DAP seperti Yang Berhormat bagi Seputeh boleh berdiri dan menceritakan pengalaman dahsyat dan mendedahkan kegiatan DAP yang berkhubah tentang demokrasi tetapi mengamalkan diktator.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mendengar dari tragedi dahsyat kaum Cina-Indonesia semasa krisis ekonomi Indonesia (hari ini kita masih mendengar pengalaman pahit kaum Cina dari Indonesia yang telah lari ke Kuching, Sarawak), kita harus bersyukur yang kita adalah rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, keharmonian kaum, kestabilan politik dan pembangunan ekonomi yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah bukti-bukti kukuh bahawa tidak ada alternatif selain daripada Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai rekod baik dan bukti terbaik berkhidmat untuk rakyat dan bukti tidak pernah berdusta seperti yang disaran oleh Menteri Kewangan I sewaktu pembentangan Belanjawan beliau.

Mana-mana individu dan parti-parti politik tidak mempunyai sebarang tempat di Dewan yang mulia ini jika dia atau mereka cuba untuk menghapuskan 3 batu asas ini iaitu “keharmonian kaum, kestabilan politik dan pembangunan ekonomi” yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional di dalam 40 tahun kemerdekaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga batu asas ini tidak harus dimusnahkan oleh agenda-agenda politik kepentingan diri mana-mana individu, sebuah atau kumpulan parti-parti politik. Bukan saja tidak bermoral tetapi berdosa untuk mencapai objektif politik yang pentingkan diri dengan mempergunakan kepentingan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, maka saya merayu kepada semua rakyat Malaysia untuk sepenuhnya menentang parti pembangkang dan mengundi Barisan Nasional demi keamanan, kestabilan dan kemakmuran kita semua dan generasi muda kita di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi kita terlalu bergantung kepada permintaan eksport tetapi produk perkilangan pula tidak mempunyai asas yang luas. Maka, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah dengan betul mengutarakan bahawa Malaysia perlu dengan segera menggalakkan permintaan domestik agar dapat melepaskan lebih bekalan seperti di dalam industri pembinaan dan setiap usaha haruslah dibuat untuk meningkatkan keluaran kita dari produk asas kepada industri perkilangan dan kemudian kepada *ecommerce* dan selanjutnya kepada *k-commerce* (*knowledge commerce*), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu kita harus juga memperkukuhkan industri perkhidmatan dan pertanian kita demi untuk mengurangkan defisit di dalam pembayaran tertunggak di dalam industri perkhidmatan dan mengurangkan pengimportan makanan. Sedang kita menuju globalisasi, kemampuan ekonomi kita akan dipengerahui oleh faktor-faktor luaran seperti berikut:

- (i) kemampuan ekonomi Amerika Syarikat mungkin turun menjunam;
- (ii) pemulihan ekonomi Jepun masih lagi lemah dan kabur; dan
- (iii) kestabilan serantau masih lagi menjadi tanda tanya.

Maka, amat berpatutan bagi Malaysia untuk meneruskan kawalan mata wang tertentu yang sedia ada untuk melindungi diri kita daripada ‘*hedge fund sharks*’.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan masih lagi pelaburan yang terbaik. Adalah betul sekali Kerajaan Barisan Nasional cuba untuk menjadikan Malaysia pusat

pendidikan yang cemerlang di rantau ini. Ucapan tahniah saya kepada Kerajaan Barisan Nasional secara umumnya dan Menteri Pendidikan terutamanya di atas pencapaian besar sehingga kini dalam peningkatan kedua-dua kekosongan pendidikan dan taraf pendidikan.

Bagi tahun 2000, Kementerian Pendidikan akan menyediakan RM14.08 bilion atau 18% dari jumlah Belanjawan Persekutuan iaitu RM11.69 bilion untuk perbelanjaan operasi dan RM2.39 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Bagi mencapai sasaran sekolah-sekolah sesi tunggal, Kerajaan Barisan Nasional akan membina 833 buah sekolah tambahan yang meliputi 371 sekolah baru dan membesarkan 462 sekolah-sekolah yang sedia ada.

Sementara itu, kelas-kelas komputer, makmal-makmal, dan asrama-asrama untuk murid, kuarters-kuarters untuk guru-guru akan dibina di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar untuk meningkatkan lagi pengajian IT dan perkhidmatan serta kebajikan guru-guru dan murid-muridnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini, saya kesal dengan apa yang saya telah rayu beberapa kali di Dewan yang mulia ini agar kerajaan menaikkan geran modal kepada semua sekolah bantuan termasuk Sekolah Rendah Bantuan Cina yang mendaftar lebih daripada 60,000 pelajar-pelajar bumiputera serta 60 sekolah-sekolah menengah bebas Cina yang mana hampir keseluruhannya disokong oleh masyarakat Cina untuk beberapa tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya bagi kerajaan untuk memperakui *Senior Middle III Certificate* yang dikeluarkan oleh *Joint Education Board*, 60 sekolah-sekolah menengah bebas Cina, yang mana telah diperakui oleh ratusan universiti-universiti asing. Perakuan ini akan membolehkan pemegang-pemegang sijil tersebut untuk mendaftar di universiti-universiti dan maktab-maktab kerajaan atau swasta supaya dapat menjimatkan sejumlah besar tukaran asing dengan belajar di seberang laut. Perakuan ini juga akan menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru di SRB Cina di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita berkata tentang pendidikan IT di kawasan luar bandar, saya berasa kemudahan-kemudahan asas seperti bilik darjah, kuarters-kuarters guru, asrama pelajar-pelajar, padang sukan dan dewan sekolah haruslah dibina dan dipertingkatkan terlebih dahulu dan di kawasan Parlimen saya, saya sendiri telah

menyaksikan pelajar-pelajar hampir 'berenang' di pandang sukan darat yang sememangnya terdedah kepada banjir seperti di SRK Tanjung Bekakap. Ingat ya, Pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, balikkah jawab untuk bantu.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah saya ucapkan kepada Menteri Pendidikan dan timbalan-timbalan beliau kerana telah meluluskan kewujudan 11 buah sekolah rendah Cina baru demi untuk menyediakan lebih banyak kekosongan kepada ibu bapa-ibu bapa termasuk bumiputera untuk menghantar anak mereka belajar di sekolah-sekolah rendah Cina. Sekali lagi, saya ingin mengetahui kemajuan terhadap pembinaan SRK dan SMK yang dicadangkan di Estet Perumahan Sibujaya kerana sekarang sudah terdapat lebih daripada 2,000 keluarga telah berpindah masuk sedangkan hanya ada sebuah SRB Thian Hua iaitu pagi untuk sesi Bahasa Melayu dan petang untuk sesi Bahasa Mandarin yang telah dipindahkan dari Ulu Mukah dan dibina bersama oleh 5 wakil rakyat Barisan Nasional di Sibujaya dan sehingga kini kami masih belum lagi menerima sebarang geran modal daripada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, Sibujaya memerlukan sebuah SRK dan SMK dengan segera dan saya merayu kepada Kementerian Pendidikan untuk memberi perhatian utama terhadap permintaan segera ini. Konsep masyarakat kolej amat baik sekali bagi menyediakan interaksi kaum dan untuk kebanyakan pelajar-pelajar tersebut yang boleh meneruskan pendidikan 'tertiary' sehingga ke peringkat diploma.

Tuan Yang di-Pertua, penggabungan yang dicadangkan terhadap semua bank.... **Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Kita sambung ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, boleh sambung petang ini.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat belum habis, sambung ya.

2.31 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya minta sambung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, skim penggabungan bank lebih banyak kajian. Penggabungan yang dicadangkan terhadap semua bank dan syarikat kewangan tempatan menjadi enam kumpulan telah mewujudkan kebimbangan di antara pelanggan-pelanggan serta kakitangan bank takut akan hilang pekerjaan.

Di dalam kita menghargai niat baik penggabungan tersebut sejajar dengan *trend* antarabangsa dan globalisasi di dalam perdagangan, kerajaan harus menimbang semula untuk lebih fleksibel di dalam melaksanakan penggabungan ini dan saya berpuas hati kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan akan lebih fleksibel di dalam isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak kita mempunyai Hock Hua Bank, Bank Utama, Wah Tat Bank, Delta Finance dan beberapa buah lagi syarikat kewangan yang sedang berjalan lancar dari segi pengurusan, perkhidmatan kepada pelanggan serta keuntungan. Rakyat di Sarawak secara umumnya dan Sibujerutamanya mempunyai hasrat yang kuat untuk menyaksikan kerajaan harus membenarkan Hock Hua Bank atau Bank Utama dan bersama-sama menjadi '*anchor bank*' bagi seluruh bank dan syarikat kewangan di Sarawak agar mereka dapat terus memberi perkhidmatan yang baik kepada pelanggan mereka dan memberi keuntungan yang baik kepada pemegang-pemegang saham mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin faktor penting yang mesti dipastikan oleh kerajaan ialah kebajikan kakitangan bank di mana kebajikan serta kerja mereka tidak harus menjadi korban semasa proses penggabungan kerana mereka telah menyumbang bahagian yang sewajarnya terhadap kejayaan sistem perbankan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus membenarkan beberapa buah bank *regional* kecil tetapi diurus dengan baik untuk meneruskan operasi mereka yang mana bukan bertujuan untuk bersaing dengan kumpulan perbankan antarabangsa besar dan

pelanggan IKS tempatan pula berasa lebih selesa berurus niaga dengan bank tempatan daripada dengan *anchor* bank-bank yang dikawal di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Kesihatan Awam di Malaysia adalah di antara yang termurah dan terbaik sekali di dunia kerana rakyat Malaysia tidak perlu membeli insurans perubatan dan menikmati penjagaan perubatan percuma di hospital-hospital kerajaan. Kekurangan pakar-pakar perubatan serta jururawat-jururawat adalah isu yang sekian lama tertangguh dan harus diselesaikan dengan sebaik-baiknya.

Graduan perubatan Malaysia yang telah pulang daripada seberang laut serta mempunyai hasrat yang kuat untuk berkhidmat di Malaysia hanya akan mendapati mereka terpaksa menunggu hampir satu ke-dua tahun sebelum permohonan mereka dapat diproses dan diterima sehingga kebanyakan daripada mereka meninggalkan negara Malaysia dan bekerja di negara-negara asing yang boleh mengesah permohonan mereka dalam beberapa hari sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memahami logik di dalam kelewatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang seharusnya mempercepatkan proses agar Malaysia tidak akan kehilangan doktor-doktor pakar perubatan yang amat diperlukan. Begitu juga dengan kakitangan jururawat, iaitu kita kekurangan jururawat di hospital-hospital tetapi terdapat pelbagai aduan terhadap penolakan daripada pemohon-pemohon untuk memasuki sekolah latihan kejururawatan.

Tuan Yang di-Pertua, kadangkala pengurusan hospital kerajaan mempunyai masalah untuk memberi cuti kepada jururawat daripada suatu kaum tertentu sewaktu hari perayaan mereka kerana jumlah mereka terlalu banyak dan kebanyakan daripada mereka tidak dibenarkan cuti. Maka isu kaum kakitangan kejururawatan dan pegawai-pegawai perubatan haruslah seimbang dan sama rata agar masalah yang tidak diingini dapat dihindari.

Tuan Yang di-Pertua, masalah doktor-doktor pakar perubatan dan jururawat meninggalkan hospital kerajaan disebabkan oleh upah yang rendah haruslah diselesaikan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Menteri Pengangkutan, timbalan-timbalan beliau, setiausaha Parlimen dan kakitangan kementerian kerana telah melaksanakan dua aerobridge di Lapangan Terbang Sibu yang

mana sedang dibina sekarang. Saya menyokong sepenuhnya Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah menekankan pembangunan perkhidmatan kereta api murah dan laju dan saya merayu kepada Kementerian Pengangkutan supaya melihat kemungkinan untuk membina landasan kereta api di Sarawak kerana hanya negeri tersebut di Malaysia tidak mempunyai landasan kereta api.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berpuas hati melihat peruntukan sebanyak RM13.4 juta disediakan untuk pembangunan pengangkutan laut termasuk kompleks marin sebanyak RM4.5 juta untuk Sibu dan Sarikei dan pinjaman tanpa faedah percuma sebanyak RM100 juta bagi membina pelabuhan LNG3 di Bintulu.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah menyediakan sebanyak RM12 juta bagi meningkatkan Lapangan Terbang Limbang tetapi kecewa kerana pembangunan Lapangan Terbang Bintulu ditangguhkan. Saya ingin tahu bilakah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching akan mendapat dua *aerobridge* tambahan?

Tuan Yang di-Pertua, bagi pembinaan jalan raya di Sarawak, saya tidak melihat begitu banyak peruntukan telah disediakan dan saya ingin meminta kementerian untuk memperbaiki keadaan ini. Sekali lagi, saya merayu kepada Kementerian Pengangkutan untuk membuka langit Lapangan Terbang Sibu dan Miri kepada penerbangan asing kerana seperti yang telah saya nyatakan dulu, semasa Rang Undang-undang Bekalan Tambahan ke-3 1999, di Dewan yang mulia ini untuk menggalak pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menekan pembangunan pelancongan dan saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi bahagian yang sama rata untuk menggalak pelancongan bagi negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih saya kepada menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen dan kakitangan beliau kerana telah menyediakan RM20.9 juta bagi skim elektrik luar bandar dengan RM15.84 bekalan air luar bandar Sarawak bagi tahun 2000.

Saya ingin tahu dari jumlah peruntukan sebanyak RM60.8 juta untuk jalan luar bandar dan RM104.1 juta untuk jalan kampung, berapakah diperuntukkan bagi negeri Sarawak? Sama ada kerajaan dapat menimbang untuk mengkaji semula sistem payung

agar kontraktor-kontraktor utama serta subkontraktor-subkontraktor tidak terlalu banyak membuat keuntungan daripada kepentingan rakyat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi menerima aduan daripada orang ramai, terutama sekali mereka dari kawasan luar bandar malahan mereka yang berada di sekitar kawasan bandar yang menghadapi masalah untuk memperolehi perkhidmatan telefon. Di rumah-rumah panjang, satu telefon awam untuk seramai 30 hingga 80 orang keluarga di sebuah rumah panjang kadangkala amat sukar untuk diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati Kerajaan Barisan Nasional memberi perhatian di dalam pembangunan industri pertanian. Kejayaan dalam penanaman getah, kelapa sawit dan padi telah menjadikan Malaysia negara pengeluar utama pertanian. Kedua-dua getah dan kelapa sawit telah menyumbang kebanyakannya kepada pendapatan tukaran asing.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak di bawah politik pembangunan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah memulakan wawasan penanaman secara besar-besaran kelapa sawit dan padi. Skim Pembangunan Tanah NCR bukan sahaja inovatif tetapi praktikal untuk menaikkan nilai penggunaan tanah NCR dan memperbaiki pendapatan peribumi di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sementara kita membangun industri pertanian, kita mesti memastikan adanya pembangunan yang seimbang dengan industri perikanan. Sarawak mempunyai tebing laut yang terpanjang sekali serta kaya dengan sumber ikan di kedua-dua laut dalam dan cetek. Saya telah difahamkan bahawa kebanyakan lesen laut dalam telah dikeluarkan di Sarawak dan pemegang lesen tersebut telah menyewakan kepada pemilik kapal ikan asing, kebanyakan dari Thailand tanpa kawalan ketat seperti berikut:

- (a) Lesen satu yang sama telah digunakan oleh sebanyak lima buah kapal ikan asing yang mengelilingi dan menangkap ikan sepanjang hari.
- (b) Semua tangkapan ikan oleh kapal ikan asing ini dibawa keluar dari Sarawak tanpa melapor sepenuhnya kepada pihak berkuasa iaitu dari segi cukai pendapatan.
- (c) Nelayan tempatan sangat marah dan pertengkaran mungkin berlaku jika kerajaan tidak menghentikan kegiatan haram ini dan

mereka mengatakan sumber perikanan laut dalam Sarawak akan berkurangan di dalam tempoh dua tahun disebabkan oleh kegiatan penangkapan ikan secara besar-besaran ini oleh kapal ikan dari Thailand.

Saya berharap kerajaan akan mengadakan penyiasatan serius daripada bertanya bukti sebelum mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati dengan peruntukan pembangunan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah dinaikkan daripada RM762.3 juta dalam tahun 1999 kepada RM1,273.8 juta bagi tahun 2000, kenaikan sebanyak 67%. Walau bagaimanapun, peruntukan operasi sebanyak RM239.4 juta tidak mencukupi, terutama sekali untuk menguat kuasa Peraturan-peraturan Kawalan Persekitaran. Di Sibu masih terdapat banyak kilang yang mencemar udara dan penduduk yang tinggal berdekatan dengan kilang-kilang kini menghidap sakit mata dan paru-paru. Di semua sungai Sarawak, airnya kuning dan berlumpur hasil daripada hakisan jalan pembalakan. Kesemua pencemaran ini perlu diberhentikan dengan mengambil pertimbangan pembangunan. Dalam erti kata lain, kementerian harus menasihatkan operator-operator cara untuk meminimumkan pencemaran udara dan air tanpa menjelas urus niaga mereka yang menyediakan pekerjaan untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata ini adalah Belanjawan yang terbaik untuk rakyat, terutama sekali kepada mereka yang berpendapatan rendah. Ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional mengambil berat terhadap rakyat dan tidak untuk individu atau kepentingan negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 2000.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Gaya.

2.49 ptg.

Datuk Philip Yong Chew Lip [Gaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk mengikut perbahasan Belanjawan 2000 dalam sidang Parlimen pada kali ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama telah membentangkan Belanjawan 2000 yang dapat memajukan Malaysia ke alaf baru berlandaskan keyakinan yang lebih.

Kita harus memuji langkah Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan Belanjawan yang mengutamakan rakyat dan sektor perniagaan. Dengan memberikan potongan cukai dan inisiatif kepada pelbagai pihak sambil mengekalkan dasar pragmatik dan yang menjurus ke arah pertubuhan seperti yang terdapat dalam semua Belanjawan yang lepas.

Belanjawan 2000 memberi banyak faedah kepada rakyat jelata. Beliau telah mengumumkan potongan 1% bagi cukai pendapatan persendirian kepada kakitangan awam, selain daripada itu kakitangan awam juga dihadiahkan kenaikan 10% gaji pokok dan mendapat bonus sebulan atau sekurang-kurang RM1,000 bagi menghargai sumbangan dan sokongan padu mereka kepada kerajaan.

Penghapusan duti import ke atas 43 kategori produk makanan dan mengurangkan ke atas 130 kategori yang lain akan dapat membantu menstabilkan harga bahan makanan. Langkah ini akan memberi faedah kepada segenap lapisan masyarakat. Di samping itu mulai bulan Julai 2000 kerajaan akan menghapuskan pembayaran cukai setem. Bagi rumah yang berharga di bawah RM75,000 akan dikurangkan sebanyak 50%. Langkah kerajaan ini akan dilaksanakan selama dua tahun, ia merupakan satu hadiah istimewa yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat.

Belanjawan bagi tahun 2000 yang memberi manfaat kepada semua pihak dan mencerahkan lagi prospek ekonomi negara menunjukkan usaha gigih kerajaan memulihkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sidang Parlimen pada kali ini adalah yang terakhir pada sesi ini. Sepanjang lima tahun, kami sebagai wakil rakyat Sabah telah mengajukan banyak masalah yang dihadapi oleh rakyat jelata dari Sabah di setiap sidang Parlimen yang sudah diadakan. Kami patut berasa syukur dan bangga kerana masalah yang dikemukakan telah diambil perhatian dengan tindakan segera oleh kerajaan yang akan memberi manfaat kepada kerajaan secara keseluruhannya.

Walaupun demikian, terdapat juga masalah yang belum dapat diselesaikan dari akar umbinya, misalnya masalah pendatang tanpa izin yang membelenggu Sabah sejak berpuluh-puluh tahun dahulu masih belum dapat diselesaikan. Masalah pendatang tanpa izin merupakan masalah yang paling rumit, oleh itu kerajaan sentiasa bertungkus lumus mencari penawarnya. Masalah pendatang tanpa izin (PTI) merupakan isu yang hangat

diperdebatkan sejak berpuluh tahun dahulu lagi. Masalah PTI membawa kesan negatif kepada pembangunan negara, baik dari segi politik, ekonomi dan ketenteraman masyarakat. Oleh itu rakyat jelata melalui wakil rakyat selalu mendesak dan berharap kerajaan dapat mengatasi pendatang tanpa izin supaya rakyat dapat membebaskan diri daripada belunggu dan kesan negatif yang ditimbulkan oleh golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, golongan pendatang ini juga terkenal dengan sikap berani mengambil risiko, mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk meneruskan hidup. Mereka sanggup mencuri malahan ada yang sanggup membunuh walaupun hanya untuk merompak seorang pemandu teksi. Baru-baru ini di Sabah gempar apabila seorang doktor pakar dibunuh bersama jururawat, ekoran daripada itu tiga orang warga asing telah didakwa di mahkamah. Pertikaian dengan pihak berkuasa juga adalah satu tabiat golongan pendatang tanpa izin ini. Banyak kes berlaku di negeri Sabah di mana pihak berkuasa dcederakan malahan ada yang dibunuh oleh pendatang tanpa izin ini hanya semata-mata kerana pegawai penguat kuasa itu menegakkan undang-undang negara.

Tuan Yang di-Pertua, budaya penyalahgunaan najis dadah dan ubat terlarang adalah satu perkara di negeri Sabah. Hasil kajian kita mendapati budaya ini bermula di kalangan golongan pendatang tanpa izin dan akhirnya merebak dan menular kepada rakyat Sabah terutamanya golongan belia.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa 20 tahun dahulu rakyat Sabah tahu gam dan ubat batuk adalah untuk pelekat dan pengubat penyakit batuk. Tetapi hari ini hampir semua belia mengetahui bahawa kedua-dua bahan ini boleh mengkhayalkan, memandangkan di mana anak-anak pendatang tanpa izin yang berumur 10 tahun ke bawah berjalan khayal sambil menghidu gam adalah sesuatu yang biasa kita lihat di beberapa buah bandar besar dan kawasan setinggan di negeri Sabah. Sejak kebelakangan ini pihak berkuasa telah mendapati sejenis dadah baru yang dikenali sebagai 'syabu' telah didapati diedarkan dengan meluas di negeri Sabah. Kita semua tahu dari mana dadah ini berasal dan kita sekali lagi tidak boleh lari daripada hakikat bahawa pendatang tanpa izin turut memainkan peranan.

Kesimpulannya di sini adalah jelas bahawa golongan pendatang tanpa izin ini telah mengubah kehidupan sosial rakyat Sabah yang aman damai pada suatu masa dahulu kepada satu keadaan tidak tenteram, cemas dan takut. Para pemandu teksi sentiasa

merasa terancam, peniaga-peniaga kecil bumiputera kehilangan pendapatan, rakyat kehilangan harta benda, ibu bapa pula risau mengenai pengaruh negatif ke atas anak remaja mereka dan kerajaan pula terpaksa mengeluarkan peruntukan berjuta-juta ringgit untuk menampung kos perubatan dan pendidikan yang dinikmati oleh pendatang tanpa izin ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa masalah pendatang tanpa izin ini adalah satu masalah yang rumit, memandangkan perkara ini telah berlanjutan begitu lama, saya menyarankan supaya pihak kerajaan negeri dan Persekutuan mempertingkatkan lagi usaha dan kerjasama mereka untuk menyelesaikan perkara ini secara muktamad. Saya juga menekankan di sini betapa perlunya pegawai-pegawai yang diberi amanah untuk mengendalikan perkara ini supaya bertindak tegas dan amanah dan dengan tanggungjawab yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Kabinet Persekutuan kerana meluluskan permohonan Kota Kinabalu untuk dinaikkan taraf kepada sebuah bandar raya. Beberapa bulan ini saya telah melawat kawasan Tanjong Aru yang terletak dalam daerah Kota Kinabalu. Saya menerima banyak aduan daripada penduduk mengenai masalah banjir terutama di kawasan persekolahan, masalah alam sekitar dan kebersihan. Kawasan tersebut juga perlu diambil perhatian. Sampah sarap yang dibawa oleh air pasang surut di beberapa kawasan perkampungan atas air adalah amat memalukan dan boleh menjejaskan kesihatan penduduk di kawasan tersebut. Selain daripada Tanjong Aru, kawasan Luyang juga mengalami sistem pengairan dan lalu lintas.

Sehubungan dengan itu, saya berharap Kerajaan Persekutuan akan menambahkan peruntukan supaya kerajaan negeri dapat meningkatkan pembangunan di kawasan tersebut sejajar dengan pengiktirafan Kota Kinabalu sebagai sebuah bandar raya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2000 ini telah meluluskan RM14 bilion untuk pendidikan bersempena dengan kemunculan abad ke-21 yang mencabar dari segi persaingan manusia yang berbakat. Kerajaan Malaysia giat melaksanakan sekolah bestari dengan tujuan meningkatkan kualiti pendidikan negara supaya rakyat Malaysia dapat menikmati kemewahan dan kemajuan zaman bersama-sama dengan negara-negara yang maju. Adalah amat mendukacitakan bahawa masalah kekurangan guru terlatih (PSR) dan

PCDSJK (Cina) di Sabah yang telah wujud sejak 20 tahun yang lalu masih belum dapat diatasi, malahan masalah ini menjadi semakin serius.. Ini tidak selaras dengan hasrat kerajaan untuk melaksanakan sekolah bestari dan meningkatkan prestasi pendidikan negara ini. Pada awal tahun 1999 bilangan kekurangan guru terlatih di SJK (Cina) adalah seramai 450 orang. Sabah mempunyai nisbah kekurangan guru terlatih yang tertinggi di Malaysia berbanding dengan negeri-negeri lain. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah melantik guru sandaran tidak terlatih menjalankan tugas pendidikan yang dianggap profesional. Guru sandaran yang tidak terlatih yang kurang berpengalaman sering bertukar tempat mengajar. Keadaan sedemikian menjejaskan prestasi murid dari segi akademik dan menimbulkan pelbagai masalah dalam pentadbiran sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan melaksanakan program sekolah bestari dengan tujuan meningkatkan kualiti pendidikan negara, akan tetapi sejak lima tahun ini sekolah-sekolah SJK (Cina) di Sabah mengalami masalah kekurangan guru yang semakin kritikal. Keadaan yang tidak sihat ini akan menimbulkan pelbagai masalah dan kesukaran dalam melaksanakan program sekolah bestari. Pada awal tahun ini Sabah masih menghadapi kekurangan guru terlatih seramai 450 orang. Sebagai alternatif guru sandaran tidak terlatih di SJK (Cina) adalah telah dilantik seramai 247 orang. Kita masih mengalami 203 jawatan guru biasa yang sepatutnya ditugaskan di SJK (Cina) ini, bererti kebanyakan SJK (Cina) sekurang-kurangnya mengalami kekurangan seramai 2 orang guru. Keadaan ini menyebabkan beban guru yang sedia ada di sekolah hari ini adalah terlalu berat dan semakin sukar. Kita sering mendengar guru di SJK (Cina) merungut mengenai beban kerja yang tidak setimpal dengan pendapatan. Tambahan pula, pengiraan kelebihan guru di Sabah adalah tidak adil.

Saya telah mengajukan masalah ini pada sidang Parlimen yang lepas, malangnya pihak kementerian mencampuradukkan pengiraan guru sekolah SJK (Cina) bersama dengan sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan. Sepatutnya pengiraan guru di antara SJK (Cina) dan SRK seharusnya diasingkan oleh kerana pengiraan kuota guru SJK (Cina) dengan SRK digabungkan, maka pelantikan guru sandaran tidak terlatih di SJK (Cina) telah dibekukan atas alasan guru seramai 247 orang. Guru sandaran diberhentikan perkhidmatan selepas kontrak perkhidmatan mereka tamat. Ini menyebabkan beban guru di SJK (Cina) semakin berat dan merendahkan semangat

pemuda-pemudi untuk menjadi guru di SJK (Cina) jika keadaan sedemikian dibiarkan berterusan, maka masalah kekurangan guru tidak akan dapat diatasi.

Analisis keadaan SJK (Cina) dalam tempoh 1995 hingga 1999 menunjukkan Sabah mempunyai sebanyak 86 buah SJK (Cina). Di antaranya, 19 buah adalah gred A, 38 buah gred B dan 29 adalah sekolah yang mempunyai bilangan murid yang sedikit. Bilangan sekolah dalam tempoh lima tahun ini tidak berubah tetapi bilangan murid telah bertambah sebanyak 2,253 orang. Purata pertambahan adalah seramai 563 orang setiap tahun. Ini adalah satu petanda yang baik, akan tetapi masalah kekurangan guru menyebabkan satu perkara yang amat menyedihkan, malahan Sabah merupakan negeri yang mengalami masalah kekurangan guru yang paling kritikal. Analisis masalah kekurangan guru di SJK (Cina) pada lima tahun yang akan datang, 2004 yang diperolehi dalam tempoh 1995 hingga 1999 menunjukkan pertambahan 563 orang murid setiap tahun, bererti SJK (Cina) kekurangan seramai 24 orang setiap tahun. Masalah kekurangan guru dijangkakan akan seramai 609 orang pada tahun 2000 dan meningkat ke-918 orang pada tahun 2004. Jika masalah ini dibiarkan berterusan, keadaan ini akan menyebabkan lebihan murid sehingga teras dan proses pembelajaran tidak dapat dilaksanakan. Jika keadaan ini tidak dapat diatasi, maka ini bermakna sebanyak 38 buah sekolah SJK (Cina) akan terpaksa ditutup. Menurut angka yang diperolehi, bilangan murid bumiputera yang belajar di SJK (Cina) adalah melebihi 10,000 orang. Ini merupakan satu petanda yang baik tentang wujudnya proses integrasi dan perpaduan melalui pendidikan. Oleh itu Kementerian Pendidikan hendaklah melihat isu secara serius dan berusaha untuk mengatasi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena.

3.07 ptg.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan di sini bangun untuk mengucapkan setinggi tahniah di atas ucapan Belanjawan 2000 yang begitu lengkap untuk kebaikan rakyat di negara ini.

Walau bagaimanapun, pihak pembangkang tetap mencari pelbagai segi untuk mencari kelemahan kerajaan. Pada pembangkang kita sudah faham, sudah menjadi kelaziman, tidak ada yang baik dibuat oleh kerajaan. Belanjawan untuk rakyat, mereka kata belanjawan untuk pilihan raya. Mereka kata 'Belanjawan Barisan Alternatif' telah mencadangkan perkara-perkara yang dicadangkan oleh kerajaan. Ini dikatakan oleh Ketua Pembangkang. Jadi, saya hendak minta supaya Kementerian Kewangan siasat, mesti ada hantu-hantu di dalam Kementerian Kewangan yang masih taat kepada bekas Menteri Kewangan yang lepas supaya kita tidak mahu ada duri dalam daging sebab mereka ini memberitahu pembangkang. Semasa di dalam pembentukan belanjawan ini mereka telah memberitahu kepada pihak pembangkang sebab itulah perkara-perkara seperti menghapuskan bayaran tahunan untuk TV dan radio telah dimasukkan ke dalam 'Belanjawan Barisan Alternatif'.

Saya percaya mesti ada pegawai-pegawai yang mendapat faedah daripada bekas Menteri Kewangan, yang terhutang budi, yang menjadi *spy* melapor kepada pembangkang mengenai perkara ini. Saya minta disiasat dan pecat. Cara Ketua Pembangkang berucap mesti ada laporan daripada pihak dalam. Ketua Pembangkang sudah tidak ada modal, apa yang kita cadang, mereka kata mereka punya. Seperti yang saya katakan tadi beberapa perkara yang telah dimasukkan ke dalam 'Belanjawan Barisan Alternatif'. Gaji kakitangan awam naik 10%, mereka kata kita pancing undi. Kita tidak pernah terlintas, saya percaya kerajaan tidak pernah terlintas untuk memancing undi, cuma hendak membalas budi baik pegawai-pegawai kerajaan sebab kita percaya hanya segelintir sahaja yang menjadi duri dalam daging, banyak lagi yang taat kepada kerajaan yang menjalankan tugas-tugas dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang baru-baru ini telah mengatakan bahawa bila kita menghapuskan lesen TV keadaan kelam-kabut dan riuh akan berlaku kerana ini akan menyusahkan rakyat untuk menuntut kembali wang ini. Jadi, saya mencadangkan supaya wang ini tidak perlu diminta rakyat menuntut. Pihak kementerian yang berkenaan tengok siapa yang membayar, yang perlu dipulangkan balik, pulangkan dengan secara pos. Tidak gaduhlah rakyat dok pergi berulang alik seperti yang dikatakan oleh pihak pembangkang tadi, kita hendak kesenangan rakyat, oleh itu kita beri kesenangan ini. Kita boleh semak, siap yang terbayar, kita bayar balik, tidak gaduhlah

hendak menuntut, hendak pergi pejabat pos, hendak pergi Kementerian Penerangan, ini tidak payah.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari Khamis yang lepas 28 Oktober, masyarakat di negara kita gempar oleh sebab bekas Governor Bank Negara telah membuat akuan berkanun, mendedah bahawa bekas Menteri Kewangan... [Disampuk] Bekas Governor? Bekas Timbalan Governor, minta maaf, mendedah bahawa bekas Menteri Kewangan Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengawal sebanyak 20 akaun induk yang diuruskan oleh kroni-kroninya, membabitkan aset saham dan wang bernilai RM3 bilion. Perkara ini telah gempar, terkejut habis! Berita ini amat menyedihkan, selama ini saya memikirkan bahawa penyokong-penyokong Dato' Seri Anwar tidak percaya bahawa manusia 'Anwar' ini seorang peliwat, pembohong, pelakun, penzina, perasuah, mereka tidak percaya, sebab itu mereka membela habis-habisan.

Sekarang kita tahu, orang-orang KeADILan tahu, yang tidak tahu DAP dengan PAS sahaja. Sekarang kita tahu kenapa Chandra Muzaffar menyokong Anwar, sekarang kita tahu mengapa Marina Yusof menyokong Anwar, sekarang kita tahu kenapa ABIM menyokong kuat Anwar, kenapa Amerika Syarikat dan Yahudi menyokong Anwar, kenapa CNN sentiasa memburuk-burukan Perdana Menteri kita, kenapa Madam Albright datang untuk menyokong Anwar, sekarang kita tahu kenapa Al-Gore datang begitu jauh berucap di jamuan kita dan mengutuk kita, sekarang baru kita tahu. Soalan kepada kita sekarang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yan, bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya perhabis ayat ini sahaja.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Okay.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Soalan kepada kita sekarang, siapakah Douglas H. Pal, adakah beliau mengetuai *Asia Pacific Policy Centre* (APPC), adakah beliau juga anggota CIA yang berselindung di belakang APPC atau APPC kepunyaan CIA. Ini soalan kepada kita. Sekarang kita tahu Douglas H.Pal, CIA, Coahen, Albright, Al-Gore di belakang Anwar. Dalam geometrical theorem saya belajar dahulu, *A is equal to B*, dengan izin, *B is equal to C*, therefore *A is equal to C*. Jika Amerika Yahudi dan CIA di belakang Anwar, maka mereka ini juga di belakang KeADILan. Jika

KeADILan campur DAP campur PAS campur Parti Rakyat, maka ini semua menjadi Parti Alternatif, maka sudah tentu mereka ini di belakang CIA. Ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sebut beberapa nama yang menyokong Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim. Mungkin Yang Berhormat terlupa seorang, bukan setakat menyokong tetapi membela iaitu Yang Berhormat dari Jelutong. Kenapa Yang Berhormat terlupa hendak sebut nama Jelutong kerana beliau bukan setakat menyokong, malah membela habis-habisan hinggalah mahkamah dilambat-lambatkan, macam-macam fitnah diadakan di mahkamah dan sebagainya dan adakah Yang Berhormat juga berpandangan bahawa 'Barisan Alternatif' juga mendapat sogokan daripada duit-duit tersebut kerana jarang depa ini boleh duduk sekelambu kalau tidak dipakat dengan duit. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya?

Ini Yang Berhormat bagi Teluk Intan dok tengok apa? Teluk Intan pun satu, Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin dia keluar bahasa Tamil kepada saya, dia kata "*Ula karetal mega mutal*", apa itu? You main-mainkah, ha? Itu Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, teruskan minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, ya. Minta dia tarik balik, Tuan Yang di-Pertua, pasal dia kata itu bahasa yang cukup ini. Saya bukan kata kepada dia '*Sina Paya*', kalau saya kata kepada dia '*Sina Paya*', patutlah, itu budak kecil. Ini saya kata kepada dia 'Tambi', dia kata bahasa itu kepada saya. Memang dia biadab, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya harap Yang Berhormat bagi Teluk Intan, apa tunjuk itu macam? [*Yang Berhormat bagi Teluk Intan menunjukkan tanda 'thumb-up'*] Ini mahukah? [*Yang Berhormat bagi Yan menunjukkan tanda penumbuk*][Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak, penjelasan. Yang Berhormat setuju atau tidak 'budak' ini kena pergi belajar lagi baru masuk Dewan Rakyat kerana dok perangai samseng. Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan saya? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, depa ini berkelahikah atau minta penjelasan daripada saya! [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama berhubung dengan Yang Berhormat bagi Jelutong itu, dia ada perenggan yang berasingan. Jadi, saya mengatakan bahawa CIA di belakang Anwar, di belakang parti KeADILan, apabila PAS campur KeADILan campur DAP campur Parti Rakyat menjadi 'Barisan Alternatif', maka 'Barisan Alternatif' juga di belakangnya ada CIA. Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan oleh sebab pendedahan Dato' Murad ini satu pendedahan yang ikhlas untuk menolong negara kita daripada dijajah oleh negara-negara tertentu, maka saya percaya nyawa Dato' Murad ini amat merbahaya. Saya mencadangkan supaya Kementerian Dalam Negeri ini memberi perlindungan yang rapi kepada Dato' Murad. Bekukan semua akaun yang berkenaan. Siasat hingga ke akar umbi siapa yang ada kaitan dengan perkara ini kita ambil tindakan sebab saya percaya jika CIA di belakang Dato' Seri Anwar Ibrahim ini, maka saya percaya banyak perkara mungkin boleh berlaku. Mereka boleh menggunakan kekerasan dan Dato' Murad amat berada di dalam keadaan bahaya. Jadi, saya minta supaya Keselamatan Dalam Negeri memberi perlindungan khas kepada Dato' Murad dan juga kepada orang-orang tertentu yang telah memberi pengakuan untuk kepentingan negara sebab mereka ini amat merbahaya sebab kita tahu Amerika ada '*mission impossible*', sungguhpun dalam wayang tetapi mereka memang wujud '*mission impossible*'. Kalau dia buat sesuatu kepada Dato' Murad maka kes ini akan tergantung, sedangkan perkara ini dalam mahkamah pun ada orang yang menggantungkan sampai mengheret supaya perkara ini tidak habis sebelum pilihan raya. Itu menjawab kepada Yang Berhormat tadi tetapi ada perkara lain yang saya akan bangkitkan.

Saya minta kita ambil tindakan kepada semua sebab ini adalah perbuatan yang derhaka kepada negara, yang terkutuk, talibarut CIA, menipu rakyat, belot kepada pemerintah, sepatutnya perbuatan seperti ini hukumannya gantung di kepala-kepala simpang. Kita tidak zalim lagi, sepatutnya. Kalau di negara-negara yang zalim itu, dia gantung di simpang tiga itu, lihat orang yang menderhaka kepada negara, tetapi kita ambil tindakan.

Jadi, saya cadangkan beberapa perkara, Kementerian Dalam Negeri beri perlindungan kepada Datuk Abdul Murad ini, Kementerian Kewangan selidik sehingga ke akar umbi supaya mereka yang bertanggungjawab itu kita ambil tindakan.

Saya ucapkan tahniah kepada Datuk Abdul Murad kerana keberanian mendedah perkara ini, saya percaya ini amat merbahaya. Oleh itu saya mintalah KDN, *don't take for granted*, dengan izin, sebab kita percaya mereka boleh membuat perkara yang kita tidak sangka.

Berhubung dengan MP Jelutong, saya menyokong penuh supaya Bar Council mengambil tindakan, tiada ada pendirian langsung, memalukan kaum Punjabi di negara ini. Sebab itu kita kata dia benggali, dia kata dia bukan benggali, dia Punjabi, memalukan kaum Punjabi di negara ini. Saya masih ingat beliau pernah memaki Timbalan Perdana Menteri ketika itu, 'ini celaka punya budak!' kerana Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu memberi ceramah di Perai, pilihan raya kecil, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, masa pilihan raya kecil di Perai, bekas Timbalan Perdana Menteri berucap mengatakan kaum inilah yang membunuh Rajiv Ghandi dan beberapa Ghandi, banyak Ghandi dan kaum ini, dia marah, saya pun sokong ketika itu, sebab menghinakan kaum dia. Tetapi dia itu kita fahamlah, tetapi beliau telah memaki dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang bangun. Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya hendak minta penjelasan, to *clear the air*. Fasal bila kita kata 'benggali', Ahli Yang Berhormat Jelutong kata dia Punjabi. Tetapi yang kita tahu orang Punjabi ini pakai serban, dia pakai turban, jadi Ahli Yang Berhormat ini tidak pakai turban, jadi dia ini Punjabi macam mana, Punjabi betul atau Punjabi tidak betul? Macam mana?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Yang Berhormat bagi Yan, pakai serban itu ia agama Sikh, kalau saya tidak salah. *Am I right? [Kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jelutong][Ketawa]*

Sikh pakai serban, dia agama Sikh, kaum Punjabi, ia ada Punjabi Islam, baru-baru ini Speaker Punjab datang, saya menyambut, dia telah menerangkan kepada saya di

Punjab ada banyak Islam, lebih banyak Islam yang ada pada negara ini di Punjab, ada Punjab macam Shah Rukh Khan, Salman Khan, ada Singh, Gurubachan Singh, Karpal Singh, ini Sikh – agama Sikh. Ejanya s-i-k-h, tetapi bukan ‘sick’ tau. [Ketawa] Agama Sikh, depa ini agama Sikh, itu kalau saya tidak salah, kalau ini barangkali Ahli Yang Berhormat bagi Jelutong boleh memberi keterangan yang lebih lanjut.

Tetapi yang saya hendak bangkitkan di sini, dahulu dia biasa maki, ‘celaka punya budak’, selepas itu pada 18 Disember 1997 beliau membaca surat Ummi Hafilda yang pada ketika itu dia percaya surat itu betul, sekarang dia tidak percaya, dahulu dia percaya.

Dia mengutuk kita, kerajaan – tidak mengambil tindakan kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, dia mengutuk kita, saya bangun pada ketika itu saya percaya bahawa dia itu baik, saya bangun bertengkar dengan dia daripada dalam Dewan sampai ke luar Dewan.

Dia kata, kita tidak ambil tindakan kepada Timbalan Perdana Menteri ketika itu, perangai yang busuk, dia kata, bukan saya kata, kita patut ambil tindakan, sekarang ini, tetapi sekarang apa sudah berlaku? Orang yang dimaki itu hero, kononnya dia sebagai wakil rakyat memperjuangkan anak Pulau Pinang, sebab itu dia berjuang, tak ambil duit, *free of charge*, saya tak percaya. Mampus tak percaya tambah ada dengan duit RM3 bilion ini mampus tak percaya, kurang-kurang RM3 bilion, kalau tak, takkanlah lawyer hendak makan apa, tutuplah syarikat dia itu kalau semua free, Sukma pun free, Anwar Ibrahim pun free, yang lain kena bayar duit, mana boleh?

Saya percaya duit yang RM3 bilion itu ada habuan untuknya tetapi *may be under counter*.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Mungkin dia beri *service* lain, kita tak tahu.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ini minta penjelasan atau apa ini? [Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan. Mungkin Yang Berhormat bersetuju, *free*, kadang-kadang kita beri *free*, tetapi kita beri *in terms of return*, ia ada beri belas kasihan, dia beri habuan yang lain. Adakah Ahli Yang Berhormat percaya dia dapat *free*, saya tak berapa percaya, fasal Jelutong ini kedekut. Jadi, mungkin dia tidak ambil duit, dia dapat benda yang lain, macam mana Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tetapi tak apalah yang itu. Tetapi yang kita sedih beliau menggunakan Dewan ini, beliau menggunakan mahkamah dan tempat ini, beliau sebagai lawyer, dia lawyer betul, *good lawyer*, dahulu saya di Alor Setar, *good lawyer*, kita loyar buruk. Saya loyar buruk Yang Berhormat Jelutong, *but you don't think lawyer is clever, I am a teacher, teacher must be good, I used to tell you*, dengan izin. Guru kena 100% pandai, kalau tidak anak murid susah, doktor kena 100% pandai kalau tidak pesakit susah, tetapi lawyer ini 50% sahaja cukup. Sebab dua lawyer masuk mahkamah, satu sahaja yang menang, satu kalah. Dia pun kadang-kadang dia menang, kadang-kadang dia kalah, kadang-kadang dia pandai, kadang-kadang dia bodoh, tarik balik 'bodoh' itu. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Di manakah mahkamah yang ada satu lawyer lawan satu lawyer, dua-dua menang?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, yang itu yang saya kata, bila di dalam mahkamah, ia ada satu lawyer, kes sivil ada dua lawyer, satu ambil Dato' Zihin, satu ambil Dato' Bad. Kadang-kadang lawyer Dato' Bad menang, lawyer Dato' Zihin kalah, itulah maksud saya. Satu lawyer menang, jadi sebab itu yang kalah itu 50% sahaja, sebab itu saya kata lawyer tidak mesti 100% pandai.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya harap supaya *Bar Council* ini ataupun kita mesti tentukan Kementerian Kehakiman atau Jabatan Perdana Menteri ini mewujudkan satu akta supaya bila seseorang lawyer itu kalau dia hendak berkecimpung dalam politik, biar dia berpolitik sahaja, kalau tidak jadi macam contoh Jelutong, bila dalam mahkamah, dia main politik. Dalam Dewan ini kadang-kadang dia panggil Speaker pun 'Yang Arif', dalam Dewan dia guna sebagai mahkamah, dan di mahkamah dia gunakan sebagai Dewan Rakyat, memainkan politik. Wujudkan

Tuan Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Beri, saya gentleman.

Tuan Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, kerap kali saya sudah memberi penjelasan, bagaimana saya menjadi *lawyer* kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim, tak payah ulangi. Walaupun saya terima apa yang saya buat di sini pada 22 Oktober dan selepas itu

18 Disember 1997, tetapi apa yang penting adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat siasatan sebagai Menteri Dalam Negeri masa itu dan ada membuat satu kenyataan umum, dia tidak bersalah.

Sebelum saya bertindak dalam kes ini, saya sudah berbincang dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim, mendapat tahu dari dia, adakah dia mengikuti nasihat saya dalam Dewan yang mulia ini, untuk mengambil tindakan atas Ummi Hafilda dan Azizan, selepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah membuat satu keputusan bahawa ia tidak bersalah dan ia ada menyatakan bahawa dia ada berbincang perkara ini dengan Peguam Negara dan kedua-dua bersetuju untuk mengambil tindakan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bersetuju dan oleh itu, tindakan tidak diambil.

Tidak ada apa-apa yang saya buat melanggar peraturan-peraturan atau etika seorang peguam. Saya sudah membuat satu kenyataan umum jika ada mana-mana pihak yang ada sebab-sebab untuk saya dipecat daripada senarai peguam-peguam dalam negara ini boleh mengambil tindakan, termasuk Pokok Sena, termasuk Yan. Saya tidak takut, tetapi menerima dengan ikhlas penjelasan saya yang telah saya beri dalam Dewan yang mulia ini, dan di luar Dewan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat.*

Seorang Ahli: Yang Berhormat, dia beri ucapan ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay, tak apa, dia minta penjelasan. Okay. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Jelutong. Jadi, bukan senang seorang yang pintar, yang lincah, 16 tahun menjadi ahli UMNO, seorang yang pintar, boleh melindungi perkara ini, sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini halusi, kalau setakat orang pergi melapor, dia tidak percaya, sampai dia sendiri menyiasat, tidakkah Ahli Yang Berhormat bagi Jelutong memikirkan bahawa perkara ini tidak ada konspirasi, kenapa Ahli Yang Berhormat bangkitkan perkara ini konspirasi Perdana Menteri?

Ini menunjukkan tidak ada konspirasi. Perdana Menteri itu adil, siasat sampai habis, siasat daripada akar umbi sampai last sekali, dia sendiri menyiasat baru dia percaya bahawa Timbalan Perdana Menteri tidak layak menjadi Perdana Menteri sebagai penggantinya. Yang Berhormat patut faham, takkan Ahli Yang Berhormat tak ... dalam

16 tahun kalau seorang yang pintar bohong, pelakon yang terbaik, saya sendiri pun tak percaya, sebab dia seorang pelakon yang handal, kalau hendak beri oskar ini saya ingat 16 oskar boleh diberi kepada dia, memang handal.

Perkara ini saya bangkitkan supaya pihak Yang Berhormat yang defend dia sekarang patut faham bahawa tidak ada konspirasi, perkara yang berlaku adalah yang benar, kita pun sayang kepada dia, takkan Ahli Yang Berhormat tak tahu, dahulu Yang Berhormat tak sayang, kami sayang. Sekarang Yang Berhormat sayang, kami tak sayang – itu sahaja. *[Ketawa]*

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Jelutong bangun.

Tuan Karpal Singh: *Point of order.* Oleh kerana konspirasi adalah sebagai satu pembelaan dalam kes yang sedang berjalan sekarang,. Tuan Yang di-Pertua, itu jadi subjudice, tidak boleh dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya tinggalkan ini untuk ahli-ahli Yang Berhormat yang lain memikirkan dan Yang Berhormat bagi Jelutong memikirkan balik malam ini, fikir betul-betul, esok *withdraw*lah daripada *defending that person*.

Sekarang saya hendak bawa ke Marang. Ahli Yang Berhormat bagi Marang berucap di Dewan yang mulia ini, mengatakan bahawa kerajaan salah guna Parlimen untuk kepentingan politik, kononnya kerajaan membentang Belanjawan untuk kepentingan pilihan raya. Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat PAS, tiada seorang pun di sini, tadi ada juga seorang, adakah kerajaan di dunia ini yang membuat sesuatu yang buruk supaya dia kalah pilihan raya?

Dekat pilihan raya dia buat teruk-teruk supaya dia kalah dalam pilihan raya, adakah kerajaan yang macam ini? PAS pun tak buat macam ini! PAS yang dok berlaku itu dia tersilap, dia kata orang perempuan tak boleh kerja, dia tersilap dekat pilihan raya dia tak patut kata macam itu. Sepatutnya setiap kerajaan, sebab kita berkuasa, dahulu ada seorang berkata, dia kata: “*When you are powerful, don’t be a bloody fool*”. *[Ketawa]* *Don’t be a bloody fool.* Dekat pilihan raya buat macam-macam masalah bagi kalah pilihan raya - *bloody fool*. Tetapi kita berkuasa, jangan kita jadi mangsa.

Yang ini yang kita minta supaya kita buat dekat dengan pilihan raya, kita buat belanjawan mesti sesuai, kami ahli-ahli Parlimen minta supaya sesuai, naikkan gaji, wakil

rakyat daklah, wakil rakyat naik gaji berhenti jadi wakil rakyat, Perdana Menteri kita kalau minta naik gaji dia suruh berhenti. Naikkan gaji pegawai-pegawai kerajaan, naikkan gaji guru-guru. Naikkan gaji semua kecuali wakil rakyat. Kita minta, supaya perkara ini akan menguntungkan rakyat, lima tahun sekali – untunglah! Setiap kerajaan macam itu, mana ada kerajaan bila dekat pilihan raya dia buat beri teruk-teruk? Dia perturun gaji, dia penaik tax, mana boleh, hasil TV RM24 dia penaik pi jadi RM60 – piilah! Orang Kedah kata ‘pii langsunglah!’ – Kalah!

Mana ada, saya hendak tanya PAS atau Jelutong, *is there any government when coming to election, you will make the worst budget in the world*, supaya dalam *election* dia kalah? Ada atau tidak kerajaan, sudah tentu tidak ada. Kita mesti buat ikut sesuai supaya kita menang pilihan raya, ini kerajaan yang baik. Bercanggah dengan perlembagaan parti PAS, yang ini PAS, PAS pun tak buat begitu. PAS buat janji macam-macam untuk pilihan raya, PAS lagi teruk, orang-orang tua dapat RM100 lepas pilihan raya, sampai ke la ini tak dapat.

Bercanggah dengan perlembagaan parti pun tak apa, asalkan boleh pancing undi, asalkan tak masukkan negara Islam dalam perlembagaan, dalam manifesto pun tak apa, fasal dekat dengan pilihan raya, ini kita tidak buat. Kita buat hanya untuk menguntungkan rakyat, ini parti PAS yang buat.

Ahli Yang Berhormat Jelutong tahu, ia parti Alternatif mesti berbincang, saya percaya Ahli Yang Berhormat Jelutong akan tepuk meja kalau parti PAS hendak mewujudkan negara Islam, ‘langkah mayat saya dahulu’, dia kata, bukan saya kata. Betul atau tidak Jelutong, ‘langkah mayat Ahli Yang Berhormat Jelutong sebelum negara ini jadi negara Islam’, Yang Berhormat biasa berkata?

Tuan Karpal Singh: Penjelasan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Betul atau tidak biasa kata? Okay.

Tuan Karpal Singh: Penjelasan. Apa yang saya telah nyatakan dalam tahun 1990 pilihan raya masa itu, adalah dalam konteks Perlembagaan, kebebasan beragama. Walaupun saya ada menggunakan langkah mati, *Islamic state on my dead body*, saya rasa saya ada menggunakan itu. Dan dalam tahun ini, di Pulau Pinang, saya ada minta maaf bukan daripada PAS, tetapi orang Islam dalam ne gara ini.

Selepas sudah minta maaf, apa yang saya faham dalam Islam, perkara itu tidak boleh dibangkitkan lagi sekali. Itu tidak baik untuk dibangkitkan lagi apa yang saya sudah mengakui sebagai satu kesalahan, sudah minta maaf daripada semua orang yang beragama Islam dalam negara ini, bukan PAS, saya tidak minta maaf daripada PAS – orang Islam, termasuk PAS kerana PAS pun orang Islam.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay, *you are very good*. Minta maaf kepada orang Islam, Yang Berhormat kata itu kepada PAS, betulkah? Ahli Yang Berhormat kata kepada PAS tetapi bukan kepada agama Islam, okay, itu yang saya bangkitkan. Yang Berhormat, sebab itu PAS bila dekat pilihan raya, PAS *withdraw*, PAS tarik benda ini, untuk kepentingan pilihan raya, bukan Barisan Nasional. Barisan Nasional tak buat macam itu, kita pakat kita buat yang elok untuk kepentingan rakyat.

Saya hendak tanya PAS lagi satu perkara ini, suruh PAS tunjuk satu contoh yang mereka boleh buat mewujudkan masyarakat berbilang kaum di negara ini supaya aman, apa yang PAS hendak buat? Apa PAS boleh buat? Saya percaya kalau PAS memerintah, kalau sebelum pilihan raya, mula-mula sekali PAS berebut kerusi. Tak begitu Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang?

Mula-mula sekali berebut kerusi. Lepas PAS menang, PAS berebut hendak jadi Perdana Menteri, lepas itu berebut hendak jadi menteri, berebut hendak jawatan, lepas itu memecat, membuang segala tok penghulu, tok imam yang sokong Barisan Nasional, masa itu kita semua dok kalam-kabut, enam bulan depa dok berebut, kita ini jadi apa?

Ini PAS yang akan berlaku. Mengharamkan perkara yang tidak menguntungkan PAS. Menghalalkan perkara yang menguntungkan. Mengharam yang tidak menguntungkan dan menghalal yang menguntungkan. Sebab itu ada bekas aktivis PAS yang keluar, dia kata orang PAS ini “*halalun kalau ada untung kepada PAS, haramun kalau yang tak beruntung*’ ini. Saya hendak minta kepada PAS, apa yang mereka boleh buat supaya keadaan kita macam negara kita sekarang ini aman dan makmur?

Sebab sekarang ini PAS menggunakan fitnah macam-macam di masjid. Depa tak sedar bahawa memfitnah di masjid, menggunakan masjid sebagai pentas politik ini adalah rancangan Yahudi supaya di masjid itu wujudkan satu pentas, kalau jadi pentas PAS, saya pun kalau masjid itu dia bubuh cat hijau keliling, lepas itu *dome* buat putih,

kita pun segan hendak pergi sembahyang dah, ini rancangan Yahudi supaya kita tak pergi sembahyang di situ, dia memecahkan masyarakat Islam.

Kita gunakan kalau kita pergi di situ, orang PAS pula kalau tok imam UMNO, orang PAS tak pergi, tok imam PAS orang UMNO tak pergi, ini memecahkan umat Islam. Ini adalah rancangan-rancangan Yahudi yang boleh mewujudkan satu pentas politik di tempat yang sepatutnya kita sembahyang meminta doa kepada Tuhan supaya kita hidup dengan selamat.

Saya minta kementerian di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal masjid ini supaya wujudkan petugas-petugas khas supaya menyiasat di semua masjid supaya perkara ini tidak wujud, kita tidak mahu masjid itu sokong UMNO, kita tidak mahu masjid itu sokong Barisan Nasional dan kita tidak mahu masjid itu menyokong PAS, kita mahu masjid adalah tempat beribadat untuk semua, tak kira apa parti pun. Ini yang kita hendak, wujudkan satu petugas khas, wujudkan beberapa jawatan untuk menjaga perkara ini supaya tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak balik kepada Kementerian Pendidikan. Baru-baru ini bangkit dalam kawasan saya, cikgu menggunakan hak yang ada pada dia untuk membuat soalan ada yang suruh lukis bendera PAS, ada yang di sekolah tadika letak gambar Perdana Menteri suruh budak-budak itu pijak setiap hari. Ini berlaku di kawasan Yang Berhormat Pendang, kawasan saya. Di tadika-tadika PAS ini iaitu tadika PASTI dipanggil, kanak-kanak daripada kecil sebelum masuk ke sekolah dilatih dengan diletak gambar Dr. Mahathir, bila masuk ludah sekali dan keluar diletaknya di atas lantai supaya dipijak setiap hari. Adakah ini tugas guru? Ini saya minta, perkara ini telah berlaku dan baru-baru ini guru Sekolah Menengah Jabi, di kawasan saya ditukar ke sekolah menengah di kawasan Kuala Kedah. Ini tidak sepatutnya, sebab bila dia tukar maka yang menyambutnya ramai. Saya minta kalau ada guru-guru yang seperti ini kita kena mengambil tindakan tegas, kena pecat. Ini merbahaya kalau ada guru-guru seperti ini negara kita akan rosak dilatihnya. Kita mana tahu kalau cikgu itu bila dia sudah tua dia masuk UMNO. Tetapi budak itu sudah tersemat di dalam kepala benci kepada kerajaan. Ini amat merbahaya kepada kita.

Saya minta supaya kerajaan mengambil tindakan kepada guru-guru ini, sebab guru-guru, pengetua, pensyarah, dekan, naib-naib canselor, ini kita kena siasat betul-

betul. Baru-baru ini saya pergi tengok sarkas, saya hairan tengok gajah boleh bermain bola. Gajah main bola saya hairan kenapa? Kerana gembalanya pandai, pelatihnya pandai melatih gajah itu bermain bola. Kalau kena pelatih atau gembala yang jahat, dia boleh latih gajah itu mengamuk. Begitu juga institusi pelajaran, kalau guru, pengetua, pensyarah, dekan, naib canselor kalau mereka berniat tidak baik maka rosak habis masyarakat kita. Kita mesti ingat bahawa sekolah-sekolah, institusi-institusi ini adalah kilang-kilang pengeluar masyarakat masa hadapan. Kalau kita tersilap pada ketika ini, maka masa hadapan kita akan rosak.

Tuan Yang di-Pertua, guru seperti ini saya minta Kementerian Pendidikan - baru-baru ini timbul juga satu kes di mana Norhayati yang kononnya telah mengaku tidak ada kaitan dengan Rahim Tamby Chik, satu cikgu bawa dia, kidnap budak ini datang ke Kuala Lumpur hasut Norhayati supaya memfitnah kepada Ketua Menteri Melaka pada ketika itu. Ini ada wujud guru-guru yang berlaku.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Jelutong bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay.

Tuan Karpal Singh: Akuan berkanun yang dibuat oleh Norhayati ini dalam bulan September, 1998, apa yang penting adalah untuk menyemak apa yang dikatakan oleh dia dalam kes Lim Guan Eng. Lim Guan Eng yang mengorbankan diri untuknya. Saya rujuk kepada apa yang dikatakan pada 31hb. Januari. 1996 oleh ACP Mok Siew Hong, pegawai polis yang merakamkan statement daripada Norhayati ini. Soalan yang saya ada tanya adalah seperti ini.

Isi kandungan percakapan oleh Norhayati menunjukkan bahawa Tan Sri Rahim ada membuat perhubungan sulit dengan gadis itu. Jawapannya adalah “Ada”. Gadis itu ada mengatakan yang Tan Sri Rahim ada membuat hubungan sulit dengannya. Penjelasan oleh hakim, “Apa maksud hubungan sulit supaya tidak ragu-ragu”, dan jawapan adalah “hubungan seks”. Gadis itu dengan sendiri pada 27 Februari. 1997, apabila beliau memberi keterangan bersumpah, dia ada menyatakan begini. Saya kenal Rahim Tamby Chik, dia Ketua Menteri Melaka. Saya mula-mula kenal dia pada tahun 1994. Soalan daripada saya. “Adakah anda membuat hubungan sulit dengannya?” Jawapan “Saya mengaku”. Ini semua ada bahawa bersumpah di depan seorang hakim,

Dato' Mohamad Noor bin Haji Abdullah di Mahkamah Tinggi di Melaka. Ini adalah sebelum statutory declaration ini ada dibuat dalam bulan September, 1998. Dalam fikiran saya ada orang yang mempengaruhi dia untuk membuat ini, barangkali ada upah dan boleh jadi Rahim Tamby Chik yang buat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh soal tetapi tidak boleh mengulas.

Tuan Karpal Singh: No, ada sesuatu bukan?....

Seorang ahli: Yes.

Tuan Karpal Singh:....orang bahawa sumpah menyatakan seperti mana saya, ada disenaraikan tadi.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman : Okay..

Tuan Karpal Singh: Sekarang dalam tahun 1998 lebih kurang enam bulan selepas

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay, saya faham.

Tuan Karpal Singh: Tidakkah ada sesuatu....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ya.

Tuan Karpal Singh: *..isn't it suspicious?*

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay. Tidakkah ada sesuatu.....

Dato' Haji Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Sekejap ya. Tidakkah ada sesuatu yang boleh membuat Tok budak ini pergi mengaku hendak berjalan dari rumah ke rumah untuk berkempen, mesti ada sesuatu juga. Jadi mengikut Norhayati, Cikgu Zainal telah membawa dia dua minggu duduk di Kuala Lumpur latih dia bagaimana hendak bercakap bohong. Kita kata ada sesuatu. Yang Berhormat daripada Jelutong kata mesti ada sesuatu yang meminta supaya Norhayati itu menolak, menafi dan kita pun ada memikirkan ada sesuatu yang menghasut orang tua ini supaya mengaku cucu dia betul. Sekarang ini membawa Lim Guan Eng membawa orang tua ini yang bernama Pendek

untuk mengaku mengatakan perkara itu benar. Ini perkara ini benda yang telah dikatakan dalam berkanun.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta jalan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal : *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Okay, ada dua orang Timbalan Menteri bangun. Ya, yang mana satu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Saya minta penjelasan daripada Pokok Sena mengenai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jelutong. Bukankah ini suatu perangai yang sama. Saya masih ingat dahulu bila mana Ahli Yang Berhormat bagi Jelutong membangkitkan supaya suatu Kertas Putih dibuat siasat kepada yang seorang dibela oleh beliau iaitu bekas Timbalan Perdana Menteri untuk menyiasat hal peri laku beliau. Selepas itu mungkinkah ada orang-orang yang menghasut beliau sehingga beliau bila mana keadaan kita ambil tindakan, selepas itu dia pula yang membela. Sebelum siasat dia bela.

Saya juga ingin meminta supaya siasat peri laku bekas Timbalan Perdana Menteri bagaimana seorang yang berlandaskan Islam mendesak kabinet negeri Sabah untuk mengeluarkan lesen judi di peringkat negeri Sabah. Satu perbuatan yang terkutuk dalam Islam kalau kita seorang pejuang Islam kita sanggup mendesak kabinet negeri Sabah, saksi masih ada. Yang Berhormat Senator Dato' Pandika Amin Mulia menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai saksi.

Waktu itu beliau menjadi kabinet. Begitu juga ramai Ahli-ahli Yang Berhormat masih memegang jawatan sebagai seorang ahli kabinet pada hari ini. Mereka telah didesak oleh bekas Timbalan Perdana Menteri untuk mengeluarkan lesen judi. Tidakkah perbuatan terkutuk ini. Saya juga ingin meminta kepada kerajaan supaya menyiasat bagaimana berpuluh juta ringgit dikeluarkan menerusi Sabah Development Bank dikeluarkan kepada rakan beliau untuk pinjaman pembelian saham, sebahagian saham perkapalan Sabah, yang sekarang ini kawan itu sudah masuk PAS.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, kira beginilah, pada kita kerajaan dan kami daripada Barisan Nasional percaya tentang pengakuan Norhayati ini. Bahawa beliau telah dihasut, dipujuk oleh Cikgu Zainal. Tentang pembangkang ini memang, bila kita menyokong belah Norhayati dia

membanggang, ini perkara biasa. Kita dahulu menyokong Dato' Seri Anwar Ibrahim dia mengutuk, sekarang kita semua mengutuk, dia menyokong, ini perkara biasa.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Pokok Sena ya, Yang Berhormat bagi Jelutong ini, apabila boleh untung politik dia, dia menyokong. Apabila tidak untung politik dia, dia menentang dan kita telah mencabar dia dalam Dewan ini supaya mengeluarkan kata-kata yang dikeluarkan dalam mahkamah mengatakan kerajaan dan pihak atasan meracuni Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam penjara. Dia kata dalam mahkamah kerana untungkan politik dia. Dia sebut dalam Dewan ini untuk memperjelas, kita kata tidak, *you* sebut di luar Dewan supaya kita boleh siasat, kita akan ambil tindakan. Sampai hari ini kerana dia tahu tidak akan untung kepada dia dalam politik, dia tidak berani keluarkan kata-kata di luar Dewan dan di luar mahkamah. Bukankah ini sikap pembohongan, sikap talam dua muka, sikap *double standard*, sikap manusia yang memang tidak boleh dipercayai.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan perkara ini, kenapakah negara kita sampai hendak bawa air kencing kena tukar nama. Hendak kena tukar nama kepada 'Subramaniam, baru boleh bawa keluar. Apa salahnya minta air kencing Dato' Seri Anwar dan Yang Berhormat bagi Jelutong, kapit, bawa air kencing itu. Kita polis sedia mengiringi Yang Berhormat bagi Jelutong. Dengan polis, Yang Berhormat sendiri bawa air kencing Dato' Seri Anwar. Kenapa bawa yang Subramaniam? Sebab yang kita tahu, Dato' Seri Anwar Ibrahim ini, makan makanan di penjara sedikit sangat, yang lain dia makan makanan di mahkamah. Isteri dia masak yang lebih bawa balik makan di penjara. Saya diberitahu, dia makan sedikit sangat. Kalau dia kena racun pun takkan sampai berbelas hari baru hendak beritahu Yang Berhormat. Selepas itu takkanlah air kencing begitu susah, hendak kena bawa air kencing Subramaniam, Nala Karupan dan tidak akan sampai negara kita kena siasat, ini air kencing Dato' Seri Anwar, tidak boleh, tuang buang. Mana ada. Kita bukan zalim macam itu.

Bila Yang Berhormat bagi Jelutong kata air kencing ini dihantar ke Australia kerana takut kalau tahu ini air kencing Anwar Ibrahim mereka akan buang. Saya percaya kalau Yang Berhormat bagi Jelutong bawa sendiri air kencing itu, pergilah bukan setakat Australia, balik sana dunia pun orang tidak akan kacau. Kita bagi polis mengiringi Yang

Berhormat bagi Jelutong untuk mengawal keselamatan Yang Berhormat dan juga air kencing itu. *[Ketawa]* Saya *guarantee*.....

Tuan Karpal Singh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Dia bangun, Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Apa yang dibangkitkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi, mengapa saya nyatakan dalam mahkamah apabila keputusan yang diperolehi daripada *Grabbles Laboratory* yang menunjukkan ada 77 kali ganda *level arsenic* dalam air kencing Dato' Seri Anwar Ibrahim, bukan Subramaniam kerana jika kami hantar *Grabbles* melalui *Grabbles Malaysia*, 'hantu bin syaitan' ada di sana. Untuk mengelakkan itu, kami menggunakan Subramaniam kerana Dato' Seri Anwar Ibrahim ada dibawah tahanan semenjak 20 September tahun 1998 bawah jagaan kerajaan. Jika masa itu apa yang menunjukkan ada yang diracuni. Siapa bertanggungjawab? Siapa yang bertanggungjawab adalah....

Dato' Haji Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:: Yang Berhormat.....

Tuan Karpal Singh: Tidak tahu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:: Yang Berhormat, nanti dulu

Tuan Karpal Singh: Peraturan-peraturan orang ini. Saya belum habis.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Jelutong, nanti dulu

Tuan Karpal Singh: Bukan itu sahaja, saya tidak boleh memberi jalan kepada sesiapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:: Nanti dulu Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Jelutong, sepatutnya bangun untuk minta penjelasan, bukannya Yang Berhormat hendak jawab.

Tuan Karpal Singh: No, bukan, dia tidak boleh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Tidak, yang dia bangun ini, saya belum lagi tanya. Tetapi Yang Berhormat boleh soal tetapi janganlah buat ucapan.

Tuan Karpal Singh: Bukan ucapan. Ini untuk balas apa yang dibangkit oleh....[*Disampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Itu pun tidak salah, Yang Berhormat. Sebenarnya, kalau ikut Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat tidak.....

Tuan Karpal Singh: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Nanti dulu Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat jawab. Yang Berhormat boleh soal sahaja bukan.....

Tuan Karpal Singh: No, bukan itu Tuan Speaker. Dia tanya, dia.... [*Sambil menunjuk ke arah Y.B Timbalan Menteri Dalam Negeri dan Y.B bagi Pokok Sena*] Dia memberi penjelasan. Saya berdiri untuk balas dia sekarang. *A equal to B, A equal to C, therefore, A equal to B, isn't it?* [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak perlu Yang Berhormat hendak rumitkan.....

Tuan Karpal Singh: Baik, baiklah Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Hendak kelirukan.....

Tuan Karpal Singh: Bukan hendak kelirukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]:Ahli Dewan, Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat boleh soal sahaja. Saya tegaskan, soal sahaja.

Tuan Karpal Singh: Adakah Yang Berhormat bagi Pokok Sena sedar apa yang saya nyatakan adalah berdasarkan dengan sijil itu dan pihak yang bertanggungjawab adalah kerajaan. Adakah kesilapan saya jika saya anggap pihak yang bertanggungjawab adalah kerajaan?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya faham, saya faham.

Tuan Karpal Singh: Bolehkah saya dipersalahkan?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya faham, saya faham. Oleh sebab Yang Berhormat takut bahawa *Grabbles* itu kepunyaan Vincen Tan, satu

sahajakah tempat itu. Dalam dunia ini Vincen Tan satu sahajakah yang mempunyai tempat mengkaji tentang air kencing. Satu sahajakah? Tidak adakah di Amerika, di Australia, di London yang mana Yang Berhormat boleh bawa air kencing ini pergi. Kami bagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bagi polis mengiringi air kencing dan Yang Berhormat boleh pergi ke mana-mana, kenapa hendak pergi ke *Grabble* Vincen Tan? Kalau Yang Berhormat *doubtful* tentang *Grabble* ini, bawa pergi ke tempat lain. Tetapi kenapa tukar nama bubuh nama Subramaniam?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Okay, kenapa Subramaniam? Saya tanya, jawab.

Tuan Karpal Singh: Kerana *Grabbles* terkenal, bukan tempat-tempat lain.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Kenapa hantar ke *Grabbles*?

Tuan Karpal Singh: Di rantau ini adalah *Grabbles* yang *authoritative*.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tempat lain tidak adakah?

Tuan Karpal Singh: Tidak ada yang boleh.....

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Takkan dalam dunia ini satu tempat ini sahaja.....

Seorang Ahli: CIA pun ada.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *Impossible*.

Tuan Karpal Singh: Penjelasan, di rantau ini, itulah yang *authoritative*.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya percaya kalau Yang Berhormat bawa, tidak ada sesiapa berani sebab mereka tahu Yang Berhormat *lawyer* yang *defend* Anwar Ibrahim, Yang Berhormat bawa air kencing Anwar ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri akan bagi polis mengiringi Yang Berhormat dengan air kencing. Saya percaya tidak kira di mana sahaja walaupun di *Grabbles* ini, kita akan membuat, mengkaji dengan halus.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Penjelasan.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat bagi Pokok Sena mendengar pihak Jelutong, Yang Berhormat bagi Jelutong menggunakan perkataan 'diracun'. Saya ingat Yang Berhormat dengar dan semua dalam Dewan ini

dengar kononnya *Grabbles Laboratory* mengguna perkataan racun dalam bahasa Inggeris 'poison'. Dalam laporan *Grabbles* tidak ada pun perkataan racun ataupun *poison*. Ini adalah perkataan yang dibohongi oleh pihak Yang Berhormat bagi Jelutong, yang disebut dalam laporan, "this level of 230 is consistent with someone who has taken a lot of seafood a night before". Maksudnya kalaulah seseorang itu hendak membuat *test* untuk membuat pemeriksaan darah, sebelum dia buat pemeriksaan, malam itu kena puasa dahulu kemudian baru pagi esok kita ambil darah, sama pemeriksaan *diabetes* atau lain-lain.

Begitu juga dengan *arsenic* yang kalau kita makan dan makanan laut malam ataupun satu hari sebelum itu, *level* itu adalah *consistent* dengan orang yang makan itu dan dia bukan makan dalam penjara sahaja. Dia makan banyak dalam mahkamah yang diberikan oleh isterinya dan keluarganya. Ini adalah dikatakan konspirasi memberi makan untuk menunjukkan *arsenic level* itu tinggi supaya mereka boleh tuduh kerajaan. Ini adalah konspirasi daripada pihak pembangkang dan pihak Dato' Seri Anwar sendiri dan konspirasi menggunakan perkataan 'racun' itu sendiri pembohongan yang besar yang tidak ada langsung disebut oleh *Grabbles Laboratory*.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pokoknya hanya untuk hendak *delay* kes mahkamah ini sebab takut pilihan raya bulan November. Ini sahaja sebab kalau kes ini habis sebelum dari *election*, cerita ini 'gone case' lah dengan KeADILan, dengan 'roket' habis. 'Roket' panah 'bulan', 'bulan' jadi 'KeADILan' jatuh, naik atas 'tanduk', habis semua.

Jadi perkara ini *delay tactic*, *this is the delay tactic of DAP*, parti pembangkang ataupun pihak yang terhormat *defend*. Jadi perkara ini saya balik kepada Kementerian Pendidikan tadi, sebab bila saya sentuh Cikgu Zainal dengan Norhayati, Yang Berhormat bagi Jelutong bawa saya begitu jauh.....

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: daripada kementerian bawa balik ke mahkamah, saya, ada lagi,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor : Yang Berhormat bagi Pokok Sena, saya minta penjelasan mengenai dengan keracunan Dato' Seri Anwar Ibrahim, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh ini.

Dalam kenyataan pertama, yang mengeluarkan kenyataan mengenai dengan arcanic, keracunan ini ialah daripada Yang Berhormat bagi Jelutong di mahkamah mengatakan pemimpin-pemimpin tertinggi kerajaan yang bertanggungjawab untuk meracuni Dato' Seri Anwar Ibrahim. Akibat dari itu, Yang Berhormat bagi Pokok Sena ingat atau tidak suatu tunjuk perasaan besar-besaran telah dilakukan oleh pihak-pihak pembangkang di Masjid Negara menggunakan kesucian Masjid Negara termasuklah juga mereka, pemimpin yang bukan beragama Islam, menghina, menghentam pemimpin-pemimpin kerajaan yang beragama Islam.

Akibat daripada itu polis dipukul, orang awam yang tidak bertanggungjawab tercedera dan huru-hara telah berlaku dan akibat daripada itu juga pelabur-pelabur asing yang hendak datang ke negara kita tidak datang, maka sudah tentulah yang ruginya rakyat dan negara kita ini. Yang paling teruk lagi Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan berucap, sepatutnya menyoal..

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tidak, saya hendak menyoal ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ini bukan soalan

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Apakah yang Berhormat bersetuju dengan saya sepatutnya bukan tindakan di bawah Akta Polis diambil ke atas mereka yang bertanggungjawab dan memulakan angkara ini. Sepatutnya pihak Keselamatan Dalam Negeri mengambil tindakan di bawah ISA, kurung mereka ini di dalam penjara. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan kebaikan Barisan Nasional. Kita memang adil, kita tidak mengambil tindakan tetapi kita siasat kalau benar-benar bersalah kita ambil tindakan kepada yang bersalah. Sekarang kita hendak suruh siasat sekiranya Yang Berhormat bagi Jelutong itu bercanggah dengan etiketnya di dalam *Bar Council* maka kita minta *Bar Council* yang akan mengambil tindakan kepada beliau. Jadi ini kita serah kepada negara kita kerana

negara kita ada berbagai-bagai undang-undang, berbagai-bagai cara untuk mengatasi perkara-perkara ini.

Jadi saya percaya, Tuhan sentiasa menyebelahi kita selama ini dan kalau hendak ikut sembahyang hajat, pihak-pihak Keadilan ini sembahyang hajat lagi teruk, kita sembahyang hajat, tetapi Allah S.W.T. telah menyebelahi kita. Lagi mereka sembahyang hajat lagi teruk.

Baru-baru ini dan akhir sekali Datuk Murad telah mendedahkan - Datuk Murad bukan orang Barisan Nasional, kita minta supaya dia letak jawatan ataupun dipecat daripada Bank Negara. Dia sepatutnya memasuki sebelah lain tetapi oleh sebab tidak tahan dengan pembohongan yang berlaku di dalam mahkamah maka beliau telah bangun dan mendedahkan perkara perkara yang sebenarnya. Jadi ini adalah untuk makluman daripada pembangkang, Datuk Murad ini mendedahkan untuk kepentingan agama, bangsa dan negara, bukan untuk kepentingan Barisan Nasional.

Jadi sekarang kita balik kepada Kementerian Pendidikan. Oleh sebab berlakunya guru-guru, pensyarah-pensyarah, dekan-dekan dan naib canselor yang sentiasa masih terpengaruh dengan Anwar Ibrahim ini dan menggunakan kuasa dengan jawatan mereka untuk meracuni pelajar, maka saya meminta dan mencadangkan supaya kerajaan, Kementerian Pendidikan melantik agen-agen pelapor di tiap-tiap institusi, tiap-tiap sekolah, tiap-tiap universiti mesti ada orang-orang untuk melaporkan kepada kerajaan baru kita tahu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini.....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nanti sekejap, tidak habis lagi. Baru kita tahu, kita tidak mahu ada duri dalam daging dan adanya makhluk perosak di dalam institusi-institusi ini. Jadi saya minta kerajaan wujudkan agen-agen ini. Tidak salah kita wujudkan untuk kepentingan kerajaan supaya masyarakat kita pada masa hadapan terselamat daripada jatuh ke jurang yang tidak kita ingini. Sila

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Tentang lantikan agen itu saya ingat saya sokong cadangan itu, cuma saya inginkan penjelasan. Kes yang disebutkan tadi di Sekolah Menengah Jabi, apakah Yang Berhormat setuju ataupun terfikir bahawa kes ini

mungkin bukan merupakan satu kes yang terencil atau *isolated*. Saya rasa dan saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat bersetuju, ini adalah satu usaha menyemaikan bibit-bibit anti kepada pemimpin yang dijalankan secara halus dan saya yakin ada ketua, ada arahan sebab di tempat saya sendiri dan saya sudahpun membuat kenyataan akhbar dan buat laporan di PPD juga terdapat kes yang serupa, seorang guru Matematik darjah tiga sekolah rendah kebangsaan, soalan Matematik tetapi soalan itu tidaklah secanggih yang dibuat seperti di Jabi cuma dia menggunakan nama-nama seperti Tun Daim, Mokhzani, Vincent Tan dan sebagainya. Perkara ini telah pun saya laporkan kepada PPD dan saya ingat PPD harus memanjangkan kes ini sehingga ke peringkat Federal. Soalan saya ialah sama ada ini merupakan satu insiden yang terencil ataupun mungkin merupakan sebahagian daripada *the tip of the iceberg*. Jadi kalau kita siasat mungkin lebih banyak kes-kes macam ini.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Perkara ini memang banyak, di kawasan saya, di sekolah yang sama yang kita tidak ambil tindakan sebab dalam soalan karangannya '*Jika Fadzil Noor menjadi Perdana Menteri, apakah dasar-dasar yang akan dibawa*'. Itu tidak mengapa, it's alright. Dia hendak tahu dasar kalau Fadzil Noor. Tetapi kita tahu sungguhpun perkara-perkara ini dibawa oleh parti-parti tertentu, mempengaruhi guru-guru supaya membuat berbagai-bagai cara, guru Matematik, guru Bahasanya buat karangan mengutuk kerajaan ini banyak perkara.

Yang saya hendak supaya kita lantik agen-agen ini bukan mesti lantik macam agen James Bond masuk pergi sekolah itu. Lantik guru-guru di sekolah itu yang taat kepada kerajaan, yang bekerja kerana Allah, kerana cari makan, tahu bersyukur kerana nikmat yang Tuhan bagi dia kerja betul sebab jawatan guru adalah satu jawatan yang mulia, saya pun dulu cikgu juga. Jawatan yang mulia jadi kita bekerja untuk kepentingan agama, bangsa dan negara kita. Jadi kita pilih orang-orang ini untuk menjadi mata dan telinga kerajaan melihat supaya perkara ini tidak berlaku. Sebab jika wujudnya orang-orang ini di tiap-tiap buah sekolah dan institusi-institusi tinggi maka saya percaya tidak akan berlaku perkara-perkara ini.

Kita akan melapor dan ambil tindakan di peringkat awal. Kalau sudah menjadi peringkat ini, sudah terlambat, sudah teruk dan kita terpaksa pecat. Kalau di peringkat

awal nampak dia ghalib berceramah dalam *common room* kita boleh ambil peringkat awal, kita boleh panggil dan tanya dia sama ada dia hendak jadi cikgu atau *politician*? Kalau hendak menjadi *politician* boleh keluar dan pergi bertanding. Awak jadi cikgu, mengajar. Ini yang kita hendak, kita bukan kerajaan yang zalim, kita kerajaan yang cukup adil.

Tuan Yang di-Pertua pun tahu, di kawasan Tuan Yang di-Pertua, digantungnya bendera PAS. Tidak sangka sampai saya tengok sendiri pun sedih. Tetapi kita tidak ambil tindakan. Perkara ini dihasut oleh parti-parti tertentu terutama sekali parti PAS. P.A.S. saya tidak tahu PAS- Parti Islam SeMalaysia atau Parti Ajaran Sesat? Kita kata dia marah tetapi dia menghasut hingga menyebabkan semua orang sesat.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Parti Angkatan Syaitan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Pendidikan supaya bukan sahaja di Kementerian Pendidikan, Jabatan Perdana Menteri, di Jabatan Perkhidmatan Awam dan di tiap-tiap jabatan kita ada pelapor-pelapor untuk melapor perkara yang sebenar. Kita tidak mahu duri dalam daging, gunting dalam lipatan. Kita tidak mahu orang yang akan merosakkan, yang menjadi makhluk perosak.

Jadi, kita hendak supaya negara kita ini maju dalam tahun 2020, negara kita akan maju terkenal tetapi kalau ada manusia-manusia ini di dalam jabatan-jabatan, di dalam sekolah-sekolah maka kita tidak akan capai cita-cita itu. Saya tahu perkara-perkara ini bukan semua guru, bukan semua pegawai, ada segelintir tetapi segelintir inilah yang akan merosakkan. Bak kata pepatah Melayu 'kerana nila setitik, rosak susu sebelanga'.

Jadi, saya berharap perkara-perkara ini akan diambil tindakan demi kepentingan negara kita supaya kita dapat menuju ke arah yang dicita-citakan oleh semua rakyat Malaysia. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Johor Bahru.

4.10 ptg.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin [Johor Bahru]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2000 pada hari ini.

Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah dapat meletakkan asas terhadap pemulihan ekonomi negara kita walaupun dalam keadaan baru sahaja hadapi kegawatan. Angka-angka ekonomi serta tindakan-tindakan kerajaan seperti dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kelmarin melalui Belanjawannya hendaklah tidak dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu yang hanya akan mengganggu dan menyukarkan malah menggagalkan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan untuk membawa pembangunan dan kemajuan dalam negaranya. Begitu juga dengan kerajaan Barisan Nasional dan yang penting sekali ialah pembangunan dan kemajuan yang hendak dibawa oleh kerajaan, bukan sahaja dalam bentuk pembangunan fizikal dan material. Belanjawan yang dibentangkan setiap tahun oleh kerajaan, bertujuan juga untuk memelihara dan memajukan pembangunan insan, pembangunan kerohanian, mengekalkan tradisi dan budaya, nilai-nilai kekeluargaan dan sebagainya.

Kerajaan kita memang memilih untuk melaksanakan pembangunan secara seimbang kerana seperti yang kerap kali kita tegaskan, kita mahu membangun ikut acuan kita sendiri. Kita tidak mahu mencontohi nilai-nilai yang tidak baik yang terdapat di negara barat ataupun di negara maju atau mengulangi kesilapan mereka yang menyebabkan pengamalan nilai-nilai negatif di kalangan rakyat negara-negara tersebut. Dalam kita berusaha bersungguh-sungguh membangunkan negara kita di samping mengekalkan nilai-nilai yang ada, kita juga tidak boleh lari dari hakikat bahawa kita berada di dalam dunia yang sedang menghadapi proses globalisasi yang hebat dan mengancam. Bukan sahaja sempadan yang memisahkan negara runtuh melalui proses globalisasi tetapi kekuatan dalaman masyarakat dan individu yang memainkan peranan sebagai sempadan daripada terpengaruh juga turut terancam. Ini kerana proses pertembungan nilai dan pengaruh mempengaruhi ini berlaku sepanjang masa dalam dunia yang menjadi semakin kecil. Manakala proses urbannisasi dan modenisasi ini pula mendedahkan penyebaran nilai dan pengaruh asing yang ada kalanya bercanggah dan tidak sesuai dengan kita.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih malang lagi ialah apabila perubahan-perubahan nilai dan amalan ini terutamanya yang negatif di asas dan dilakukan oleh unsur dalaman, oleh pihak-pihak yang tertentu dalam negara kita khususnya oleh parti pembangkang.

Kerana perubahan nilai dan amalan inilah kita tidak hairan apabila dalam pembentangan belanjawan tempoh hari Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyentuh mengenai budaya sebahagian daripada rakyat kita yang diresapi dengan perbuatan yang tidak diingini seperti membakar tong-tong sampah dan telefon awam, mengancam keselamatan negara, mencetuskan perasaan membenci terhadap kepimpinan, perasaan tidak bersyukur dan tidak perlu berterima kasih kepada kerajaan dan sebagainya.

Kita semua harus sedar dalam kehidupan seharian kita khususnya orang-orang Melayu ada sistem nilai yang tertinggi iaitu etika dan moraliti serta akhlak yang mendasari hubungan sosial, sistem nilai ini kita namakan sebagai budi. Budi adalah pancaran nilai yang utama yang telah menetapkan apakah corak akhlak atau moral atau nilai seseorang individu. Ia merupakan satu tenaga yang menjana individu Melayu berfungsi sebagai anggota agama masyarakat dan juga budaya. Kepada orang Melayu seseorang yang berbudi ialah seorang yang beragama dan yang bertaqwa. Seseorang yang beragama tidak akan memperalatkan agama untuk kepentingan dirinya, tidak akan menjadikan untuk kepentingan dunia, tidak akan menjadikan masjid untuk memecahbelahkan perpaduan umat atau dijadikan tempat caci maki atau mencarut terhadap orang Islam yang lain.

Bagi orang Melayu seseorang yang berbudi juga ialah orang yang memiliki bahasa yang santun, sopan atau berbudi bahasa, maka masyarakat dan bangsa yang berbudi tidak akan wujud budaya caci maki, mencarut, melaknat, tidak berterima kasih dan bersyukur mahupun berdemonstrasi. Pendek kata Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu konsep yang menyeluruh penerapan nilai budi menghasilkan satu manusia Melayu yang halus berhati budi, berakal, bijaksana, beradab sopan, beradat dan tahu membalas budi dan juga bersyukur

Malangnya hari ini wujud usaha menukar dan menghakis sistem nilai tertinggi orang Melayu iaitu budi oleh segelintir orang Melayu yang dipelopori oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang sendiri. Hari ini kita dapati, mereka berkempen supaya rakyat membenci kerajaan dan sama ada disedari atau tidak sebahagian daripada rakyat sememangnya terpengaruh dan di bawah penguasaan kempen tersebut. Kejayaan kempen membenci mereka lahirkan rakyat yang emosi dan fanatik dan inilah yang mereka mahu kerana apabila seseorang itu dikuasai emosi dan bersikap fanatik ia tidak

akan dapat membezakan antara yang baik dan yang buruk, antara yang betul dan yang salah dan mempercayai apa sahaja tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan. Tindakan mereka menghakis nilai terpenting orang Melayu iaitu budi, akan membawa kesan yang buruk kepada orang Melayu itu sendiri seperti kata pantun Melayu:

Tegak rumah kerana sendi;

Runtuh sendi rumah binasa;

Sendi bangsa ialah budi;

Runtuhlah budi runtuhlah bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, mereka memang tidak hiraukan bangsa kerana yang penting, mereka mendapat tempat dan juga kedudukan, yang penting keinginan dunia mereka tercapai walaupun mereka melaungkan, antaranya mereka parti Islam yang mengutamakan akhirat. Sebenarnya mereka hanyalah sebuah parti politik yang juga meletakkan kebendaan dan keduniaan sebagai matlamat. Inilah yang mereka kejar walaupun dalam proses tersebut nilai budi terhakis dan lenyap. Atas sebab itu ada satu lagi pantun Melayu yang menggambarkan keadaannya seperti berikut:

Penat sudah ku tanam ubi;

Nenas juga di tanam orang;

Puas sudah ku tanam budi;

Emas juga dikenang orang.

Jadi kita tidak hairan keadaan ini dilakukan oleh mereka, mereka *desperate* hendak kuasa sehingga matlamat penubuhan negara Islam yang dilaungkan di pelosok negara pun mereka sanggup gadaikan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat perlu disedarkan mengenai keadaan yang dilakukan oleh sebahagian dari masyarakat kita yang cuba menukar dan menghakis nilai dan budaya kita. Ini bukan soal mempertahankan kerajaan tetapi ini soal menentukan, dalam kita menuju menjadi negara maju menjelang tahun 2020, kita dapat maju mengikut acuan kita sendiri. Yang penting orang Melayu tidak hilang nilai dan budayanya, kerajaan mestilah berusaha supaya orang Melayu terus mengekalkan sistem nilainya yang tertinggi iaitu budi dan memerangi mana-mana pihak yang cuba menukar sistem nilai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari soal di atas keadaan dunia tanpa sempadan juga mempengaruhi kita dalam soal-soal yang berhubung kait mengenai hak asasi

kemanusiaan. Saya percaya kita semua boleh terima bahawa seseorang itu semestinya mempunyai hak asasi dan diberi perlindungan mengenainya. Atas sebab itu baru-baru ini, kita telah sama-sama melihat penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi di dalam negara kita. Tetapi kita tidak boleh secara membabi buta menerima bulat-bulat segala perkara, segala kefahaman dan juga pelaksanaan mengenai hak asasi yang dipakai oleh pihak negara maju mahupun negara barat. Kemajuan pegangan konsep hak asasi oleh barat adalah diasaskan kepada keutamaan yang diberikan kepada individu.

Inilah yang menjadi punca kepada sebahagian besar masalah sosial mahupun jenayah yang dihadapi oleh negara Barat. Ini berbeza dengan keadaan di negara Timur seperti di negara kita di mana kita mengutamakan masyarakat dan selagi seseorang individu tidak mengancam kepentingan ramai maka selagi itulah hak asasinya terpelihara.

Oleh itu saya berharap apabila suruhanjaya di dalam negara kita ini melaksanakan tanggungjawabnya, ia mesti menentukan supaya asas pelaksanaan hak asasi negara di dalam negara kita diimbangi dengan soal kepentingan ramai. Kemajuan hak asasi yang hendak dilaksanakan di Malaysia mestilah diasaskan kepada kepentingan ramai, tidak seperti di Barat di mana kemajuan hak asasi diasaskan kepada kepentingan individu. Atas sebab perbezaan asas di ataslah, kita dapati beberapa badan Hak Asasi Antarabangsa seperti *Amnesty International* baru-baru ini yang telah membuat laporan, sekali lagi tidak menerima beberapa undang-undang dalam negara kita seperti Akta ISA, Akta Hasutan, Akta Percetakan dan sebagainya. Mereka juga mahukan supaya rakyat kita dibenarkan berdemonstrasi mahupun mengadakan perhimpunan, malah *Amnesty International* bertindak lebih dari itu dengan melahirkan kekhawatiran bahawa suruhanjaya yang kita tubuhkan mungkin perjalanannya tidak akan menepati kehendak sesebuah badan yang menjaga hak asasi.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, daripada keadaan tersebut, kita jelas nampak bagaimana nilai kita yang pentingkan masyarakat cuba diubah supaya lebih mengutamakan individu. Suruhanjaya yang baru hendak dibentuk sudah dikenakan tekanan supaya bergerak mengikut kehendak yang digariskan oleh pihak Barat. Kita harus sedar bahawa selama ini kita mengutamakan masyarakat dan melindungi kepentingan masyarakatlah maka negara kita mengalami keamanan dan juga kestabilan.

Amnesty International seolah-olah tidak peduli jika negara runtuh dan rakyat bersengketa sesama sendiri asalkan apa yang rakyat buat menepati hak individu mereka. Atas sebab itulah, kita tidak hairan badan *Amnesty International* ini disokong dan dipuja oleh Parti Pembangkang kerana pembangkang hanya hidup dalam keadaan rakyat berpecah belah. Soalnya, adakah nilai dalam masyarakat yang selama ini mengutamakan kepentingan ramai hendak kita gantikan dengan mengutamakan kepentingan individu? Adakah pembangkang juga terlibat mengeneipkan nilai-nilai dan budaya Timur, mengutamakan kepentingan masyarakat dan menggantikannya dengan kepentingan individu?

Tuan Yang di-Pertua, suruhanjaya yang kita bentuk mestilah jelas. Selagi tidak mengancam kepentingan masyarakat, maka hak asasi seseorang itu akan dijamin. Suruhanjaya mesti mampu untuk menjawab dan berhujah dengan semua pihak, termasuk *Amnesty International* supaya jangan memaksakan kefahaman dan penerimaan *Human Rights* Barat ke atas negara Timur.

Saya percaya kerana keadaan ini akan berterusan maka perlu supaya di peringkat antarabangsa diwujudkan pertembungan pemikiran, diadakan perbahasan mungkin di kalangan negara Asia melahirkan standard *Human Rights* nya sendiri yang berasaskan kepada kepentingan ramai. Hari ini semua negara Asia, apabila menghadapi tekanan *Amnesty International* semuanya bergerak secara individu dan berasingan. Kita tidak akan berjaya jika tindakan kita sedemikian. Asia mesti bangun bersatu dalam soal ini kerana seperti kata bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kwan Yew baru-baru ini dalam soal Timor Timur, kejadian di sana tidak akan berlaku jika tidak kerana Barat dan peranan badan-badan hak asasi yang berpangkalan di sana dan di Amerika.

Negara-negara lain di Asia akan mengalami nasib serupa seperti Indonesia dan Timor Timur kerana peranan badan-badan ini. Atas sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan bukan sahaja akan segera menubuhkan suruhanjaya hak asasi di dalam negara kita tetapi pada masa yang sama menyatukan semua negara Timur dan membangun untuk memberi satu definasi baru hak asasi yang berasaskan kepada nilai dan budaya tempatan di samping berasaskan kepada usaha untuk mencapai matlamat membangun dan memajukan negara Asia dan juga negara Timur.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Tumpat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan tahun 2000 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan Pertama, Jumaat – 29 Oktober lalu menjanjikan bahawa kerajaan akan membelanjakan hampir 10% lebih tinggi daripada Belanjawan tahun 1999 iaitu sebanyak RM28.025 bilion dalam tahun 2000, berbanding sebanyak RM65.09 bilion pada tahun lalu berbanding dengan tahun-tahun kebelakangan ini. Belanjawan 2000 adalah belanjawan tertinggi kerana Belanjawan 1998 adalah 9.3% lebih rendah daripada Belanjawan 1999.

Soalnya sekarang mampukah Belanjawan 2000 ini menjadi titik tolak untuk memasuki dan menghadapi berbagai tuntutan dan cabaran alaf baru yang hanya tinggal satu setengah bulan lagi?

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali mengenai pemberian bonus dan kenaikan gaji 10% kepada kakitangan awam terlepas daripada persoalan sama ada pemberian itu merupakan rasuah politik Barisan Nasional untuk menangguk di air keruh, iaitu bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-10. Adalah perlu ditekankan di sini, satu persoalan yang lebih besar iaitu mengenai, apakah nasib pengundi baru, 650,000 yang telah berdaftar sebagai pemilih untuk pilihan raya akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sabar dahulu. Yang Berhormat bagi Parit Sulong orang yang sabar. Mengapakah pihak Suruhjaya Pilihan Raya (SPR) perlu mengambil masa selama lapan bulan sehingga menafikan hak asasi mereka itu yang tercatat di dalam Perlembagaan untuk membolehkan mereka membuang undi di dalam pilihan raya yang akan datang.

Saya percaya bahawa kalau sekiranya UMNO dan Barisan Nasional yang pasti mendapat sokongan dan kemengan besar dalam pilihan raya akan datang, maka pendaftaran 650,000 pengundi baru itu, yang dijalankan pada pertengahan tahun ini akan dibereskan sebelum penghujung tahun ini juga.

Segala jentera kerajaan akan dikerah terus dan dilipatgandakan sepanjang 24 jam setiap hari untuk memenuhi cita-cita dan agenda tersebut. Tetapi malangnya oleh kerana kerajaan UMNO dan Barisan Nasional telah mendapat isyarat bahawa *trend* atau kecenderungan majoriti 650,000 pengundi baru itu adalah untuk menyokong parti-parti 'Barisan Alternatif', maka mereka terpaksa menunggu dan hanya akan berpeluang mengundi dalam pilihan raya yang ke sebelas.

Ini bererti bahawa mereka hanya akan mengundi selepas atau sekitar tempoh

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya minta Yang Berhormat bagi Parit Sulong bersabar dahulu. Nanti saya akan beri peluang.

Ini bererti bahawa mereka hanya akan dibenarkan mengundi selepas atau sekitar tempoh lima tahun akan datang, itupun jika sekiranya UMNO dan Barisan Nasional merasa perlu dan yakin boleh menang. Jikalau tidak mungkin pilihan raya akan ditangguh atas alasan keselamatan negara sedang terancam. Negara perlu diperintah buat sekalian kalinya oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) seperti dalam peristiwa hitam pada 13 Mei 1969.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini jika sekiranya 650,000 pengundi baru tidak dibenarkan mengundi dalam Pilihan Raya Umum Kesepuluh yang semakin hampir, maka jika sekiranya Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional masih mampu mempertahankan kuasanya untuk memerintah selama 5 tahun lagi, pada hakikatnya mandat rakyat melalui pilihan raya kesepuluh ini adalah mandat yang pincang dan cacat.

Kemenangan itu tidak akan membawa sebarang erti dan makna kepada rakyat yang inginkan perubahan. Saya tegaskan demikian oleh kerana mereka yang telah berumur 21 tahun dan berkecenderungan mengundi dalam pilihan raya kali ini hanya akan terpaksa menjadi penonton dan menyaksikan terus-menerus segala skandal dan penyelewengan atau ringkasnya amalan 'KKKN' UMNO dan Barisan Nasional selama ini. Tegasnya penyelewengan dan salah kuasa di peringkat politik yang tertinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa jika sekiranya mereka tidak berpeluang mengundi dalam Pilihan Raya Umum Kesepuluh maka keadaan hak bersuara mereka tidak ubah atau tanpa bezanya dengan mangsa-mangsa yang

merengkok di kem-kem tahanan perlindungan atau kem tahanan ISA sekurang-kurangnya untuk tempoh 5 tahun yang akan datang.

Adakah wajar hak bersuara dan kemerdekaan diri mereka di 'ISA'kan untuk 5 tahun akan datang tanpa sebarang dosa yang mereka lakukan? Adakah wajar bahawa mereka mesti di 'ISA'kan semata-mata kerana mereka berbeza pendapat dengan pemimpin Kerajaan UMNO dan juga Barisan Nasional? Adakah menjadi dosa dan kesalahan besar semata-mata kerana mereka diyakini tidak akan mengundi UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya kesepuluh nanti?

Rakyat juga harus diingatkan Belanjawan 2000 ini berasaskan defisit ataupun Belanjawan kurangan hampir RM19 bilion. Tetapi kerajaan masih ingin berlagak dan menunjuk kepada rakyat bahawa dalam keadaan kegawatan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya, kerajaan berupaya memberi bayaran khas kepada kakitangan awam sedangkan bayaran khas – bonus, imbuhan dan sebagainya itu patut diberikan 10 tahun lalu ketika ekonomi negara dikatakan mengalami pertumbuhan sekitar 8%.

Tuan Yang di-Pertua.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya, Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan bayaran bonus kepada kakitangan kerajaan disifatkan oleh parti Yang Berhormat sebagai rasuah politik. Jadi, saya hendak Yang Berhormat menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, adakah Parti PAS menentang Kerajaan Barisan Nasional memberi bonus kepada kakitangan kerajaan dan juga adakah PAS menentang kepada Kerajaan Barisan Nasional menaikkan gaji kakitangan kerajaan sebanyak 10% menerusi Belanjawan 2000 Jumaat yang lalu? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kami telah pernah mencadangkan kepada kerajaan semenjak 10 tahun yang lalu untuk menaikkan gaji dan memberi bonus kepada kakitangan kerajaan. Apa yang dipersoalkan oleh kami kenapa sekarang baru diberi – ini mesti ada “udang di sebalik batu”.

Dato' Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan Yang Berhormat. Pasal Yang Berhormat sebut tadi 10 tahun dahulu ada beri cadangan untuk menaikkan gaji kakitangan kerajaan, tetapi betul atau tidak, Yang Berhormat, dalam manifesto baru-baru ini dikeluarkan oleh Barisan Alternatif di mana PAS sebahagian daripada ini juga, dalam Belanjawan Alternatifnya juga mencadangkan untuk menaikkan gaji pegawai kerajaan? Jadi, serupa kita ini, tidak?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Demikianlah, itu adalah pandangan kami semenjak 10 tahun yang lalu. *[Ketawa]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Persoalannya kenapa baru sekarang dinaikkan – tidak dahulu. Sebab sebagaimana kita tahu sekarang sudah hampir menjelang pilihan raya. Itulah saya katakan ada “udang di sebalik batu”.

Tuan Yang di-Pertua: Ya,

[Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun]

Dato' Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Minta penjelasan Yang Berhormat, saya

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang Berhormat Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat mengelak daripada menjawab soalan itu. Okay, saya tanya satu perkara yang spesifik, Tuan Yang di-Pertua. Apabila kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah berkempen sewaktu pilihan raya tahun 1990, Angkatan Perpaduan Ummah mengeluarkan dalam manifestonya bahawa anak-anak muda akan diberi lesen motosikal percuma dan orang-orang tua akan diberi RM100 – bantuan daripada kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah sekiranya dapat memerintah. Adakah itu perkara yang hanya janji tinggal janji atau telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada hari ini? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa soalan itu boleh tanya kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah. Dia lebih tahu

daripada saya sebab beliaulah yang telah mencadangkan – ada Ku Li dalam Dewan ini? Ataupun tanya kepada Yang Berhormat bagi Kota Bharu [*Ketawa*].

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Disebabkan nama saya disebut, saya ingin mengingatkan kepada Yang Berhormat, Angkatan Perpaduan Ummah itu sewaktu berkempenlah parti PAS mengakui ia Angkatan Perpaduan Ummah. Manifesto itu mengikat parti PAS, jadi kenapa tidak melaksanakannya di peringkat Kelantan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Manifesto itu ialah untuk peringkat nasional.

Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Tumpat, yang 10 tahun - 10 tahun dahululah bukan? Saya cakap tentang manifesto sekarang ini, baru dua minggu lepas belanjawan yang dibentangkan oleh Barisan Alternatif. Walaupun tahu negara dalam keadaan ekonominya teruk, jadi Barisan Alternatif juga mencadangkan dalam belanjawannya untuk menaikkan gaji pegawai kerajaan. Jadi maknanya, apa beza Yang Berhormat tuduh Barisan Nasional dengan apa yang dibuat sendiri oleh parti PAS? Dalam keadaan begini pun janji juga hendak menaikkan gaji pegawai kerajaan, betul?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebab kita pernah berjanji semenjak 10 tahun yang lalu, maka kata-kata itu, “janji mestilah dikotakan”, itulah.

Tuan Yang di-Pertua, sebab kita janji.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya memang sentiasa mahu mengikuti perbahasan Yang Berhormat dengan penuh minat. Tetapi di sini ada kontradiksi di antara percakapan - dua hari sebelum Belanjawan Negara dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan janji ‘Barisan Alternatif’. Adakah di sini hanya main janji sahaja oleh kerana kita tahulah kalau ikut trend sekarang, PAS memang tidak boleh perintah. Adakah sebab itu bermakna oleh kerana tidak mahu diikat dengan janji ‘Barisan Alternatif’ maka PAS menerusi pemimpin PAS negeri Kelantan mengatakan bahawa pihak PAS akan mengeluarkan manifesto yang berasingan, dia tidak mahu terikat dengan manifesto Barisan Alternatif? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Bukan tidak terikat. Dalam soal-soal tertentu, yang spesifik, mungkin kita akan sebut dalam manifesto kita untuk negeri Kelantan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi Yang Berhormat,

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ia akan terjadi seperti ini, macam Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan Kerajaan Negeri Kelantan, saling bantu-membantu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, itu Kerajaan Malaysia – Perlembagaan Malaysia, Perlembagaan *Federal*. Negeri Kelantan – Perlembagaan Negeri. Dalam hal ini adakah tidak kalau mengikut pemikiran kita yang waras dan bijaksana bahawa apabila kita telah mengikat diri kita dalam satu pakatan, maka mesti ada pemuafakatan kepada seluruh peringkat, bukannya *selective uniformity*, bukan ada satu pemuafakatan yang boleh dipilih-pilih, kalau suka ini buat, kalau tidak suka kita boleh tinggal. Macam mana dari pandangan PAS pula macam ini?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Persoalan-persoalan yang spesifik telah pun dipersetujui oleh pihak parti alternatif untuk negeri Perlis, negeri Kedah dan negeri Kelantan, ini telah pun dipersetujui.

Datuk Ruhanie bin Ahmad: Yang Berhormat, kalau soalan spesifik telah dipersetujui, manifesto ‘Barisan Alternatif’ mengatakan perjuangan menegakkan negara Islam tidak termaktub di dalam manifesto ‘Barisan Alternatif’. Jadi, adakah perkara ini juga dipersetujui oleh parti PAS ataupun hanya Presiden PAS sahaja bercakap di peringkat nasional, maka pemikiran dan juga pendapat di peringkat negeri dan di peringkat wilayah itu berbeza daripada apa yang dinyatakan oleh Presiden PAS?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, saya rasa soalan itu bukan di sini forumnya.

Dato’ Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Saya tertarik dengan perbezaan di antara manifesto di peringkat pusat dengan manifesto di peringkat negeri, yang mana Yang Berhormat memberi alasan bahawa macam Perlembagaan Persekutuan juga dengan perlembagaan negeri-negeri berbeza. Tetapi saya hendak memperingatkan kepada Yang Berhormat, walaupun berbeza Perlembagaan Negeri tidak boleh bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia. Kalau macam dua penggal had jadi Menteri Besar maka

di negeri boleh had satu penggal tidak apa, tetapi kalau tiga penggal tidak boleh sebab Federal constitution kata tidak boleh. Jadi macam mana itu Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Keputusan itu tertakluk bermula daripada perlembagaan itu atau manifesto itu diisytiharkan, bukan bermula daripada tahun 1990 atau tahun 1995. Ini adalah *rule of law*. [Ketawa] Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata lain pemberian bonus dan kenaikan 10% gaji kakitangan awam ini adalah bayaran tunggakan yang mana pihak kerajaan telah terhutang kepada mereka sejak sepuluh tahun lalu, dan untuk menghadapi masa depan pula....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong, bangun pula.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:.....rakyat seluruh negara ini akan dibebani dengan pelbagai cukai bagi melangsaikan atau menyelesaikan hutang-hutang baru yang akan dibuat oleh kerajaan sebagai sumber pembiayaan belanjawan defisit.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, tidak apalah Yang Berhormat terus dengan pandangan Yang Berhormat. Sekarang ini Kerajaan Persekutuan telah pun memutuskan untuk membayar gaji kakitangan kerajaan naikkan 10% dan membayar bonus. Adakah kerajaan negeri Kelantan mahu mengecualikan dirinya daripada membayar bonus kepada kakitangan negeri Kelantan dan pada waktu yang sama adakah kerajaan negeri Kelantan juga mahu mengecualikan dirinya daripada menaikkan gaji kakitangan kerajaan Kelantan 10% sebagaimana yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Atas apa yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Pusat akan dipertimbangkan dengan seadil-adilnya oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, Yang Berhormat, kalau hendak adil ikut apa yang dilakukan oleh majoriti. Kalau itu maksudnya, bermakna Yang Berhormat membetulkan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan, tidakkah begitu?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Akan dipertimbangkan dengan seadil-adilnya, dengan secermat-cermatnya oleh Kerajaan Negeri Kelantan, insya-Allah. Walaupun kami negeri yang miskin, tetapi kami mampu untuk memberi

pinjaman kenderaan dan perumahan kepada pegawai kerajaan tanpa interest dan tanpa *service charge*.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, sebenarnya Kerajaan Negeri Kelantan tidak mampu berbuat apa-apa. Seluruh pembangunan yang ada di negeri Kelantan hari ini, sebenarnya hasil perjuangan Barisan Nasional, sewaktu Barisan Nasional memerintah. Saya ada satu buku dengan data semua sekali, berapa banyak yang ditumpahkan oleh Kementerian Pendidikan, berapa banyak daripada Kementerian Kerja Raya, berapa banyak daripada agensi-agensi pembangunan usahawan. Kerajaan Negeri Kelantan tidak boleh buat apa, yang kerajaan negeri Kelantan hendak buat projek air pun, pinjam dengan Kerajaan Persekutuan, tetapi bila balik dengan orang Kelantan, dia kata ini usaha kita.

Saya suatu hari nanti Yang Berhormat, saya akan tunjukkan kesemua data, statistik yang menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan memerintah Kelantan tidak berusaha dan tidak mampu, tidak terdaya untuk membangunkan rakyat negeri Kelantan. Jadi, kalau saya hendak tanya jawapan ini dengan terus terang, adakah kerajaan negeri Kelantan dalam konteks Belanjawan Malaysia hari ini mahu menaikkan gaji kakitangan Kerajaan Negeri Kelantan 10% dan pada waktu yang sama, adakah Kerajaan Negeri Kelantan akan juga mempertimbangkan dengan seadil-adilnya untuk membayar bonus satu bulan kepada kakitangan kerajaan negeri Kelantan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama, saya telah jawab, soalan yang kedua itu pun saya telah jawab. Soalan pertama, saya juga ada buku yang menjelaskan bahawa pengaliran wang Kelantan ke Pusat pada setiap tahun tidak kurang daripada RM2 bilion setahun. Di mana sumbangan Pusat di negeri Kelantan untuk tiap-tiap tahun, tidak sampai pun RM2 bilion. Ini juga saya ada bukunya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat, saya tutup chapter soalan tadi. Bolehkah Yang Berhormat untuk makluman dan untuk *benefit*, dengan izin Dewan yang mulia ini tolong perincikan pengaliran wang RM2 bilion daripada negeri Kelantan itu. Dalam bentuk apa? Daripada hasil balakkah, daripada hasil gaskah hasil minyakkah, cuba huraian? Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang pertama, daripada income tax, yang kedua daripada road tax, yang ketiga cukai setem dan yang keempat cukai barang-barang yang dibeli oleh rakyat Kelantan, cukai kastam dan sebagainya. Semuanya wang itu bukan peroleh pada Kerajaan Negeri Kelantan tetapi wang itu mengalir ke Pusat, tidak kurang daripada RM2 bilion setahun. Ke mana wang itu sekarang?

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya ini hendak minta tanya, saya sudah ketar ini, pasal RM2 bilion keluar daripada Kelantan. Saya minta Yang Berhormat kalau boleh, edarkan buku itu kepada saya supaya kita boleh perbetul jika benda itu betul-takkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kalau sudah tahu, tidak perlulah tanya. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sistem kenaikan gaji 10% daripada gaji pokok bagi semua gred ini adalah lebih memihak kepada golongan atasan. Oleh kerana semakin tinggi gaji pokok, maka semakinlah tinggilah kenaikan gaji dalam jumlah mutlak. Bagaimana pun, bayaran dalam bentuk tunai sedikit-sebanyak akan memperingankan beban mereka yang berpendapatan rendah dan dalam menghadapi bayaran persekolahan dan perbelanjaan lain pada awal tahun.

Namun kebiasaannya berlaku apabila mudah tunai atau kecairan melimpah dalam pasaran, maka bayaran bonus dan sebagainya dalam bentuk tunai adalah bersifat *inflationary* kerana sudah tentu peniaga akan mengambil sikap 'menangguk di air keruh'. Akhirnya, kenaikan gaji di dalam bentuk tunai tidak membawa kepada kenaikan taraf hidup yang diharapkan kerana sebahagian besar kenaikan itu dibaham inflasi. Adalah lebih baik misalnya jika ganjaran ini diberi dalam bentuk kombinasi di antara kenaikan gaji, misalnya sebanyak 6% dan sebanyak 4% lagi diberi dalam bentuk penghapusan kadar faedah bagi pinjaman perumahan dan kenderaan sebagaimana yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan sekarang ini. Ini akan meringankan bayaran balik beban pinjaman dan sekali gus menghapuskan amalan riba.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dalam pilihan raya yang semakin hampir rakyat negara ini khususnya parti-parti 'Barisan Alternatif' mendesak kerajaan menghapuskan menyelewengan undi pos pihak tentera dan polis. Dalam keadaan negara yang aman tanpa ancaman darurat kominis dahulu maka pihak tentera dan polis perlulah dibenarkan

mengundi seperti majoriti rakyat atau orang awam secara terbuka. Jika sekiranya SPR merasakan masih perlu undi pos itu diwujudkan maka wakil-wakil calon bagi parti yang bertanding hendaklah dibenarkan mengundi, memerhati dan sebagainya bagi memastikan ketelusan dan kebebasan undi setiap mereka yang berkenaan.

Tanpa melakukan syarat-syarat tersebut, maka sekali lagi hak-hak asasi dan kebebasan bersuara sebahagian besar rakyat di negara ini telah dikongkong atau diisytiharkan sebagaimana 650 ribu pengundi baru itu. Perubahan yang disebutkan itu perlulah, oleh kerana rakyat tentulah tidak mahu membiarkan undi tentera dan polis menjadi penentu untuk menyelamatkan orang-orang tertentu dalam pimpinan UMNO dan Barisan Nasional memenangi pilihan raya yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa perubahan tersebut, maka sah dan nyata pilihan raya kali ini terus menjadi pilihan raya terkotor sepanjang sejarah politik dan demokrasi di negara kita ini. Walaupun kerajaan akan membelanjakan RM50.35 bilion atau 68.4% untuk Belanja Mengurus 2000 yaitu 13.5% lebih tinggi dari belanja hangus 1999. Rakyat ingin bertanya dengan peningkatan Perbelanjaan Mengurus ini, mengapa faktor 'Anwar' masih dilihat sebagai ancaman kepada *survival* UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa Perdana Menteri terus berkempen untuk mempromosikan UMNO dan Barisan Nasional dengan terus memburuk-burukkan bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sedang menghadapi tuduhan di mahkamah? Tidakkah Perdana Menteri menyedari bahawa ucapan-ucapannya yang menyentuh tuduhan kes-kes liwat dan sebagainya itu menghina mahkamah. Mengapakah wang rakyat digunakan untuk kempen parti, politik UMNO dan Barisan Nasional sebagaimana yang telah dilakukan? Adakah UMNO dan Barisan Nasional membayar kos iklan kepada RTM? Memandangkan kempen yang dijalankan itu adalah kempen parti politik UMNO dan Barisan Nasional bukannya urusan kerajaan sebagaimana yang sering didakwa oleh pihak kerajaan sendiri? Adakah semuanya ini dilakukan oleh kerana kerajaan sedar bahawa rakyat telah menolak UMNO dan Barisan Nasional sebagai masalah Y2K atau pepijat menjelang alaf dan serentak ketika memasuki alaf baru Politik Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, satu pertanyaan lagi, adakah kerajaan akan mengarahkan pihak BPR mengambil tindakan segera terhadap empat laporan polis oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim secepat mungkin? Sepantas kilat, BPR bertindak terhadap laporan Datuk Murad mengenai kononnya wujudnya RM2 bilion akaun induk Dato' Seri Anwar Ibrahim. Adakah rakyat akan terus dinafikan kebebasan bersuara dan memilih untuk menentukan orang-orang yang terlibat dalam rasuah dan skandal yang dinamakan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim itu terus menjadi pimpinan negara termasuklah yang dari Melaka seorang itu? Adakah rakyat akan terus dipaksa menerima, mengangkat wakil rakyat dari Merbok dan Kubang Pasu yang sedang dipersoalkan akhlaknya, kewibawaannya dan ketelusan sebagai pimpinan dalam alaf baru kelak? Adakah kerajaan bersedia mewujudkan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat kes 4M, *'Mahathirisme, Manipulation, Money and Media'* dengan izin, yang telah digunakan oleh UMNO dan Barisan Nasional bagi memenangi pilihan raya terkotor sepanjang sejarah pilihan raya di negara ini sebagaimana yang pernah disebutkan oleh Perdana Menteri, terutama semenjak 18 tahun Perdana Menteri memegang tampuk pemerintahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan di sini mengenai nasib peneroka bandar, penduduk setinggan dan rakan-rakan mereka dalam perpindahan ke kawasan perumahan – menurut laporan, terdapat penduduk setinggan khususnya peneroka bandar di seluruh negara seramai 55,000 warga yang masih tidak mendapat penempatan tetap sejak negara mencapai kemerdekaan. Manakala penduduk yang telah dipindahkan ke rumah pangsa sering dinafikan kemudahan elektrik dan air. Kes yang terbaru, berlaku pada minggu lalu melibatkan penduduk di rumah pangsa Taman Sentul Utama disekat daripada mendapat bekalan air oleh kerana pihak pemaju tidak membayar bil air kepada Jabatan Bekalan Air Selangor atas alasan sebahagian kecil penghuni di situ tidak menjelaskan bil air mereka. Saya difahamkan akibat daripada sekatan atau pemotongan bekalan air itu berlaku satu pergaduhan, walaupun pergaduhan kecil tetapi pihak kerajaan tidaklah sepatutnya membiarkan pemaju mempermainkan keperluan dan kemudahan asas penduduk terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes penduduk Kampung Sungai Nipah, Batu 3, Shah Alam pula, mereka telah menduduki kawasan berkenaan sejak 20 tahun yang lalu. Akhirnya dipaksa pindah tanpa sebarang pampasan akibat daripada konspirasi oleh pihak

yang tertentu termasuk pimpinan politik Ketua Peneroka Bandar, Dr. Mohd. Nasir Hashim telah membawa perkara ini kepada pihak atasan kerajaan termasuklah Bukit Aman dan Ketua Pengarah BPR tetapi sehingga hari ini nampaknya perkara berkenaan masih di dalam 'peti sejuk'. Adakah ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak mementingkan nasib dan penghidupan rakyat yang tidak mempunyai rumah untuk mempunyai rumah, sebaliknya lebih mengutamakan pemaju yang terdiri daripada kroni pimpinan politik.

Walau bagaimanapun, saya ingin meminta pihak kerajaan supaya mengambil tindakan tegas terhadap konspirasi yang berlaku ke atas penduduk Kampung Sungai Nipah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang perlu saya bangkitkan di sini ialah nasib bekas perajurit dan polis, permainan politik antara boneka-boneka pimpinan bekas perajurit dan pihak kerajaan telah menjadikan bekas-bekas tentera seperti 'menunggu buah tidak jatuh' iaitu mereka menunggu lahirnya suatu akta khusus mengenai bekas-bekas tentera. Akta ini diharapkan mengandungi peruntukan-peruntukan dan perlindungan secara komprehensif kepada nasib mereka dan generasi penyambung sehingga mereka boleh diserapkan dan hidup berdikari di dalam masyarakat awam. Tetapi sehingga sekarang, majoriti mereka masih di dalam keadaan naif. Menumpang di tanah-tanah setingan, di samping anak-anak mereka agak tercicir untuk menjejak di bidang pendidikan tinggi. Oleh itu sudah sampai masanya suatu akta yang relevan dan komprehensif diwujudkan bagi membela nasib bekas-bekas pasukan keselamatan terutama anggota tentera sebelum terlewat atau berlaku sesuatu yang tidak diingini dalam pilihan raya terutama kepada undi tentera, tetapi nasib tentera – Yang Berhormat bagi Parit Sulong, tidak mahu dibela.

Belanjawan 2000 tidak sedikitpun menyentuh mengenai persediaan mengenai AFTA, sedangkan negara jiran seperti Thailand, telah siap mempertingkatkan industri automatif sedangkan pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri meminta menguatkuasakan tarif di bawah AFTA yang berkaitan dengan negara ini ditunda iaitu 20% sehingga tahun 2003 dan 5% sehingga tahun 2007. Perkara ini dibangkitkan adalah berkaitan dengan kelemahan negara yang masih mengimport barangan pertanian terutama makanan yang bernilai hampir RM9 bilion sejak beberapa

tahun lalu, maka apabila AFTA dikuatkuasakan kelak, kita akan mengalami kekalahan dalam dua bidang penting, iaitu perindustrian dan pertanian yang menjadi nadi penjanaaan dan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Dengan kata lain, peruntukan RM76.7 juta untuk mengatasi dan membantu pengusaha IKS bagi kerajaan seolah-olah hanya melepaskan 'batuk di tangga' atau sikap yang amat tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perlonggaran kawalan modal dan jualan eksport yang akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia adalah dikhuatiri bahawa Bank Negara akan menyebabkan arus lebihan kecairan. Walaupun kadar faedah akan turun, tetapi amat dikhuatiri kecairan akan mengalir semula kepada syarikat-syarikat kroni dan sektor-sektor yang tidak produktif. Sehingga akan timbul semula cerita lama ekonomi pulih yang akan meletup semula sehingga kemelesetan ekonomi berulang sebagaimana yang pernah berlaku pada tahun-tahun yang telah lalu.

Tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa kawalan modal sebenarnya untuk agenda tersembunyi, untuk menyelamatkan dan melindungi syarikat-syarikat kroni yang nazak, bukan sebagaimana yang telah digembar-gemburkan oleh pihak pimpinan negara. Tiada pertanyaan? Yang Berhormat bagi Parit Sulong? *[Ketawa]* Yan tidak ada?

Tuan Yang di-Pertua, adalah bermanfaat untuk disebutkan di sini bahawa berikutan kejayaan Dr. Amien Rais diisytiharkan sebagai Speaker Majlis Permesyuaratan Rakyat Indonesia (MPR), maka wang Indonesia telah naik melonjak. Kenaikan juga berlaku dalam Bursa Saham Jakarta – telah meningkat melebihi daripada 10%. Dengan itu juga, nilai mata wang Indonesia (Rupiah) telah meningkat semakin kukuh. Berikutannya pula apabila Dr. Abdurrahman Wahid (Gusdur) telah dipilih dan diisytiharkan sebagai Presiden Indonesia Keempat, Bursa Saham Jakarta dan mata wang Rupiah telah sekali lagi meningkat naik dengan ketara melebihi daripada 10%.

Sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua, setelah Belanjawan 2000 dibentangkan oleh Menteri Kewangan Pertama pada 29 Oktober yang lalu, Bursa Saham Kuala Lumpur semakin menjunam sehingga pada hari ini. *Why*, Yang Berhormat bagi Parit Sulong? *[Ketawa]*

Demikian juga nilai Ringgit Malaysia masih bertahan seperti biasa iaitu RM3.80, itu pun oleh kerana nilai mata wang yang telah ditetapkan oleh Bank Negara. Jikalau

tidak, mungkin Ringgit Malaysia akan mengalami kejatuhan ataupun kedudukan yang amat teruk berbanding dengan Dolar Amerika. Kenapa Yang Berhormat bagi Parit Sulong? *[Ketawa]* Apakah erti semuanya ini?

Belanjawan 2000 yang dikemukakan baru-baru ini walaupun didakwa sebagai Belanjawan terbaik di atas dunia ini, sebenarnya sedikit pun tidak memberi *impact* keberkesanan dan keyakinan kepada pertumbuhan ekonomi negara dalam tempoh yang terdekat. Secara rasionalnya.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, tadi Yang Berhormat mengatakan apabila Dr. Amien Rais menjadi Speaker, mata wang Indonesia naik, apabila Pak Gusdur menjadi Presiden nilai Rupiah pun naik. Saya minta Yang Berhormat membuat ramalan, sekiranya Barisan Alternatif memerintah negara, bagaimanakah mata wang Malaysia, akan naik ataupun akan turun?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Insya-Allah, mata wang Malaysia akan naik dan Bursa Saham Kuala Lumpur juga akan naik. Ia, sama ada PM meletakkan jawatan atau Parti Alternatif naik, di antara dua pilihan itu. Saya yakin dan percaya dan saya meramalkan bahawasanya Bursa Saham Kuala Lumpur akan naik melonjak sebagaimana semula dan juga mata wang kita, insya-Allah akan terkeluar daripada belunggu yang ada sekarang ini. Ini kita doakan demikian, insya-Allah selepas pilihan raya akan datang, berilah kepercayaan kepada parti Alternatif.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya sukalah saya sebut sedikit, di dalam Dewan ini kita mendengar dan kita melihat pimpinan PAS, parti PAS, parti Alternatif telah difitnah, telah diserang di setiap penjuru, bukan sahaja dalam Dewan ini, bahkan di luar Dewan ini lebih-lebih lagi sehingga mereka sanggup menggunakan penyanyi-penyanyi yang terkenal seolah-olah mereka golongan yang maksum di atas muka bumi ini sehingga sampai kepada peringkat anak-anak kecil pun ikut menjadi mangsa serangan golongan ini.

Di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, bukan di kawasan saya – di kawasan Pasir Mas di Wakaf Baru, pada suatu hari guru masuk kelas – dia tanya budak-budak, “Berapa orang yang sokong PM?” Ada dua orang yang angkat tangan sokong PM. “Berapa orang yang sokong Tok Guru Nik Aziz?” Semua angkat tangan dengan kerusi pun naik. Ini satu benda, *[Disampuk]* dengan kerusi-kerusi diangkat, hendak

menunjukkan sokongan yang begitu hebat kepada Yang Amat Berhormat Dato' Nik Aziz dan dua orang sahaja yang sokong PM sehingga timbul kemarahan daripada....

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: *[Bangun]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Haji Noh bin Omar:*[Bangun]*

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:*[Ketawa]* Ini cerita benar.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Cerita benarliah ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanyalah kepada Yang Berhormat ini, yang pergi tanya kepada orang yang tidak boleh mengundi ini apa pasal? Apa untungnya? Budak-budak! Tanyalah kepada orang yang boleh mengundi, itu saya hairan, di mana letak kebijaksanaannya, tanya budak-budak yang tidak boleh mengundi. Dia tahu apa budak-budak ini? Itu sahaja hendak tanya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, yang bertanya itu bukan orang PAS, bukan guru PAS yang bertanya, guru kelas. Tidak tahulah kenapa boleh timbul soalan yang demikian. Saya dapat dengar cerita itu dan memang benarliah, saya *confirmed* cerita itu benar setelah peristiwa yang berlaku itu disampaikan kepada saya dan saya telah hubungi dan telah *confirmed* cerita itu adalah benar, bukan daripada orang PAS. Ini salah langkah, memang orang hendak kalah itu memang begitulah. *[Ketawa]* Dia salah langkah....

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang bangun ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Jadi, mungkin soalan pertama guru itu mungkinlah. Soalan yang kedua dia tidak tanyakah siapa sokong anak Dato' Nik Aziz, guru yang pukul budak dengan bangku itu, ada dia tanya atau tidak sama ada sokong atau tidak sokong?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Yang saya hairannya Tuan Yang di-Pertua, yang kata anak yang dipukul itu sampai sekarang ini mereka tidak mahu berpindah ke sekolah lain, masih mahu belajar di sekolah itu. Ini satu benda yang menjadi persoalan kepada kita. Kalaulah betul-betul mereka merasai mereka dianiaya i, saya rasa sudah pasti mereka akan meninggalkan Madrasah Pulau Melaka ini tetapi kenapa sekarang ini mereka kembali belajar sebagaimana pelajar-pelajar yang lain? Ini ada sesuatu, saya rasa Yang Berhormat boleh mempelajari mengapa hal itu telah berlaku.

Biasanya kalau kita tidak suka kepada seseorang, dia akan tinggalkan kita selamanya. Macam isteri kita tidak suka kepada kita, kita tidak suka kepada isteri kita, kita akan tinggal isteri kita. Ini tidak, semakin kita pukul semakin dia dekat dengan kita, bukan setakat itu, dia peluk lagi kita, dia cium lagi kita. Ini satu benda yang ajaib di atas dunia ini, Tuan Yang di-Pertua.

Ada satu lagi cerita dekat Tumpat di kawasan saya – guru lukisan, dia suruh anak-anak buat lukisan. Anak-anak tanya, “Cikgu, hendak buat lukisan apa?”, dia kata, “Hari ini lukisan bebas, boleh buat apa sahaja”. Kemudian budak-budak buat lukisan. Setelah semua buat lukisan, cikgu tengok lebih separuh buat lukisan ‘bulan’, marah lagi cikgu, “Kenapa buat bulan ini?”, “Dah cikgu kata suruh buat lukisan bebas, kami buat bulan ini, hendak buat dacing, payah, bulan mudah”. Ini yang telah berlaku di Kelantan. *[Disampuk]* Mudahkan! Mudah sahaja buat bulan ini, *easy*, inilah yang berlaku di Kelantan.

Masalahnya sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, anak-anak kecil pun sokong parti Alternatif. Ini adalah memberi pengajaran kepada orang-orang yang dewasa *[Ketawa]* untuk mengambil pengajaran. Anak kecil ini sebenarnya dia ada satu perasaan. Dalam bahasa Arab dikatakan ‘fitrah’ atau *instinct*, perasaan semula jadi, biasanya tindakan dia itu secara spontan.

Jadi, tidak hairanlah sekarang ini kalau kita pergi ke tempat-tempat ceramah parti Alternatif terutama ceramah-ceramah PAS, ceramah-ceramah kita bukan sahaja dihadiri oleh orang-orang dewasa tetapi juga dihadiri oleh anak-anak yang kecil. Bukan sahaja mereka menghadiri ceramah-ceramah kita tetapi mereka tidak tidur mengikuti ceramah ini, sampai kita sendiri tertanya-tanya apakah budak ini faham dengan ceramah kita. Inilah yang dikatakan fitrah (*instinct*), satu perasaan semula jadi yang telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T kepada anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang hendak bertanya?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, ini satu perkara yang serius, kalau kita lihat Surah Al-Ma'un, mengandungi tujuh ayat, sebelum Nabi Muhammad s.a.w. berpindah dari Mekah ke Madina, sewaktu Nabi Muhammad s.a.w. bersuka ria dengan

sahabat-sahabatnya kerana ramai di antara orang-orang Quraisy *kafirun* telah memeluk agama Islam. Saya bacakan Bismillahir-rahmanir-rahim [*Membaca Surah Al- Ma'un*].

Allah S.W.T. telah menurunkan ayat ini memandangkan bahawa ada di kalangan orang-orang Islam yang memeluk agama Islam itu hipokrit kerana apa, [*Fazalikallazi yadu'ul yatim*] “*dia telah mendusta, menghina anak-anak yatim*” [*Walayahuddu'ala ta'amil miskin*] “*dan tidak memberi makan kepada anak-anak miskin.*”

Saya lihat Ahli Yang Berhormat tadi kata bahawa di ceramah-ceramah PAS, budak-budak ini tidak tidur dan sebagainya. Kalau kita lihat bahawa ceramah-ceramah PAS ini yang dikatakan dakwah billisan, sedangkan kita daripada Kerajaan Barisan Nasional, kita mendakwah billisan dan bilhal. Kalau kita katakan [*Yadu'ul yatim*] anak-anak yatim tadi, anak-anak yatim ini perlu bimbingan, perlu dorongan dan perlu kasih sayang.

Pada kita konteks lughatul Arabiyah ini, kalau dari segi istilahnya, maknawinya, anak yatim ini ialah orang-orang Melayu sendiri yang 52% terdiri daripada bumiputera dan juga orang-orang Melayu beragama Islam. Mereka ini perlukan bimbingan, jadi itulah banyak polisi kerajaan yang bersangkutan dengan memulihkan dan memberi bimbingan kepada anak-anak yatim. Begitu juga [*To'amil miskin*] memberi makan kepada anak-anak orang miskin, kita ada dasar-dasar yang kita telah lakukan untuk meramaikan lagi bumiputera dalam kelas menengah dan sebagainya.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, kalau kita lihat statistik yang mutakhir anak-anak yatim yang banyak sekali lagha, anti sosial, hisap dadah kebanyakannya di Kelantan. Kalau kita lihatkan *to'amil miskin ini*, orang-orang yang miskin ini banyak di negeri Kelantan.

Jadi, apakah pandangan Ahli Yang Berhormat tentang apa yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk membangunkan umat-umat Islam dari segi ukhrawi dan duniawi?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Menurut kenyataan Ketua Polis Negeri Kelantan, kadar jenayah yang paling rendah sekali di Malaysia adalah di negeri Kelantan, kenyataan itu kebetulan saya sendiri ada dalam majlis itu. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak tahu lebih lanjut pergilah menghubungi Ketua Polis Negeri Kelantan.

Dan sebagaimana ayat yang Yang Berhormat baca itu, saya setuju, itulah perjuangan kita, barangkali di sanalah ada persamaan di antara perjuangan parti Barisan Alternatif dengan perjuangan Barisan Nasional tetapi perjuangan Barisan Nasional di samping ia memberi kepada anak-anak yatim, beri juga kepada orang-orang miskin, ia taruh juga dalam saku dia sampai penuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membaca satu ayat [*Membaca Surah An-Nasr*] saya rasa Yang Berhormat faham kan tentang ayat itu?

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya suka saya menyebutkan apa yang telah berlaku di Kelantan sekarang ini ialah masalah penafian kepada petani-petani untuk mendapatkan subsidi baja, ini sudah lama cerita ini sehingga Kerajaan Negeri Kelantan terpaksa membelanjakan hampir RM4 juta setahun untuk membeli baja memberi kepada petani-petani kerana mereka dinafikan untuk memberi subsidi. Saya hairan kenapakah persoalan ini berlaku berterusan mulai daripada tahun 1990 hingga sekarang ini.

Pada hari-hari yang kebelakangan ini berlaku lagi satu perkara yang kita kata sepatutnya perkara ini tidak berlaku iaitu masalah penafian dalam memberi subsidi padi. Saya ingin bertanya dalam Dewan ini, sebenarnya apakah setiap rakyat, seseorang petani itu mereka berhak untuk mendapat subsidi padi sekiranya mereka tidak dinafikan, tidak diberi subsidi padi, apakah langkah-langkah yang seharusnya dilakukan oleh pihak petani.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjung Karang bangun ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ini, kalau kata masalah penafian ini. Kita dalam Dewan ini memang semua orang bebas bercakap, tetapi apabila kita bercakap, kadang-kadang kita dinafikan untuk kita berinteraksi kerana kita dalam Dewan ini, bukannya masjid, sebab kadang-kadang wakil PAS, macam hari itu wakil dari Marang, dia macam baca khutbah, dalam masjid bolehlah, dia baca khutbah one way, tak boleh hendak ditegur, tak boleh hendak bercakap. Tetapi bila kita bangun hendak mintakan penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Marang, dia menafikan kita, dia tidak beri, sebab dia ingat dia sedang membaca khutbah sedangkan kita di Dewan yang mulia ini, kita berbahas.

Saya timbulkan persoalan ini, saya hendak beritahu Ahli Yang Berhormat bagaimana caranya PAS ini mempengaruhi rakyat dan supaya rakyat benci kepada

kerajaan, Yang Berhormat lihatlah *Harakah* hari ini, Ahli Yang Berhormat kena baca ini, [*tidak menghormati ayat-ayat al-Quran, wakil rakyat UMNO biadab, tidak berakhlak*] – macam inikah PAS membuat laporan dalam *Harakah*?

Inikah yang dikatakan Islam? Yang Berhormat pun ada di dalam Dewan, *Hansard* pun ada. Semasa bila kita kacau, kita mempermain-mainkan ayat al-Quran? Kita hendak minta penjelasan, inilah masalahnya bila wakil PAS bercakap *one way*, dia bercakap syok sendiri, ini bukan membaca khutbah. Kalau baca khutbah bolehlah.

Jadi, bila kita bangun kita dinafikan hak kita, kita hendak minta penjelasan kepada apa yang diucapkannya, apakah apa yang dia baca ayat al-Quran itu betul? Tetapi pelaksanaannya apakah betul dia ikut apa yang dia cakap. Kerana PAS ini mereka hanya mengerti bercakap sahaja tetapi tidak mengerti buat, itu yang kita hendak minta penjelasan, bukan kita tidak menghormati ayat al-Quran. Cuba Yang Berhormat fikir, katalah orang kampung baca *Harakah* ini, ayat ini '*tidak menghormati ayat-ayat al-Quran*' betul atau tidak?

Ahli Yang Berhormat boleh terima kenyataan yang ditulis di *Harakah*? Kemudian dengan tajuk yang begitu biadab, '*Wakil Rakyat UMNO Biadab – tidak berakhlak*' Inikah cara *Harakah* membuat laporan? Apakah ini Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat yang kena, Yang Berhormat pandai hendak menafikannya. Dalam Dewan, dinafikan hak kita, kita minta penjelasan, diputarbelitkan di dalam *Harakah*. Ini orang kampung tak tahu Yang Berhormat, kalau orang kampung baca, adakah betul perkara seperti ini? Ooi! Wakil Rakyat UMNO ini biadab, tidak berakhlak. Dan dia pakai yang sensitif, ayat al-Quran.

Kemudian di bawah ini lagi, dia ada tulis lagi, '*begitu juga keadaannya, semasa Abdul Hadi membaca hadis, sehingga ahli Parlimen bukan Islam dan pemerhati daripada orang bukan Islam dalam Dewan Rakyat turut terikut ketawa kerana diajar secara spontan oleh tingkah laku yang tidak beradab ahli Parlimen UMNO ketika ayat al-Quran dan hadis dibacakan.*'

Apa ini Yang Berhormat? Ini tak mahu cerita banyaklah Yang Berhormat, ini dalam Dewan kita ada cek *Hansard* apa yang kita kacau. Tetapi *Harakah* memutarbelitkan isu. Ini yang kita marah dengan PAS ini – pembohong, memutarbelit, menanamkan semangat benci kepada kerajaan. Begitulah juga dengan budak-budak

sekolah diajar. Ini kalau diberi kepada budak-budak sekolah, mampus dia akan sokong PAS. Dia akan benci kepada wakil rakyat UMNO. Ini yang kita marah ini, PAS memecahbelahkan orang Melayu, menggunakan *Harakah*.

Apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini, kita jangan cerita banyak. Kemudian yang disebelah ini pula, '*wakil rakyat BN pengecut di Kelantan.*' Bila wakil rakyat BN di Kelantan sebagai pembangkang tak datang Dewan, dia kata kita pengecut, wakil rakyat BN pengecut, sedangkan di dalam Dewan dia sebagai pembangkang, kita tanya dia tidak mahu beri jalan, dia bukan pengecut? Ini yang kita marah dengan PAS ini, memutarbelitkan ayat al-Quran dan memutarbelitkan fakta sehinggakan dalam Dewan ini Yang Berhormat pun boleh cek *Hansard* betulkah perkara ini, sensasi yang boleh menyebabkan orang benci kepada kerajaan, benci kepada UMNO kerana semata-mata kepentingan politik.

Yang Berhormat pun tak dapat baja, hendak marah fasal apa?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Geram Yang Berhormat ini, dia dok bercakap, PAS ini bercakap tak serupa bikin.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, kerana soalan itu, kerana orangnya wakil dari Marang itu tak mati lagi, dia ada, saya harap kepada Ahli Yang Berhormat kalau wakil dari Marang itu datang, boleh bertanya soalan itu kepada beliau, saya rasa lebih tepat, sebab beliau masih ada, jadi tak manislah kalau saya menjawab sebab jawatan dia itu lebih tinggi daripada saya. Boleh faham? [*Ketawa*]

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat itu bukan soalnya, saya tidak payah tanya Marang, saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat bersetuju atau tidak, saya tanya Yang Berhormat ikhlas sebagai seorang Islam, Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan tajuk *Harakah* ini, '*tidak menghormati ayat-ayat al-Quran, wakil rakyat UMNO biadab, tidak berakhlak*' dan mengatakan kita juga mempermainkan hadis, Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan laporan *Harakah* ini?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya tak baca lagi *Harakah* itu. [*Ketawa*]

Tuan Haji Noh bin Omar: Eh! tak baca apa? [*Ketawa*] Saya sudah bacakan, ha inilah orang PAS, Tuan Yang di-Pertua, dia hendak pusing-pusing belit, inilah Haii!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tak boleh buat keputusan, saya tak baca lagi, nanti saya akan baca.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang, cukuplah, cukup. Biarlah!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya akan teliti dan kemudian saya akan buat keputusan, [*Ketawa*] Nanti, kalau saya buat keputusan sekarang, seolah-olah saya masuk perangkap kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Pula!

Tuan Haji Noh bin Omar: Lagi satu

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Pelandok tak akan lupa pada jeratnya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Hendak tanya lagi satu, yang ini Ahli Yang Berhormat boleh buat keputusan. Boleh atau tidak? Saya hendak minta penjelasan?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kalau kita hendak buat keputusan, jangan baca separuh-separuh, kita baca semua sekali.

Tuan Haji Noh bin Omar: Okay, saya akan baca semua, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tak usahlah!

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan, sebab hendak minta dia buat keputusan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Sebab ini ada saya hendak minta penjelasan, ada dua pendapat yang berbeza, jadi Yang Berhormat sebagai ahli PAS mungkin boleh buat keputusan siapa yang betul, boleh? Kalau berani berilah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Karang, cukuplah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Boleh ya? Ha, dia tidak berani beri, lepas itu nanti keluar *Harakah* dia kata kita pengecut. Kita tanya dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah. Yang Berhormat dari Tumpat, sila teruskan. Panjang lagikah Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Benda itu ada lagi, tetapi saya rasa sudah cukuplah itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup dah?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Seremban.

5.20 ptg.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Saya rasa belanjawan yang dibentangkan adalah satu belanjawan yang begitu baik walaupun dikritik oleh parti-parti lawan bahawasanya belanjawan ini bertujuan untuk memancing undi. Sebenarnya budget yang dibentangkan oleh pakatan parti lawan memang berhasrat untuk memancing undi.

Biasanya cuma pihak berkuasa ada *budget*, saya tidak pernah dengar parti-parti lawan juga boleh mengemukakan satu budget. Memang boleh menyatakan macam-macam janji tetapi mereka tidak berkuasa dan memang tidak perlu untuk menunaikan segala perjanjiannya. Tetapi dalam Barisan Nasional apa yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini sudah pasti akan ditunaikan, sudah pasti akan dijalankan, dilaksanakan demi kepentingan rakyat. Jadi saya nasihat parti-parti lawan jangan pakai taktik-taknik ini, memadailah, cukuplah, serahkan kepada rakyat untuk membuat keputusan.

Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang telah tunjuk *Harakah*, memang saya bersetuju ianya digunakan untuk memburuk-burukkan pemimpin kerajaan, memburuk-burukkan UMNO dan juga memburukkan pemimpin MCA. Baru-baru ini juga muka depan, dikatakan bahawa Menteri Pengangkutan menghina agama Islam. Bila minta tunjuk bukti, dia cakap tidak ada. Inilah perangai orang-orang PAS, pemimpin PAS ini, biasalah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan sebab Yang Berhormat cakap pasal belanjawan PAS, dalam *Harakah* ini, saya hendak tanya komen Yang Berhormat, tajuknya '*Pemansuhan lesen televisyen dibuat disaat akhir, Daim ciplak Belanjawan Alternatif.*' Jadi, seolah-olah kita yang ikut Belanjawan Alternatif. Apa komen Yang Berhormat?

Dato' Hon Choon Kim: Saya cadang Kementerian Dalam Negeri telitilah, teliti surat khabar *Harakah*. Sebab ini bukan untuk ahli mereka, boleh dapat mana-mana tempat, disiarkan dalam Internet. Jadi, mintalah kerajaan kaji betul-betul. Kita tidak mahu negara ini hancur, kita mahu bangun negara kita ini, kita memang telah berusaha untuk membangunkan negara kita ini sampai tahap sekarang ini. Jangan biar orang-orang yang tidak bertanggungjawab dengan niat yang jahat, kepentingan politik semata-matanya untuk menghancurkan negara kita ini.

Jadi saya cadang buat kajian betul-betullah. Kalau nampak ianya tidak dapat dikawal, haramkanlah. Jangan takut, sebab kalau biar macam ini saya rasa kita akan menghadapi banyak masalah. [*Disampuk*] Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan dalam budget yang dibentangkan sudah jelas ialah untuk memulihkan kerajaan, memulihkan ekonomi negara kita ini. Sudah buktikan bahawa begitu jelas usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan telah mencapai matlamatnya. Pakar-pakar ekonomi pun telah puji kerajaan, puji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan cara yang tersendirinya telah menangani masalah kegawatan ekonomi. Ini sudah jelas. oleh

Oleh kerana itu, baru-baru ini dua persatuan besar terdiri daripada masyarakat Cina iaitu gabungan Dewan-dewan Peniagaan dan Perindustrian Malaysia (ACCCIM), penggabungan Pertubuhan Cina Malaysia (FCAM) telah bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mereka juga menyatakan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang usaha yang telah diambil untuk memulihkan ekonomi kita ini. Tetapi kenyataan ini, hari ini keluar, hari esok Yang Berhormat dari Tanjong telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa dia rasa aneh, dia rasa terkejut mengapa dua persatuan ini boleh mengeluarkan kenyataan untuk menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebenarnya saya rasa hairan, mengapa rasa hairan, mengapa Yang Berhormat dari Tanjong, Ketua Pembangkang rasa terkejut tentang kenyataan dua persatuan untuk menyokong kerajaan, apa salahnya. Kalau rakyat Malaysia tahu hasrat kerajaan baik, usaha kerajaan ternyata baik, sokonglah kerajaan, apa salahnya. Tak akan terikut-ikut parti-parti lawan walaupun kerajaan baik mereka hendak putar belitkan, katakan kerajaan tidak baik, hanya parti-parti lawan PAS, DAP dan KeADILan baik. Saya hairan kalau ada orang cakap parti-parti lawan baik, saya terkejut dan saya hairan sebab kita lihat PAS

di Kelantan, cara dia mentadbir Kerajaan Kelantan. Orang termiskinterbanyak sekali di negeri Kelantan. Ini memang satu kenyataan, ini bukan kita boleh cipta angka-angka ini, memang ini telah ditunjukkan bahawa bilangan orang yang termiskin yang terbanyak adalah di negari Kelantan. Ini memang kenyataan, ini telah membuktikan bahawa parti PAS tidak boleh memerintah negara, jangan mimpilah untuk memerintah negara. Sebuah negeri pun tidak mampu Tuan Yang di-Pertua. Kalau biar PAS masuk memerintah negara, Yang Berhormat Tumpat menjadi Menteri Kewangan, habislah, habis! *[Disampuk]* hancur, hari ini lelong Putrajaya, besok lelong masjid, habislah kemudian, mana ada lagi harta benda. Kalau macam ini siapa pun boleh memerintah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa PAS janganlah masuk kampung untuk membuat fitnah, tomahan-tomahan yang tidak berasas, tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Dato' Hon Choon Kim: Sila.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Yang Berhormat bagi Seremban, ingatkah atau tidak semasa PAS menjadi pembangkang di Kelantan, mereka pernah menyatakan kepada Kerajaan Barisan Nasional, mengenai dengan Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri sekarang ini, di mana pejabat Menteri Besar pun berada di situ. Kononnya pembinaan kompleks SUK pada ketika itu membazir, bukan sahaja membazir, bangunannya bentuknya macam '*ketik tokca*' dia kata, tetapi sekarang ini dia juga duduk situ, Pejabat Menteri Besar pun duduk situ. Apakkah dia sebut membazir, perkara ini? Kalau membazir kenapa dia tidak jual atau tidak ubah suai supaya menjadi nilai yang kecil. Tindakan ini *double standard* Yang Berhormat?

Dato' Hon Choon Kim: Ini bukan *double standard* sahaja, ini memang cakap tidak serupa bikin. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Memang nyata, mula-mula cakap tidak mahu, *mercedes* dia pun tidak mahu pakai, lepas itu duduk dalam juga. Tenguk PAS punya pemimpin, DAP punya pemimpin, KeADILan punya pemimpin, bila dia masuk kampung ceramah, dia bukan naik basikal, dia bukan naik bas, dia naik mercedes besar, kereta besar, ada driver lagi pula, tenguk. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya sebut kalau parti-parti lawan memerintah negara kita, kalau Lim Kit Siang menjadi Perdana Menteri, hancur. Ketua Pembangkang, mana dia di tempatnya.. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sambung hari Selasa depan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan hari Selasa depan jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Okt 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tajah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

- Yang Berhormat Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)

- Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

- Yang Berhormat Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Noor Effarizan binti Mat Satib Nurziana binti Ismail Azita binti Naw Nik Elyana binti Ahyat Taharah binti Mohamed Jamilah Intan binti Haji Bohari
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Haji Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Jilid V	Bil. 43	Khamis	4 November 1999
----------------	----------------	---------------	------------------------

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan	1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan	24)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang Undang-undang Perbekalan 2000	(Ruangan	24)
USUL:		
Anggaran Pembangunan 2000	(Ruangan	24)